Dr. Mahani Binti Stapa merupakan pensyarah kanan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Sebagai seorang Penasihat Akademik, beliau sangat prihatin terhadap isu dan masalah pelajar di bawah seliaan beliau. Beliau sentiasa memantau perkembangan pelajar di bawah seliaan beliau terutamanya dari aspek akademik dan kebajikan pelajar. Beliau sentiasa memberi motivasi dan memastikan pelajar di bawah seliaan beliau yang menghadapi masalah seperti masalah kesihatan agar tidak ketinggalan atau mengalami kesulitan sewaktu pengajian. Dr. Mahani juga bertanggungjawab membentuk laluan pendidikan pelajar seawal semester pertama dan membimbing pelajar di bawah seliaan beliau untuk

merebut peluang menimba pengalaman terutamanya pengalaman di luar negara. Dr. Mahani juga sentiasa menjadi pusat rujukan pelajar bagi apa jua bantuan yang diperlukan pelajar. Kejayaan pelajar beliau yang layak ke peringkat akhir Musabaqah Tilawah Al-Quran Universiti-Universiti Peringkat Antarabangsa pada 21 April 2021 dan juga ditawarkan biasiswa Zamalah untuk melanjutkan pelajaran di peringkat PhD secara fast-track adalah antara contoh hasil usaha murni beliau sebagai seorang Penasihat Akademik.



## ANUGERAH PENASIHAT AKADEMIK

### **Dr. Siti Zaleha binti Omain** Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim



Dr. Siti Zaleha binti Omain merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pentadbiran Perniagaan Johor Bahru, Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim. Pada tahun 2020, beliau telah dianugerahkan Anugerah Khas Dekan di peringkat AHIBS dan APC di peringkat universiti. Sebagai seorang Penasihat Akademik, beliau sangat menitikberatkan hubungan yang baik dengan pelajar dan bekas pelajar di bawah seliaan beliau. Dr. Siti Zaleha juga sentiasa prihatin terhadap isu dan masalah pelajar di bawah seliaan beliau. Berdasarkan pengalaman beliau dengan pelajar di bawah seliaan beliau, Dr. Siti Zaleha telah memulakan inisiatif program FREE FOOD@AHIBS yang memberikan kupon makanan kepada pelajar dan bantuan kewangan kepada pelajar semasa pandemik.

Program tersebut bermula dari tahun 2019 hingga sekarang, dan lebih daripada 250 pelajar B40 telah mendapat manfaat dari program tersebut dengan prinsip "Zero Hunger" dan "Quality Education". Dr. Siti Zaleha yakin penasihat akademik yang berkesan ialah dengan membina hubungan baik dengan pelajar, prihatin, adil dan membantu pelajar dari segi akademik dan kerjaya

## **ANUGERAH PENGAJARAN (SAINS SOSIAL)**

**Prof. Madya Dr. Noor Azean binti Atan**  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan



Berpegang kepada usaha berterusan mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dalam melahirkan insan holistik, dengan paradigma setiap individu mempunyai kebolehan tersendiri serta dinamik, Prof. Madya Dr. Noor Azean sentiasa membina peluang kepada anak didikannya dalam menguasai kemahiran dan pengkayaan ilmu pengetahuan melalui pengalaman pembelajaran, dan menyuburkan serta mengimplementasikan ilmu itu, menerusi perkongsian dan perpindahan ilmu bagi keterangkuman masyarakat. Beliau berusaha dalam melahirkan individu berketrampilan serta bertanggungjawab terhadap masyarakat dengan membudayakan ilmu bagi kesejahteraan dan keharmonian bersama. Justeru dalam merealisasi keupayaan

individu, beliau meneroka kebolehan dan mencungkil kompetensi anak didikannya secara idealisme. Beliau memurnikan dan mengeksplorasi kaedah pengajarannya melalui pendekatan hibrid pembelajaran servis dengan menginkluskasikan pengintegrasian teknologi digital secara kreatif dan inovatif sebagai sebuah revivalisme dalam lanskap pendidikan baharu. Kecemerlangan beliau melaksanakan hibrid pembelajaran servis telah membawa kepada kejayaan berkolaborasi bersama universiti-universiti luar negara serta meraih pelbagai anugerah emas dan platinum serta pengiktirafan peringkat universiti, kementerian, kebangsaan, mahupun antarabangsa.

## ANUGERAH PERUNDINGAN

### Pembangunan Dasar Ukur Dan Pemetaan Utiliti Bawah Tanah Nasional

**Ketua Projek : Prof Madya Dr. Nor Ashikin Mohamed Yusof**

Projek perundingan Pembangunan Dasar Ukur dan Pemetaan Utiliti Bawah Tanah Nasional (No. Vot: 1704) yang bernilai hampir RM500,000 diberikan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia kepada kumpulan perunding Pusat Polisi Sains, Teknologi dan Inovasi Perdana, melalui Uni-Technologies Sdn. Bhd. Projek ini diketuai oleh PM. Dr. Nor Ashikin Mohamed Yusof dari Fakulti Teknologi Informatik Razak, dan dianggotai oleh (1) Prof. Zamri Mohamed; (2) Dr. Shadiya Mohamed Saleh Ba Qutayan; dan (3) Dr. Siti Hasliah Salleh; serta dua orang pegawai perunding, iaitu (1) Dr. Amirah 'Aisha Badrul Hisham; dan (2) Dr. Mohd Alif Mohd Puzi. Setiap ahli mempunyai kepakaran tersendiri seperti pengajian polisi, perundangan, teknologi maklumat dan pengurusan pengetahuan, psikologi, dan kaedah penyelidikan polisi. Kepelbagaian ini saling melengkapi dan menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan projek dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu selama 8 bulan.





Anugerah ini membuktikan kepakaran kumpulan perunding dalam bidang polisi diperakui oleh pihak Universiti dan industri. Anugerah ini pastinya menjadi faktor penggalak kepada pihak kami untuk terus menjalankan projek perundingan, dan sentiasa memastikan kualiti terbaik daripada kami. Kejayaan ini diharap dapat meningkatkan keyakinan pihak industri untuk melantik kumpulan perunding menjalankan projek perundingan seumpamanya pada masa akan datang.

Kumpulan perunding juga terlibat dalam projek perundingan dan penyelidikan lain, iaitu; (1) Pengemaskinian dan Pembangunan Malaysian Research & Development Classification System Edisi 7 (UTSB - MOSTI); (2) Risk Assessment on Dual Use Technology, Dual Use Research, and Dual Use Research of Concern, their Modes of Transfer and Mitigation Plan to Curb Them (RMC - CRDF Global, USA); (3) Impact of Studying Abroad amongst UTM Academicians (RMC - JICA-RI, Japan); (4) Profiling Volunteer Members' Participation in the Malaysia Civil Force based on the Influence of Incentives (UTM). Projek-projek ini dijalankan dengan berpegang kepada asas "Evidence-based Policy and Contextualization". Ini kerana setiap projek yang dilaksanakan adalah unik, dan setiap satunya memberi manfaat kepada penyedia geran. Semuanya adalah pencapaian tertinggi kami.



## ANUGERAH PEREKACIPTA (SAINS DAN TEKNOLOGI)


**Prof. Ir. Dr. Nor Aishah binti Saidina Amin**  
Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga,  
Fakulti Kejuruteraan

Profesor Ir. Dr. Nor Aishah Saidina Amin adalah Profesor Kejuruteraan Tindak balas Kimia di Sekolah Kimia dan Kejuruteraan Tenaga. Kepakaran beliau merangkumi Mangkin Gunaan, Rekabentuk Reaktor dan Pemodelan dan Kejuruteraan Reaktor. Beliau mempunyai lapan paten dan 17 pemfailan paten untuk inovasi yang telah dilakukan. Penulis tiga buah buku, 6 bab buku dan lebih 200 kertas-kertas jurnal berindeks Web of Science beliau adalah seorang jurutera profesional dan felo IChemE (FICHEM). Beliau dilantik sebagai Felo Akademi Sains dan penerima anugerah Top Research Scientist Malaysia (TRSM) oleh Akademi Sains Malaysia (ASM). Prof. Nor Aishah adalah pemenang Anugerah Bintang Penyelidikan Malaysia di bawah kategori kerjasama penyelidikan antarabangsa dan penyelidikan cemerlang pemanasan global. Beliau diiktiraf oleh Web of Science sebagai Highly Cited Researcher 2018. Beliau merupakan Penasihat Lembaga Editorial untuk Energy Conversion and Management, Buletin Catalysis and Chemical Reaction Engineering dan Energy and Fuels. Prinsip hidup yang beliau pegang ialah "Never Give-Up".



**ANUGERAH PEREKACIPTA  
(SAINS SOSIAL)**

**Prof. Dr. Fatin Aliah Phang binti Abdullah**  
**Sekolah Pendidikan**  
**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**



Fatin Aliah Phang telah mula terlibat dalam penghasilan dan pemfailan harta intelek sejak tahun 2013. Sehingga kini beliau telah menfailkan sebanyak 14 harta intelek sebagai ketua perekacipta dan 25 sebagai perekacipta bersama. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 produk berjaya dikomersialkan dengan nilai melebihi RM100,000.00. Kebanyakan harta intelek yang dihasilkan adalah buku kerja dan modul latihan dan pendidikan seperti buku kerja Iskandar Malaysia Ecolife Challenge, Research Methodology in Engineering Education Module, Modul Outcome-Based Education dan sebagainya. Di atas kejayaan penghasilan dan pengkomersialan harta intelek, beliau telah memenangi Pingat Emas dalam Anugerah Harta Intelek Negara 2018 bagi kategori Hak Cipta oleh MyIPO, Anugerah Creativiti Medal oleh WIPO, Top Research Scientists Malaysia 2019 oleh ASM, Okayama ESD Awards oleh Okayama City

Jepun, Global RCE Awards – Outstanding Flagship Project on Climate Change oleh United Nations University (UNU) dan anugerah-anugerah rekacipta lain seperti ITEX, PECIPTA, INATEX dan NALI. Beliau kini membantu RA Smart Digital Community untuk melatih dan meningkatkan lagi bilangan perekacipta dalam bidang sains sosial bagi mengkomersialkan harta intelek mereka.



## ANUGERAH INOVASI & PENGKOMERSILAN PRODUK

### Ebraille

**Prof. Madya Dr. Zair Asrar bin Ahmad**  
Sekolah Kejuruteraan Mekanikal  
Fakulti Kejuruteraan

Al-Quran Braille Elektronik (Al-Quran eBraille) bermula dengan hasrat membantu golongan OKU Penglihatan mudah membaca dan mempelajari Al-Quran. Berbanding insan normal yang hanya perlu menghayati senaskah Al-Quran, OKU Penglihatan terpaksa berdepan dengan 6 jilid cetakan timbul (embossed) Al-Quran Braille yang setiap satu bersaiz 9.75in x 11.5in. Keseluruhan Al-Quran Braille bercetak timbul tersebut beratnya melebihi 10 kilogram. Membawa Al-Quran Braille bercetak bagi golongan OKU Penglihatan bukanlah semudah membawa senaskah Al-Quran biasa. Untuk membacanya pula mereka berdepan dengan cabaran dalam mencari ayat, surah dan juzuk dari jilid tertentu. Tambahan pula, cetakan timbul tersebut mudah hilang sekiranya tidak dijaga dengan betul.



Kumpulan penyelidikan eBraille UTM ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2009 di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal setelah mendapat dana awal dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui geran DAGS. Melalui dana ini Kumpulan eBraille berjaya menghasilkan prototaip awal Al-Quran eBraille yang merupakan sebuah panel yang beratnya kurang dari 1.5kg. Panel ini memuatkan senaskah lengkap Al-Quran atau keseluruhan 6 jilid Al-Quran Braille bercetak timbul melalui penjelmaan titik-titik Braille turun dan naik secara automatik. Ia menggunakan sistem menu; bersifat mesra pengguna, berkesan serta efisien sekaligus memudahkan penghayatan Al-Quran tanpa sebarang rintangan seperti dahulu.

Inovasi pertama di dunia ini telah mendapat pengiktirafan melalui lebih dari lima belas (15) anugerah diterima dari dalam dan luar negara. Ianya juga telah menarik perhatian pelbagai agensi antaranya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Majlis Agama Islam dan Lembaga Zakat pelbagai negeri. Agensi-agensi ini telah bersama-sama menyalurkan dana bagi melengkapkan projek Al-Quran eBraille. Melalui dana yang disalurkan, produk lengkap Al-Quran eBraille telah berjaya dihasilkan pada akhir tahun 2015 dengan percubaan awal telah dilaksanakan di enam (6) pusat pembelajaran Al-Quran eBraille seluruh negara.

Hasil positif dari percubaan awal ini disertai dengan dorongan kuat dari Datuk Naib Canselor, produk eBraille mula dipasarkan pada pertengahan tahun 2017. Al-Quran eBraille ini juga telah mendapat pengesahan data dan audio dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dibenarkan untuk edaran di Malaysia.



Gambar 1: Kumpulan penyelidikan eBraille UTM di salah sebuah Pusat Pembelajaran eBraille (SKPK Princess Elizabeth, Johor Bahru)

Sehingga kini lebih dari 120 unit peranti eBraille Al-Quran telah berada di pasaran. Versi kedua Al-Quran eBraille yang lebih murah dan kompak kini sedang dibangunkan supaya lebih ramai OKU Penglihatan akan mendapat manfaat. Sistem eBraille juga sedang dipertingkatkan supaya sesuai dengan corak pengajaran dan pembelajaran secara online yang menjadi norma baru kini. Penghasilan peranti eBraille ini menjadi bukti warga UTM masih prihatin terhadap keperluan masyarakat terutamanya golongan OKU yang jauh ketinggalan dalam akses kepada teknologi pendidikan terkini.



Gambar 2: Peranti Al-Quran eBraille sedang digunakan pelajar OKU



## ANUGERAH PENYELIDIKAN (PENYELIDIK MUDA)

**Dr. Ahmad Ilyas bin Rushdan**  
Sekolah Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga  
Fakulti Kejuruteraan



Dr. Ahmad Ilyas bin Rushdan ialah pensyarah kanan di Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah kejuruteraan polimer (*Biodegradable Polymers, Biopolymers, Polymer composite*) dan kejuruteraan bahan (*Advanced Natural fibre, Biocomposites, Cellulose, Nanocellulose materials, Nano-composites*).

Hasil daripada penyelidikan ini diterjemahkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa. Sehingga kini, beliau telah berjaya menerbitkan 375 penerbitan (diterbitkan/diterima): 147 jurnal terbitan berindex JCR/ Scopus, 14 buku, 104 bab dalam buku, 73 konferen prosiding/seminar, 4 buletin, 10 kertas konferen (abstrak diterbitkan di dalam buku abstrak, 14 editor jemputan terbitan khas dan 9 editor/ editor bersama Prosiding Konferen/Seminar. Beliau telah menghasilkan 14 buah buku terbitan Elsevier(UK dan US), John Wiley & Sons Ltd(UK), Springer Nature(US and Singapore), Taylor & Francis(US), MDPI(Sweden) dan UPM Press (Malaysia). Pada tahun 2018, beliau telah memenangi Anugerah Buku Negara 2018, Kategori Flora dan Fauna, bagi buku yang bertajuk Pokok Enau: Potensi dan Pembangunan Produk. Beliau juga telah menghasilkan satu paten. Jumlah sitasi terkumpul sehingga terkini adalah 4612 dengan Scopus H-Index 42.

Beliau telah menjadi ketua dan penyelidik bersama bagi 10 projek penyelidikan. Beliau merupakan *Editorial Board Member* bagi jurnal *Polymers MDPI (Q1)*, *Nanomaterials MDPI (Q1)*, *Materials MDPI (Q1)*, *Frontiers in Materials (Q2)*, *Journal of Applied Agricultural Science and Technology (JAAST)*, *Journal of Agricultural and Food Engineering (JAFE)* dan lain-lain, *Managing Editor* bagi jurnal *Journal of Fibers and Polymer Composites (JFPC, Malaysia)* dan *Journal of Natural Fibre Polymer Composites (JNFPC, Indonesia)* dan *Guest Editor* untuk 14 *special issues*.

Beliau juga dianugerahkan *Outstanding reviewer* oleh *Carbohydrate Polymers, (Elsevier, United Kingdom)*, *Top Cited Article 2020-2021 Journal Polymer Composites, (Wiley, US)*, Anugerah Kertas Penerbitan Terbaik, dan Anugerah Pembentang Terbaik di pelbagai persidangan antarabangsa dan kebangsaan. Beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan atas kecemerlangan beliau dalam bidang penyelidikan dan penerbitan antaranya *World's Top 2% Scientist Tahun 2019 dan 2020*, *PERINTIS Publication Award Tahun 2021 dan 2022*, *Emerging Scholar Award by Automotive and Autonomous Systems 2021, Belgium* dan *Young Scientists Network - Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM)*.



**ANUGERAH PROJEK PENYELIDIKAN  
(KEBANGSAAN/ NASIONAL)**

***Superhydrophilic, Robust Ceramic Hollow Fibre  
Membranes Derived From Agricultural Wastes  
For Oily Wastewater Treatment***

**Prof. Ts. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan bin Othman**  
Sekolah Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga  
Fakulti Kejuruteraan

Prof. Ts. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan bin Othman ialah seorang penyelidik dan pensyarah di Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, Fakulti Kejuruteraan. Beliau merupakan pakar dalam bidang Teknologi Membran dan Sel Bahan Api. Beliau memulakan kerjaya penyelidikan pada tahun 2011 dan hasil penyelidikan beliau telah diterbitkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa dengan H-index Scopus sebanyak 40. Hasil kerja beliau yang paling menonjol adalah *Novel Anti-Foulant, Super-Amphiphobic Nano-Rod Titania Incorporated onto Inexpensive Clay Ceramic Membrane Distillation for Water Reclamation From Industrial Wastewater*. Beliau juga telah menghasilkan kajian penyelidikan bertajuk *Development of Ultrafiltration Supported Membrane for Lab-Scale Membrane Bioreactor*.



Terkini, antara kajian yang sedang aktif dijalankan oleh Prof. Ts. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan ialah *Omniphobic Ceramic Hollow Fiber Membrane for Membrane Distillation, Omniphobic Hollow Fiber Membrane for Membrane Distillation, Sunlight-Driven Photocatalyst with High Energy Storage for Efficient Removal of Endocrine Disrupting Compound (EDC) in Water*. Hasil rekaan dan penyelidikan Prof. Ts. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan telah memenangi pelbagai pengiktirafan termasuk *The Promising Academician Award, 14<sup>th</sup> National Academic Award 2022, Top Research Scientist Malaysia (TRSM) 2019 dan Asian Invention Excellence Award, 28<sup>th</sup> International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2017)*.

**ANUGERAH PROJEK PENYELIDIKAN  
(INDUSTRI)**

***Effect Of Moisture Absorption On Perforation Resistance And Residual Strength Of Interply Hybrid Hemp-Kevlar/Carbon Epoxy Composites***

**Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Zaki bin Hassan**  
Fakulti Teknologi & Informatik Razak



Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Zaki bin Hassan ialah seorang penyelidik dan pensyarah di Fakulti Teknologi dan Informatik Razak. Beliau merupakan pakar dalam bidang *Composite, Natural Fiber, Polymer dan Additive Manufacturing*.

Beliau memulakan kerjaya penyelidikan pada tahun 2015 dengan penerbitan H-index Scopus 10. Hasil kerja beliau yang paling menonjol adalah *Optimization of tensile behavior of banana pseudo-stem (Musa acuminata) fiber reinforced epoxy composite using response surface methodology*. Kajian lain beliau yang mendapat citation tinggi ialah *Mercerization optimization of bamboo (bambusa vulgaris) fiber-reinforced epoxy composite structures using a box-behnken design*.

Terkini, Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Zaki sedang menjalankan kajian bertajuk *Recent Advances in Ti-6Al-4V Additively Manufactured by Selective Laser Melting for Biomedical Implants : Prospect Development*. Hasil rekaan dan penyelidikan beliau telah memenangi pelbagai pengiktirafan termasuk *Gold Medal Award of Kaohsiung International Invention & Design Expo; Special Award by Toronto International Society of Innovation & Advanced Skills dan Gold Award NALI 2018*.

**ANUGERAH PROJEK PENYELIDIKAN  
(ANTARABANGSA)**

***A Novel Study Of Cooling Strategies For Living Space Through Internet Of Thing***

**Ts. Dr. Mohd Fitri bin Mohd Yakub**  
**Malaysia-Japan International Institute Of Technology**

Ts. Dr. Mohd Fitri bin Mohd Yakub ialah seorang penyelidik dan pensyarah di Malaysia-Japan International Institute of Technology. Beliau merupakan pakar dalam bidang *control theory and application*.

Beliau memulakan kerjaya penyelidikan pada tahun 2018 dan penerbitan dengan H-index Scopus sebanyak 12. Hasil kerja beliau yang paling menonjol adalah *A Novel Study of Cooling Strategies for Living Space through Internet of Thing*. Beliau juga telah menghasilkan *A Smart Sensor Network System for Prevention Contamination from COVID-19 in Office Buildings*.



Terkini, Ts. Dr. Mohd Fitri bin Mohd Yakub sedang membangunkan kajian bertajuk *Autonomous vehicle for traffic flow at signalized and roundabout scenario*.

Hasil rekaan dan penyelidikan Ts. Dr. Mohd Fitri telah memenangi pelbagai pengiktirafan termasuk *Int. Research Invention, Innovation and Exhibition (I-RIE 2022) - Silver Medal*; *MTE 2021 Silver & Bronze Medals* dan *Third Prize Certificate for IC Track IEEE R10 HTC 2021*.



**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
(FAKULTI)**

**FAKULTI KEJURUTERAAN**

**SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA &  
KEJURUTERAAN TENAGA**

Dr. Ahmad Ilyas Bin Rushdan  
Prof. Madya Dr. Goh Pei Sean  
Dr. Wan Norharyati Binti Wan Salleh  
Prof. Madya Dr. Norhaniza Binti Yusof  
Dr. Farhana Binti Aziz  
Prof. Dr. Nor Aishah Binti Saidina Amin  
Prof. Dr. Lee Chew Tin

**SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK**

Prof. Madya Dr. Mohamed Sultan Bin Mohamed Ali  
Prof. Madya Dr. Tan Chee Wei  
Prof. Dr. Mohamad Kamal B. A. Rahim  
Dr. Usman Ullah Sheikh  
Prof. Dr. Mohd Wazir Bin Mustafa  
Prof. Madya Dr. Muhammad Nadzir Bin Marsono  
Prof. Madya Dr. Salinda Binti Buyamin  
Prof. Madya Dr. Shahrin Bin Md Ayob  
Prof. Madya Dr. Michael Tan Loong Peng  
Prof. Madya Dr. Mohamad Shukri Bin Zainal Abidin  
Dr. Mohd Saiful Azimi Bin Mahmud

**SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM**

Dr. Norhidayah Binti Abdul Hassan  
Dr Haryati Binti Yaacob  
Dr Nur Syamimi Binti Zaidi  
Dr. Ahmad Razin Bin Zainal Abidin @ Md. Taib  
Prof. Madya Dr Tarmizi Ismail  
Dr. Mohd Hafiz Bin Puteh  
Dr. Mohd Khairul Idham Bin Mohd Satar  
Prof. Dr. Mohd Rosli Bin Hainin

**SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

Prof. Dr. Safian Bin Sharif  
Prof. Madya Dr. Muhamad Azizi Bin Mat Yajid  
Prof. Dr. Muhamad Zamri Bin Mat Saman  
Dr. Mohd Zamri Bin Mohd Yusop  
Prof. Dr. Syahrullail Bin Samion  
Prof. Madya Dr. Zaini Bin Ahmad  
Prof. Madya Dr. Aini Zuhra Binti Abdul Kadir  
Prof. Madya Dr. Tuty Asma Binti Abu Bakar

**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
(FAKULTI)**

**FAKULTI KEJURUTERAAN**

**SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOPERUBATAN &  
SAINS KESIHATAN**

Dr. Asnida Binti Abdul Wahab

Dr. Wong Tuck Whye

**SEKOLAH KOMPUTERAN**

Dr. Fuad Abdulgaleel Abdoh Ghaleb

Dr. Bander Ali Saleh Al-Rimy

Prof. Dr. Kamalrulnizam Bin Abu Bakar

Prof. Dr. Wan Mohd Nasir Bin Wan Kadir

Dr. Rohayanti Binti Hassan

Prof. Madya Dr. Nor Azman Bin Ismail

Prof. Dr. Habibollah Bin Haron

**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
(FAKULTI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN**

Prof. Madya Dr. Aqeel Khan  
Prof. Madya Dr. Lokman Bin Mohd Tahir  
Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Abdullah  
Dr. Hanifah Binti Jambarid  
Prof. Madya Dr. Mohd Khata Bin Jabor  
Prof. Madya Dr. Zainudin Bin Hassan  
Prof. Dr. Muhammad Sukri Bin Saud  
Prof. Madya Dr. Noraffandy Bin Yahaya  
Dr. Sharifah Binti Osman

**SEKOLAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA &  
PSIKOLOGI**

Prof. Dr. Siti Aisyah Binti. Panatik  
Dr. Nor Akmar Bt. Nordin  
Dr. Irza Hanie Binti Abu Samah  
Dr. Zulkifli Bin Hamisan @ Khair

**AKADEMI TAMADUN ISLAM**

Dr. Mohammad Naqib Bin Hamdan  
Dr. Norhidayu Binti Muhamad Zain  
Dr. Nur Najwa Hanani Binti Abd Rahman  
Dr. Mansoureh Ebrahimi

**AKADEMI BAHASA**

Dr. Kew Si Na  
Dr. Tina Bte. Abdullah  
Prof. Madya Dr. Hadina Bt Habil  
Dr. Nor Liza Bt. Haji Ali



**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
(FAKULTI)**

**FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR**

**GEOINFORMATION**

Prof. Madya Dr. Ami Hassan Bin Md Din  
Prof. Madya Dr. Nurul Hazrina Binti Idris  
Prof. Dr. Anuar Bin Ahmad

**REAL ESTATE**

Dr. Shazmin Shareena Binti Ab Azis  
Prof. Madya Sr. Ts. Dr. Noorsidi Aizuddin Bin Mat Noor

**QUANTITY SURVEYING**

Prof. Madya Dr. Sarajul Fikri Bin Mohamed  
Prof. Madya Dr. Yahya Bin Mohamad Yatim

**ARCHITECTURE**

Dr. Leng Pau Chung  
Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan Bin Haji Ahmad

**LANDSCAPE ARCHITECTURE**

Prof. Dr. Ismail Bin Said

**URBAN & REGIONAL PLANNING**

Dr. Gabriel Ling Hoh Teck  
Dr. Noradila Binti Rusli @Ruslik

**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
(FAKULTI)**

**FAKULTI SAINS**

**PHYSICS**

Prof. Madya Dr. Suhairul Bin Hashim  
Prof. Madya Dr. Sib Krishna Ghoshal  
Prof. Madya Dr. Amiruddin Bin Shaaril

**CHEMISTRY**

Prof. Madya Dr. Roswanira Binti Ab. Wahab  
Dr. Joazaizulfazli Bin Jamalil

**MATHEMATICAL SCIENCES**

Prof. Madya Dr. Sharidan Bin Shafie  
Prof. Dr. Tahir Bin Ahmad  
Prof. Dr. Muhammad Hisyam Lee @ Lee Wee Yew

**BIOSCIENCES**

Dr. Fazilah Binti Abd Manan  
Prof. Dr. Fahrul Zaman Bin Huyop  
Prof. Madya Dr. Shafinaz Binti Shahir

**MALAYSIA-JAPAN INTERNATIONAL  
INSTITUTE OF TECHNOLOGY**

Prof. Dr. Saiful Amri Bin Mazlan  
Prof. Dr. Ezzat Chan Bin Abdullah  
Prof. Madya Dr. Kamyar Shameli  
Dr. Liew Peng Yen  
Prof. Madya Dr. Sheikh Ahmad Zaki Bin Shaikh Salim  
Dr. Nur Azmah Binti Nordin  
Dr. Nurhazimah Binti Nazmi

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL  
& PENDIDIKAN BERTERUSAN**

Dr. Noraimi Bin Shafie

**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
(FAKULTI)**

**FAKULTI TEKNOLOGI &  
INFORMATIK RAZAK**

**ENGINEERING & TECHNOLOGY**

Prof. Madya Dr. Mohamad Zaki Bin Hassan  
Prof. Madya Dr. Syuhaida Binti Ismail  
Prof. Madya Dr. Nelidya Binti Md. Yusoff

**SCIENCE, MANAGEMENT & DESIGN**

Prof. Dr. Halimatun Bt Hamdan  
Prof. Madya Dr. Maslin Bte Masrom

**ADVANCED INFORMATICS**

Prof. Dr. Mohd Nazri Bin Kama  
Dr. Nilam Nur Binti Amir Sjarif  
Dr. Pritheega A/P Magalingam

**PERDANA CENTRE**

Dr. Shadiya Mohamed Saleh Ba Qutayan

**SEKOLAH PERNIAGAAN  
ANTARABANGSA AZMAN HASHIM**

**BUSINESS ADMINISTRATION, UTMKL**

Dr. Hishan Shanker Sanil  
Prof. Madya Dr. Farzana Quoquab Habib  
Dr. Ong Choon Hee

**BUSINESS ADMINISTRATION, UTMJB**

Dr. Azmirul Bin Ashaari  
Prof. Madya Dr. Norhayati Binti Zakuan  
Prof. Madya Dr. Siti Rahmah Binti Awang

**ACCOUNTING AND FINANCE, UTMJB**

Prof. Madya Dr. Suresh A/L Ramakrishnan

**INFORMATION SYSTEM, UTM JB**

Dr. Suraya Binti Miskon



**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
[PUSAT KECEMERLANGAN (COE)]**

**ADVANCED MEMBRANE TECHNOLOGY  
RESEARCH CENTRE (AMTEC)**

Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Bin Ismail  
Prof. Ts. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan B. Othman  
Prof. Madya Dr. Juhana Binti Jaafar  
Prof. Madya Dr. Prof. Madya Dr. Lau Woei Jye  
Prof. Madya Dr. Mukhlis Bin A Rahman

**INSTITUTE OF BIOPRODUCT DEVELOPMENT (IBD)**

Prof. Dr. Hesham Ali Metwally Ali El-Enshasy  
Prof. Dr. Rosli Bin Md. Illias  
Prof. Madya Dr. Azila Bte Abd. Aziz  
Prof. Madya Dr. Chua Lee Suan  
Dr. Rosnani Bte Hasham @ Hisam

**INSTITUTE OF NOISE AND VIBRATION (INV)**

Prof. Madya Dr. Sophia C. Alih  
Prof. Madya Dr. Lim Meng Hee  
Prof. Dr. Azlan Bin Adnan  
Dr. Mariyana Aida Binti Ab. Kadir  
Prof. Dr. Mohd Salman @ Leong Yew Mun

**WIRELESS COMMUNICATION CENTRE (WCC)**

Prof. Dr. Sharul Kamal Bin Abdul Rahim  
Prof. Madya Dr. Mohd Haizal Bin Jamaluddin  
Prof. Madya Dr. Leow Chee Yen  
Prof. Madya Dr. Razali Bin Ngah  
Prof. Madya Dr. Norhudah Binti Seman

**CENTRE FOR ARTIFICIAL INTELLIGENCE &  
ROBOTICS (CAIRO)**

Prof. Madya Dr. Zool Hilmi Bin Ismail  
Prof. Dr. Ahmad 'Athif Bin Mohd Faudzi  
Prof. Madya Dr. Hazlina Binti Selamat

**CENTRE FOR ADVANCED COMPOSITE  
MATERIALS (CACM)**

Dr. Saiful Izwan Bin Abd Razak  
Prof. Dr. Shukur Bin Hj. Abu Hassan  
Prof. Dr. Mohd Yazid Bin Yahya  
Prof. Madya Dr. Rohah Bte A. Majid  
Dr. Uday M. Basheer Al-Naib

**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
[PUSAT KECEMERLANGAN (COE)]**

**INNOVATION CENTRE IN AGRITECHNOLOGY  
FOR ADVANCED BIOPROCESSING (ICA)**

Dr. Cheng Kian Kai  
Dr. Ong Pei Ying

**CENTRE OF ENGINEERING EDUCATION (CEE)**

Dr. Zaki Yamani Bin Zakaria  
Dr. Noraini Binti Ibrahim  
Prof. Dr. Fatin Aliah Phang Binti Abdullah  
Prof. Madya Dr. Aznah Binti Nor Anuar  
Dr. Nurzal Effiyana Binti Ghazali

**INSTITUTE OF HIGH VOLTAGE & HIGH  
CURRENT (IVAT)**

Prof. Dr. Zulkurnain B. Abd. Malek  
Prof. Madya Dr. Lau Kwan Yiew  
Dr. Mohd Hafizi Bin Ahmad  
Dr. Noor Azlinda Binti Ahmad  
Dr. Zulkarnain Bin Ahmad Noorden

**UTM MPRC - INSTITUTE FOR OIL AND GAS  
(IFOG)**

Prof. Madya Dr. Agus Bin Arsad  
Prof. Madya Dr. Mohd Zaidi Bin Jaafar  
Prof. Dr. Radzuan Bin Junin  
Dr. Wan Rosli Bin Wan Sulaiman  
Prof. Dr. Rahmat Bin Mohsin

**IBNU SINA INSTITUTE FOR SCIENTIFIC AND  
INDUSTRIAL RESEARCH (ISI-SIR)**

Prof. Dr. Azlan Bin Mohd Zain  
Prof. Madya Dr. Hazri Bin Bakhtiar  
Dr. Muhammad Safwan Bin Abd Aziz  
Prof. Dr. Hadi Nur  
Prof. Dr. Naomie Bt Salim  
Prof. Madya Dr. Muhammad Abbas Bin Ahmad Zaini

**ANUGERAH PENERBITAN  
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS  
[PUSAT KECEMERLANGAN (COE)]**

**INSTITUTE FOR SMART INFRASTRUCTURE  
AND INNOVATIVE CONSTRUCTION (ISIIC)**

Prof. Dr. Mahmood Bin Md Tahir  
Prof. Madya Dr. Ahmad Safuan Bin A Rashid  
Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Bin Mohd.Sam  
Prof. Dr. Edy Tonnizam Bin Mohamad  
Prof. Madya Dr. Izni Syahrizal Bin Ibrahim  
Prof. Madya Dr. Mohd Azreen Bin Mohd Ariffin

**INSTITUTE FOR VEHICLE SYSTEMS AND  
ENGINEERING (IVeSE)**

Prof. Dr. Wong Kuan Yew  
Prof. Madya Dr. William Chong Woei Fong  
Prof. Dr. Pakharuddin Bin Mohd Samin  
Prof. Madya Dr. Mohd Farid Bin Muhamad Said  
Dr. Kang Hooi Siang

**INSTITUTE OF HUMAN CENTERED ENGINEERING  
(IHuEn)**

Prof. Dr. Mohd Shafry Bin Mohd Rahim  
Prof. Dr. Ali Bin Selamat  
Prof. Dr. Eko Supriyanto  
Prof. Dr. Mohammed Rafiq Bin Abdul Kadir  
Dr. Muhammad Hanif Bin Ramlee  
Dr. Syafiqah Binti Saidin

**RESEARCH INSTITUTE FOR SUSTAINABLE  
ENVIRONMENT (RISE)**

Prof. Madya Dr. Shamsuddin Shahid  
Prof. Dr. Haslenda Bt. Hashim  
Prof. Dr. Sharifah Rafidah Bt. Wan Alwi  
Prof. Madya Dr. Lim Jeng Shiun  
Prof. Dr. Shreeshivadasan A/L Chelliapan  
Prof. Dr. Kasturi Devi A/P Kanniah

**INSTITUTE OF FUTURE ENERGY (IYFE)**

Prof. Dr. Aishah Bt Abd. Jalil    Prof. Dr. Zainal Bin Salam  
Prof. Dr. Mohamed Mahmoud El-Sayed Nasef    Dr. Tuan Amran Bin Tuan Abdullah  
Dr. Muhammad Arif Bin Ab Aziz    Prof. Madya Dr. Shamsul Bin Sarip



## ANUGERAH PENERBITAN (ANUGERAH MAKALAH BERSITASI TERTINGGI)

### Kategori Sains & Teknologi

Fakulti / CoE	Judul Artikel	Penulis	Jumlah Sitasi Terkumpul	Corresponding / UTM Auth.
Fakulti Kejuruteraan	<i>An Overview of Internet of Things (IoT) and Data Analytics in Agriculture: Benefits and Challenges</i>	Elijah O., Rahman T.A., Orikumhi I., Leow C.Y., Hindia M.N.	375	Prof. Madya Dr. Leow Chee Yen
Fakulti Kejuruteraan	<i>A review of Battery Electric Vehicle technology and readiness levels</i>	Mahmoudzadeh Andwari A., Pesiridis A., Rajoo S., Martinez-Botas R., Esfahanian V.	295	Prof. Dr. Srithar Rajoo
Fakulti Kejuruteraan	<i>Pollution to solution: Capture and sequestration of carbon dioxide (CO2) and its utilization as a renewable energy source for a sustainable future</i>	Rahman F.A., Aziz M.M.A., Saidur R., Bakar W.A.W.A., Hainin M.R., Putrajaya R., Hassan N.A.	267	Ts. Dr. Norhidayah Binti Abdul Hassan

## ANUGERAH PENERBITAN (ANUGERAH MAKALAH BERSITASI TERTINGGI)

### Kategori Sains Sosial

Fakulti / CoE	Judul Artikel	Penulis	Jumlah Sitasi Terkumpul	Corresponding / UTM Auth.
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	<i>A comprehensive review of data envelopment analysis (DEA) approach in energy efficiency</i>	Mardani A., Zavadskas E.K., Streimikiene D., Jusoh A., Khoshnoudi M..	141	Prof Madya Dr. Ahmad bin Jusoh
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	<i>A review of multi-criteria decision-making applications to solve energy management problems: Two decades from 1995 to 2015</i>	Mardani A., Zavadskas E.K., Khalifah Z., Zakuan N., Jusoh A., Nor K.M., Khoshnoudi M.	69	Prof Madya Dr. Norhayati binti Zakuan
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	<i>Carbon dioxide (CO2) emissions and economic growth: A systematic review of two decades of research from 1995 to 2017</i>	Mardani A., Streimikiene D., Cavallaro F., Loganathan N., Khoshnoudi M.	63	Prof Madya Dr. Nanthakumar Loganathan

**ANUGERAH PENERBITAN  
(ANUGERAH PENYELIDIK BERSITASI TERTINGGI)  
SAINS & TEKNOLOGI**

**Dr. Ahmad Ilyas bin Rushdan**  
Sekolah Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga  
Fakulti Kejuruteraan

Dr. Ahmad Ilyas bin Rushdan ialah pensyarah kanan di Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia, Felo Bersekutu Centre for Advanced Composite Materials, UTM, Penyelidik Bersekutu Interim di Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Universiti Putra Malaysia dan Adjunct Lecturer di UCSI University, Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah Kejuruteraan Polimer (Biodegradable Polymers, Biopolymers, Polymer Composite) dan Kejuruteraan Bahan (Advanced Natural Fibre, Biocomposites, Cellulose, Nanocellulose Materials, Nanocomposites). Hasil daripada penyelidikan ini diterjemahkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa. Sehingga kini, beliau telah berjaya menerbitkan 375 penerbitan (diterbitkan/diterima): 147 jurnal terbitan berindex JCR/Scopus, 14 buku, 104 bab dalam buku, 73 prosiding persidangan/seminar, 4 buletin, 10 kertas persidangan (abstrak diterbitkan di dalam buku abstrak, 14 editor jemputan terbitan khas dan 9 editor/editor bersama Prosiding Persidangan/Seminar.



Beliau telah menghasilkan 14 buah buku terbitan Elsevier (UK dan US), John Wiley & Sons Ltd (UK), Springer Nature (US and Singapore), Taylor & Francis (US), MDPI (Sweden) dan UPM Press (Malaysia).





Pada tahun 2018, beliau telah memenangi Anugerah Buku Negara 2018, Kategori Flora dan Fauna, bagi buku yang bertajuk Pokok Enau: Potensi dan Pembangunan Produk. Beliau juga telah menghasilkan satu paten. Jumlah sitasi terkumpul sehingga terkini adalah 4612 dengan Scopus H-Index 42. Beliau telah menjadi ketua dan penyelidik bersama bagi 10 projek penyelidikan. Beliau merupakan Editorial Board Member bagi jurnal Polymers MDPI (Q1), Nanomaterials MDPI (Q1), Materials MDPI (Q1), Frontiers in Materials (Q2), Journal of Applied Agricultural Science and Technology (JAAS), Journal of Agricultural and Food Engineering (JAFE) dan lain-lain, Managing Editor bagi jurnal Journal of Fibers and Polymer Composites (JFPC, Malaysia) dan Journal of Natural Fibre Polymer Composites (JNFPC, Indonesia) dan Guest Editor untuk 14 special issues. Beliau juga dianugerahkan Outstanding Reviewer oleh Carbohydrate Polymers, (Elsevier, United Kingdom), Top Cited Article 2020-2021 Journal Polymer Composites, (Wiley, US), Anugerah Kertas Penerbitan Terbaik, dan Anugerah Pembentang Terbaik di pelbagai persidangan antarabangsa dan kebangsaan.



Beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan atas kecemerlangan beliau dalam bidang penyelidikan dan penerbitan antaranya World's Top 2% Scientist Tahun 2019 dan 2020, PERINTIS Publication Award Tahun 2021 dan 2022, Emerging Scholar Award by Automotive and Autonomous Systems 2021, Belgium dan Young Scientists Network - Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM). Di samping itu, beliau juga telah dijemput untuk memberi ucapan utama dan penceramah jemputan di persidangan antarabangsa dan kebangsaan. Berpegang kepada prinsip "usaha lagi dan lagi, sehingga tiada lagi" telah menjadi landasan kecemerlangan beliau dalam penyelidikan dan penerbitan.

**ANUGERAH PENERBITAN  
(ANUGERAH PENYELIDIK BERSITASI  
TERTINGGI)  
SAINS SOSIAL**

**Dr. Hishan Shanker Sanil**  
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim



Dr. Hishan Shanker Sanil merupakan Pensyarah Kanan di Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia. Beliau giat menerbitkan kertas kerja dan menjalankan pelbagai projek penyelidikan yang berbeza sejak tahun 2014. Dalam tempoh tujuh (7) tahun, beliau telah menerbitkan lebih daripada 50 artikel dalam jurnal terkenal yang diindeks dalam pangkalan data Scopus dan Web of Science. Artikel beliau telah dipetik secara meluas dan jumlah petikan Scopus telah melepasi 500. H-indeks Scopus beliau juga telah melebihi 15. Dr. Hishan juga sentiasa mengintai peluang untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui penyelidikan berimpak. Beliau aktif bekerjasama dengan penyelidik dari seluruh dunia dan akan terus berusaha untuk menyumbang kepada ilmu pengetahuan dalam bidang kelestarian dan pengurusan perniagaan.





**ANUGERAH PENERBITAN  
(ANUGERAH BUKU KARYA ASLI)  
SAINS & TEKNOLOGI**

**Pembakaran Emisi Rendah Aplikasi Pemusar  
Jejarian Dwi Aliran**

**Prof. Dr. Mohammad Nazri bin Mohd Jaafar &  
Mohamad Roslan bin Rahim**  
Sekolah Kejuruteraan Mekanikal  
Fakulti Kejuruteraan

**Mohammad Nazri Mohd. Ja'afar** adalah seorang Profesor di Sekolah Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau memperoleh kedua-dua B.Sc (cum laude) dalam Kejuruteraan Aeronautik (1986) dan M.Sc dalam Kejuruteraan Aeroangkasa (1989) dari Wichita State University, Wichita, Kansas, Amerika Syarikat dan Ph.D. (1997) dalam bidang pembakaran dari University of Leeds, United Kingdom. Beliau menyertai UTM pada bulan Ogos 1986 dan terlibat dalam pengajaran, penyeliaan, penyelidikan dan perundingan dalam bidang teknologi pembakaran termasuk bahan bakar alternatif.

Sejak bekerja di UTM, beliau terlibat aktif dalam penyelidikan teknologi pembakaran, terutama dalam kajian teknologi pengurangan emisi, bahan bakar alternatif dan juga pendorongan roket. Dalam tempoh tersebut, beliau telah mengetuai lebih 25 projek penyelidikan di bawah pelbagai penaja seperti MOSTI, KPT, UTM dan lain-lain dengan jumlah dana melebihi RM9 juta, selain daripada menyertai projek lain sebagai felo penyelidik.



Hasil daripada kajian yang ekstensif ini, beliau telah menerbitkan banyak buku dan makalah teknikal dalam bidang kajian beliau tadi. Sehingga kini, beliau telah menerbitkan lima belas buah buku karya asli, empat monograf, sembilan buku terjemahan dan lebih daripada 200 makalah teknikal dalam jurnal dan prosiding yang di indeks dan tidak diindeks. Beliau juga telah memenangi beberapa anugerah berkaitan penerbitan seperti Anugerah Tokoh Penerbitan Universiti (2005), Anugerah Buku Karya Asli – Sains dan Teknologi Terbaik (2005) - Jenis Enjin Pesawat Udara dan Analisis Kitar, dan anugerah artikel terbaik 2001 dalam jurnal nasional.

Buku terjemahannya, *Dinamik Gas* juga memenangi hadiah saguhati untuk Buku Terjemahan Terbaik pada tahun 2005. Semua ini merupakan anugerah di peringkat universiti. Di peringkat kebangsaan, buku karya asli beliau (*Teknik Pembakaran Hijau: Pembakaran Berbahan Api Cecair*) memenangi dua anugerah; hadiah saguhati dari Persatuan Sains dan Matematik Malaysia (PERSAMA) dan hadiah utama di Anugerah Buku Negara untuk kategori buku umum (Kejuruteraan) yang dianugerahkan oleh Yayasan Buku Malaysia, kedua-duanya pada tahun 2013.





Mohamad Roslan bin Rahim



**Muhammad Roslan Rahim** merupakan pelajar Ph.D di Sekolah Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia. Kepakaran beliau adalah dalam bidang pembakaran bahan api bio, teknik pengurangan emisi pencemar, sistem aliran pusaran serta penghasilan gas sintesis daripada sumber biojisim. Perjalanan akademik beliau bermula di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dengan memperoleh Sijil Kejuruteraan Mekanikal, diikuti Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Teknologi Mara. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian di Universiti Malaysia Perlis dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal. Seterusnya beliau memperoleh Sarjana Kejuruteraan Mekanikal mod penyelidikan di Universiti Teknologi Malaysia pada tanggal 2012. Selain kepakaran yang ada, beliau juga turut berpengalaman luas dalam bidang industri serta merupakan jurutera berdaftar di bawah Lembaga Jurutera Malaysia.

Beliau juga turut dikenali sebagai seorang yang berkemahiran tinggi di mana beliau mampu menghasilkan, membangunkan dan membaik pulih beberapa produk dan peralatan penyelidikan untuk kegunaan para penyelidik di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Perlis dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Antara peralatan yang beliau telah bangunkan adalah *Swirl Fixed Bed Gasifier*, *Updraft Gasifier*, *Double swirling Flow Burner*, *Biodiesel Stove*, *Pulse Jet Burner*, *Micro Gas Turbine Utilizing Biodiesel Fuel* dan *Lab Scale Gas Turbine*. Kini beliau terlibat secara sepenuhnya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bahan api bio daripada sumber biojisim. Beliau juga turut menerbitkan sebuah buku penyelidikan, menyumbang karya dalam *book chapter*, beberapa artikel dalam jurnal berindeks dan persidangan.

**ANUGERAH PENERBITAN  
(ANUGERAH BUKU KARYA ASLI)  
SAINS SOSIAL**

**Menyemai Impian Menuai Kejayaan**

**Prof. Ts. Dr. Aminah binti Md Yusof**  
Sekolah Kejuruteraan Awam  
Fakulti Kejuruteraan



TS. Dr. Aminah Md Yusof merupakan Profesor dalam bidang pengurusan pembinaan di Sekolah Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau ialah mantan Timbalan Dekan di Sekolah Pengajian Siswazah, UTM.

Sepanjang berkhidmat di UTM, beliau mempunyai pengalaman hampir 20 tahun dalam menguruskan hal ehwal pelajar. Antara jawatan yang pernah dipegang adalah seperti felo, pengetua kolej kediaman, penasihat akademik, dan pentadbir akademik. Berdasarkan pengalaman ini, beliau telah mendapat idea untuk menulis buku Menyemai Impian Menuai Kejayaan. Pengalaman bertahun beliau menyelami dan menyelesaikan masalah bersama pelajar samaada dalam hal akademik mahupun kehidupan sosial menjadi dasar untuk beliau berkarya. Karya ini adalah gambaran kehidupan sebenar pelajar terutamanya di UTM disamping terdapat banyak nasihat yang berguna.

Selain penulisan ini, beliau juga telah menghasilkan sebuah karya akademik berjudul Kontrak dalam Pembinaan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah merangkul hadiah saguhati Pertandingan Penulisan Ilmiah anjuran DBP. Buku terbaharu beliau ialah 'Mitigating Delay in Public Construction Projects'. Penulis pernah menghasilkan penulisan bab dalam buku, kertas kerja jurnal dan persidangan selain artikel dalam surat khabar. Prinsip penulisan beliau ialah "Membaca dan Menulis hingga ke Akhir Hayat".





**ANUGERAH PENERBITAN  
(ANUGERAH BUKU KARYA ASLI)  
SAINS SOSIAL**

**Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif  
Imam Al-Nawawi**

**Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi**  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan



**Dr. Kamarul Azmi Jasmi** ialah Profesor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau berkelulusan Doktor Falsafah dalam Pendidikan Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan sebelum itu Sarjana Pengajian Tamadun dari Universiti Malaya (UM). Beliau telah menerima Anugerah Pingat Emas di Expo i-INOVA2016 pada November 2016, penganjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dengan hasil inovasinya "Solat La".

Buku *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi* merupakan sebuah karya yang cuba merungkai salah satu magnum opus yang menjadi rujukan kepada umat Islam di seluruh dunia, iaitu kitab *Riyad al-Salihin* karangan Imam al-Nawawi. Kekuatan utama buku ini terletak kepada tajuk perbincangan yang dilakukan oleh Imam al-Nawawi.

Tajuk ini diteliti semula oleh penulis dan dikategorikan semula agar pemahaman kepada pembangunan insan soleh lebih tersusun dan mudah difahami. Model pengisian dan metodologi yang dihasilkan dalam buku ini sewajarnya dijadikan ciri rujukan utama bagi golongan pendakwah Islam dan guru pendidikan Islam dalam rangka usaha mereka membangunkan kesolehan umat.

Dalam bidang penulisan beliau aktif menulis dalam pelbagai genre berkaitan bidang pendidikan Islam. Antara karya beliau yang pernah diterbitkan ialah *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016), *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2017) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan *Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia* (2019).






**ANUGERAH PENERBITAN  
(ANUGERAH BUKU KARYA ASLI)  
SAINS SOSIAL**

**Wanita Berkerjaya yang Cemerlang**

**Dr. Naemah binti Hamzah**  
Pusat Islam, Jabatan Canseleri

**Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi**  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan



**Dr. Naemah binti Hamzah** ialah Penolong Pengarah di Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau telah berkhidmat melebihi 14 tahun di Pusat Islam UTM bermula dari tahun 2016. Beliau terlibat secara aktif dalam penulisan buku karya asli, E-book, penghasilan pelbagai modul, artikel dalam akhbar, jurnal dan kertas kerja persidangan di peringkat universiti, komuniti, kebangsaan dan antarabangsa. Pencapaian penulisan beliau merangkumi pelbagai sentuhan ilmu berkaitan hal ehwal Islam khususnya dalam pengurusan dan pentadbiran kekeluargaan, kewanitaan dalam isu berkaitan keseimbangan antara kerjaya dan rumah tangga, pengurusan masjid, pengurusan zakat, dan bantuan asnaf serta khidmat masyarakat melibatkan University Social Responsibility (USR). Penulisan dalam bidang hal ehwal Islam ini memberi nilai tambah kepada pembangunan ilmu masyarakat seterusnya membantu pembentukan modal insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Beliau telah dianugerahkan Anugerah Perak bagi Kategori Penulisan Sosial oleh Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas pada tahun 2021 atas penglibatan aktif dalam bidang penulisan. Prinsip hidup beliau yang menjadi inspirasi sepanjang pengajian dan mengharungi dunia pekerjaan serta kehidupan ialah "Jangan Mengaku Kalah Sebelum Mencuba" menjadi pemangkin kepada pelbagai kejayaan beliau dengan izin Allah SWT jua.

**Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi** ialah Profesor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau berkelulusan Doktor Falsafah dalam Pendidikan Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan sebelum itu Sarjana Pengajian Tamadun dari Universiti Malaya (UM). Beliau telah menerima Anugerah Pingat Emas di Expo i-INOVA2016 pada November 2016, penganjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dengan hasil inovasinya "Solat La". Dalam bidang penulisan beliau aktif menulis dalam pelbagai genre berkaitan bidang pendidikan Islam. Antara karya beliau yang pernah diterbitkan ialah Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam (2016), Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan (2017) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia (2019).

# ANUGERAH PENERBITAN (FAKULTI)

## Fakulti Kejuruteraan

Fakulti Kejuruteraan mempunyai kepakaran hampir 800 orang staf, 200 makmal dan lebih daripada 10,000 pelajar, menjadikan 'UTM Engineering' sebagai satu jenama yang bersedia memberikan penyelesaian permasalahan industri dalam dan luar negara. Sinergi UTM 4.0 mentransformasikan penyelidikan dan keupayaan akademik untuk memupuk bakat holistik ke arah menerajui teknologi bersepadu yang inovatif. Dengan kekuatan 690 orang staf akademik, Fakulti Kejuruteraan sentiasa berhasrat untuk terus memperkasakan budaya penerbitan dengan menghasilkan penerbitan yang berkualiti dan berimpak tinggi bagi memenuhi agenda utama Universiti sebagai pengukur kepada prestasi penyelidikan. Tidak dapat dinafikan, dorongan dan sokongan penuh dari pengurusan Fakulti Kejuruteraan menyumbang ke arah pembudayaan penulisan dan penerbitan di kalangan staf akademik Fakulti. Fakulti juga memperkasa peranan ketua kumpulan penyelidikan dalam membimbing ahli dalam penerbitan dan penyelidikan melalui siri jerayawara ke sekolah-sekolah pada awal tahun 2021.

Bagi menyokong usaha staf akademik di dalam bidang penerbitan, Fakulti Kejuruteraan telah melaksanakan pelbagai inisiatif sepanjang tahun 2021 seperti Sesi Perkongsian Ilmu, Signature High Impact Edited Book Publication Program, High Impact Publication Coaching Session secara berjadual dan tersusun pada setiap bulan serta Bengkel Penulisan Buku Penyelidikan dengan kerjasama Penerbit UTMPress. Fakulti Kejuruteraan juga meneruskan pelaksanaan program FE Gold iaitu program permentoranan yang diwujudkan untuk membimbing staf akademik Fakulti Kejuruteraan dan menggalakkan mereka dalam dunia penerbitan termasuklah dalam penerbitan bab dalam buku, buku penyelidikan, artikel persidangan berindeks, jurnal berindeks berimpak dan lain-lain penerbitan ilmiah. Program FE Gold ini telah dirangka dengan kursus dan latihan penggalakan penulisan dengan kerjasama UTMLead.

Program FE Gold ini berjaya mempertingkatkan prestasi dan penghasilan penerbitan di kalangan staf akademik Fakulti secara bersasar mengikut peringkat dan keupayaan staf. Kejayaan program ini telah dilihat oleh pengurusan tertinggi Universiti yang mengangkat pelaksanaan program FE Gold ke peringkat Universiti pada tahun 2022. Fakulti juga tidak ketinggalan untuk menggalakkan staf menerbitkan artikel berimpak tinggi dan berkualiti melalui insentif penerbitan Q1/Q2 MyRA Quick-Win. Pelajar juga diberikan peluang bagi merencanakan penerbitan Fakulti Kejuruteraan melalui Insentif Penerbitan Buku Penyelidikan Pelajar Selepas Viva 2021. Fakulti komited merencanakan pelbagai program pengukuhan dan penggalakan penyelidikan kejuruteraan bagi mengekalkan penarafan UTM sebagai Universiti Penyelidikan serta menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi.

Hasilnya, pada tahun 2021, Fakulti Kejuruteraan berjaya menghasilkan lebih banyak penerbitan artikel berindeks iaitu sebanyak 1,450 berbanding 1,409 pada tahun 2020. Selain itu, Fakulti Kejuruteraan berjaya menghasilkan lebih banyak penerbitan berimpak tinggi. Buktinya, peningkatan penerbitan jurnal Q1/Q2 adalah sebanyak 24% pada tahun 2021 (825) berbanding tahun 2020 (666). Sebanyak 346 artikel persidangan berindeks juga berjaya dihasilkan pada tahun 2021 selain menghasilkan 8 buah buku penyelidikan dan 201 judul bab dalam buku penyelidikan.

Menyedari akan kepentingan penerbitan buku ilmiah kepada masyarakat khususnya, sebanyak 659 buah penerbitan di dalam kategori laporan teknikal, artikel majalah dan juga surat khabar telah berjaya dihasilkan pada tahun yang sama. Selain daripada itu, Fakulti Kejuruteraan telah berjaya merangkul anugerah dan pengiktirafan dalam bidang penerbitan dari dalam dan luar negara pada tahun 2020. Seramai 6 orang staf akademik Fakulti telah dilantik sebagai Editorial Board Member bagi jurnal peringkat antarabangsa dan 12 orang lagi telah berjaya memenangi pelbagai anugerah peringkat Antarabangsa termasuk Highly Cited Researcher 2020, Best Track Paper Awards dan Best Paper Awards. Fakulti juga berjaya melahirkan 25 orang penyelidik yang termasuk dalam World Top 2% Researchers mengikut kajian oleh Stanford University. Inisiatif dan pencapaian ini diharapkan semakin meningkat pada masa-masa akan datang di semua peringkat fakulti.



# ANUGERAH PENERBITAN (FAKULTI)

## Fakulti Sains

Fakulti Sains terus menerima pengiktirafan kecemerlangan apabila berjaya dipilih sekali lagi sebagai finalis anugerah penerbitan universiti seperti tahun-tahun sebelumnya. Rahsia keunggulan ini berikutan hasil sinergi, daya tahan dan kelajuan kerja seluruh warga Fakulti bagi memenuhi tanda aras UTM sebagai sebuah universiti penyelidikan terkemuka. Sepanjang tahun 2021, Fakulti Sains telah merekodkan prestasi cemerlang terutamanya dalam penerbitan jurnal berindeks serta buku penyelidikan, sitasi penerbitan, penerbitan dalam pelbagai jurnal tempatan serta peningkatan kerjasama penerbitan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan industri. Fokus penerbitan Fakulti dalam pelbagai kategori tersebut merangkumi bidang keutamaan sains asas dan aplikasi melibatkan biosains, fizik, kimia dan sains matematik.

Bertepatan dengan penemuan ilmu sains baharu yang dapat diaplikasikan untuk pelbagai bidang kejuruteraan dan teknologi, Fakulti Sains turut bersinergi menyumbang kepada perkembangan penerbitan dalam tujuh bidang seperti alam sekitar, kejuruteraan kimia, tenaga dan bahan termaju. Selain itu, Fakulti Sains bersama PTJ berkaitan juga menjadi hos kepada empat jurnal iaitu Malaysian Journal of Fundamental and Applied Sciences, MATEMATIKA, Malaysian Journal of Catalysis dan Journal of Materials in Life Sciences serta menerbitkan e-prosiding Proc. Sci. Math bagi penyelidikan sarjana muda.



Memahami keperluan untuk mendidik masyarakat dalam peningkatan literasi dan pembudayaan sains, Fakulti Sains turut mengusahakan penerbitan umum yang diterbitkan oleh pelbagai media massa, termasuk platform newshub UTM. Inisiatif ini merupakan usaha berterusan bagi memenuhi peranan universiti sebagai pusat penyebaran ilmu. Selaras dengan itu juga, Fakulti turut memberikan fokus kepada penerbitan berbentuk buku teks, buku rujukan dan buku popular. Bagi memastikan kelangsungan kecemerlangan penerbitan, Fakulti Sains turut menyediakan medium bimbingan dan latihan mentor-mentee menerusi program SUN-SHINE++ (Science Unified Network), menganjurkan program bulan penyelidikan Fakulti dan memberikan pengiktirafan kecemerlangan penerbitan kepada Jabatan dan staf di peringkat Fakulti. Kesemua kecemerlangan yang telah diperolehi menyaksikan lonjakan pencapaian Universiti yang berterusan dalam kedudukan penarafan global dan tempatan bagi subjek matematik, kimia, fizik, biosains, sains bahan dan sains persekitaran.





## ANUGERAH PENERBITAN (FAKULTI)

### Malaysia - Japan International Institute of Technology (MJIIT)

Sejak penubuhan MJIIT di UTM pada 26 Mei 2010, ia telah berkembang sebagai sebuah institusi yang menekankan budaya penyelidikan dalam setiap program dan aktiviti. Pada tahun 2020, MJIIT telah berkembang dengan mempunyai bilangan staf akademik seramai 89 orang dan bilangan enrolmen pelajar pra dan pasca siswazah seramai 1147 orang. Disamping itu, sebanyak 29 buah universiti di Jepun telah bersetuju untuk menjadi rakan kerjasama bagi menjayakan program pendidikan dan penyelidikan MJIIT.

Penggalakan budaya penerbitan dikalangan staf dan pelajar MJIIT disemarakkan dengan pengamalan sistem penyelidikan ala Jepun yang dipanggil innovative Kohza (iKohza). Melalui iKohza, pendekatan mentor-mentee diterapkan di antara pelajar pascasiswazah dan prasiswazah agar sinergi dalam penyelidikan dapat dicapai. Setakat ini, sebanyak 20 buah iKohza telah ditubuhkan di MJIIT dengan tujuan untuk mempertingkatkan penyelidikan usahasama multi-disiplin dikalangan staf dengan kerjasama institusi dan industri di dalam dan luar negara. Disamping itu, program-program penggalakan penerbitan untuk pelajar dan staf muda juga dijalankan secara konsisten sekurang-kurangnya 2 program di peringkat fakulti setiap tahun.

MJIIT  
**RESEARCH  
ENGAGEMENT  
SERIES #5**  
(Senpai-kohai)

**WRITING  
PERSUASIVE  
PROPOSALS FOR  
DIFFERENT  
ACADEMIC BOOKS**

**PROFESSOR DR. MUHAMMAD JAWAID**  
Senior Fellow (Professor), at  
Biocomposite Technology Laboratory,  
Universiti Putra Malaysia, Malaysia.  
Chief Executive Editor of Pertanika UPM Journals

22<sup>TH</sup> SEPTEMBER 2021 | WEDNESDAY  
10.00 AM - 1.00 PM

ACADEMIC STAFF AND STUDENTS  
ARE INVITED TO ATTEND

Via Webox  
<https://utm.webex.com/join/mazlizaani>





MJIIT juga mengambil pendekatan dengan memperkenalkan senpai-kohai atau mentor-mentee dikalangan pensyarah-pensyarah yang mempunyai impak penerbitan terkini untuk membimbing pensyarah-pensyarah muda untuk menghasilkan penerbitan yang bermutu. Selain itu juga, MJIIT juga menjemput beberapa penyelidik dari luar MJIIT untuk berkongsi ilmu kepada pensyarah-pensyarah di MJIIT khususnya serta UTM amnya mengenai penghasilan penerbitan yang lebih bermutu.

Hasil kerjasama dan budaya 'keluarga' penyelidikan yang erat di dalam iKohza, MJIIT telah berjaya menjadi Fakulti yang mempunyai kadar penerbitan terbaik di UTM Kuala Lumpur pada tahun 2021 dengan sitasi untuk jurnal berindeks sebanyak 10,867 dan bilangan penerbitan untuk setiap staf akademik sebanyak 3.68. Bilangan penerbitan jurnal berindeks yang berjaya dihasilkan adalah sebanyak 221 untuk tahun 2021 manakala bilangan faktor impak kumulatif bagi penerbitan dalam jurnal berindeks sitasi adalah sebanyak 12,333. Pencapaian ini adalah sesuatu yang patut dibanggakan memandangkan MJIIT adalah sebuah fakulti yang baru berusia 11 tahun tetapi berjaya mencapai indeks penerbitan yang setanding dengan fakulti-fakulti lain yang telah wujud lebih lama di UTM. MJIIT pernah memenangi anugerah penerbitan citra karisma peringkat fakulti pada tahun 2020 dan kemenangan ini memberi impak positif kepada penyelidik untuk menghasilkan penulisan yang bermutu. Di harap MJIIT diberi peluang untuk memenangi anugerah ini agar dengan kemenangan ini dapat memberi sedikit motivasi kepada penyelidik-penyelidik agar terus berkarya dan menghasilkan penerbitan yang lebih bermutu.



## ANUGERAH PENERBITAN (PUSAT KECEMERLANGAN (COE))


### Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC)

Sejarah penubuhan Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC) bermula dengan tertubuhnya Membrane Research Unit (MRU) pada tahun 1990 di Kampus Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL). AMTEC telah dinaik taraf sebagai salah satu pusat kecemerlangan (CoE) di UTM pada tahun 2008. Pada November 2015, AMTEC telah diiktiraf secara rasmi sebagai Institusi Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi ( HICoE ) dalam bidang Water Reclamation oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Selanjutnya, pada Disember 2019 AMTEC ditawarkan bagi meneruskan program HICoE Fasa Kedua oleh pihak KPTM. Sejak ditubuhkan, AMTEC telah dikenali sebagai pusat rujukan serantau dan antarabangsa di dalam bidang teknologi membran. AMTEC telah mencapai kejayaan yang sangat membanggakan sebagai platform untuk meningkatkan dan memantapkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) dalam bidang bahan termaju berasaskan membran. AMTEC ditunjangi oleh tiga kumpulan penyelidikan yang terdiri daripada penyelidik-penyelidik dinamik dan komited yang cemerlang dalam pelbagai bidang kepakaran yang berkaitan dengan bahan termaju berasaskan membran dan pembuatan teknologi tinggi. Program penyelidikan AMTEC merangkumi bidang-bidang penyelidikan pelbagai disiplin yang berkaitan dengan sains membran termaju dan teknologi dalam spektrum yang meluas termasuk dalam bidang rawatan dan pemulihan air sisa, pemisahan gas, sel fuel, dan sel solar





Sebagai salah satu pusat kecemerlangan, AMTEC memberi tumpuan yang padu dan menyeluruh kepada penerbitan ilmiah berimpak tinggi sebagai salah satu dari hasil penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan. AMTEC juga telah bekerjasama dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa termasuklah pihak industri tempatan seperti Petronas, UMW Corporation dan Sime Darby. Pada tahun 2021, AMTEC telah menerbitkan sebanyak 266 penerbitan dalam journal WOS/Scopus, 12 Penerbitan dalam journal bukan WOS/Scopus, 1 buah buku, 10 bab dalam buku dan 26 penerbitan lain dalam prosiding persidangan, 8 pemfailan paten dan 4 paten granted. Jumlah geran yang diperolehi sepanjang tahun 2021 pula adalah sebanyak RM 6,026,921.78. AMTEC telah menjadi tenaga penggerak utama sehingga tertubuhnya persatuan MyMembrane pada tahun 2017 yang telah menghimpun kesemua para membranologi khususnya di Malaysia.



## About Us



1990: Prof. Hamdani Saidi was the founder of Membrane Research Unit (MRU). He was the first Head of MRU, which was based in UTMKL.

2001: Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail was entrusted to lead MRU-based in Skudai, Johor. Prof. Datuk held the position as the Head of MRU until 2008.


2008: MRU was upgraded to Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC). Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail was the first Director of AMTEC.

2015: AMTEC was recognized as one of the national Higher Institution Centre of Excellence (HiCoE) with niche area "Water Reclamation".

2018: Assoc. Prof. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan was appointed as the second Director of AMTEC.



1990      2001      2008





## Vision

To become a hub of membrane – based technology for nation human capital development and wealth creation.

## Mission

To establish AMTEC as a world – renown centre of excellence in R & D & C.





## **ANUGERAH PENERBITAN (PUSAT KECEMERLANGAN (COE))**

### **Centre for Advanced Composite Materials (CACM)**

Pusat Komposit mula ditubuhkan pada Januari 1995, berikutan peningkatan dalam projek penyelidikan dan kerja perundingan berkaitan bahan komposit oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia. Objektif utama penubuhan adalah untuk membangunkan penyelidikan berasaskan bahan berteknologi tinggi untuk pertumbuhan industri komposit dan mempromosikan teknologi bahan komposit kepada masyarakat melalui pengajaran, latihan dan perundingan.

Pusat Komposit telah dijadikan Pusat Penyelidikan (RC) pada 2012 dan dijenamakan semula sebagai Center for Composites (CfC). Penyelidikan yang sentiasa berkembang dalam bidang teknologi komposit telah mewujudkan ekosistem penyelidikan pelbagai disiplin hasil penggunaan bahan komposit yang pelbagai. Oleh itu, keahlian CfC telah berkembang ke fakulti lain, iaitu oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga dan Fakulti Kejuruteraan Awam. Di bawah penstrukturan semula tadbir urus penyelidikan universiti, CfC telah dinaik taraf sebagai Pusat Kecemerlangan dan dinamakan semula sebagai Centre For Advanced Composite Materials (CACM). CACM telah diletakkan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) pada 2017.

Kerja-kerja penyelidikan felo dan felo bersekutu CACM di dalam bidang berkaitan penyelesaian isu alam sekitar dan kehendak industri telah berjaya diterjemahkan dalam bentuk penerbitan, yang merangkumi topik :

- Kitaran semula bahan buangan (recycle/reuse composites waste)
- Mengeksploitasi gentian semula jadi sebagai bahan komposit masa hadapan (Exploit natural fibre as a future composites materials)
- Struktur bahan komposit ringan (Light weight structure)

CACM telah berjaya meningkatkan jumlah penerbitan setiap tahun di dalam SCOPUS/WOS/ERA iaitu sebanyak 41, 45 dan 54 pada tahun 2018, 2019 dan 2020. Daripada jumlah tersebut, peratusan penerbitan di dalam jurnal Q1 dan Q2 juga meningkat dari setiap tahun (2018,2019 dan 2020) iaitu 13,14 dan 19 peratus. Beberapa felo penyelidik CACM juga telah berjaya memenangi Anugerah Penulis Dalam Jurnal Berindeks Kategori Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi tahun 2020.

## **ANUGERAH PENERBITAN (PUSAT KECEMERLANGAN (COE))**

### **Research Institute for Sustainable Environment (RISE)**

Research Institute for Sustainable Environment (RISE) telah ditubuhkan pada 15 Februari 2015. Institusi penyelidikan ini terbentuk hasil gabungan lima buah pusat penyelidikan yang ada di UTM iaitu Process Systems Engineering Centre (PROSPECT), Centre for Sustainable Environment and Water Security (IPASA), Centre for River and Coastal Engineering (CRCE), Geoscience and Digital Earth Centre (INTEG) dan Centre for Innovative Planning and Development (CIPD). Institut ini menjalankan pelbagai aktiviti merangkumi penyelidikan dan pembangunan (R & D), penulisan, perundingan, perkhidmatan makmal dari segi pemantauan dan ujian, khidmat masyarakat kepada agensi kerajaan dan industri dalam pelbagai bidang kelestarian kejuruteraan alam sekitar.

Kesungguhan ahli RISE dalam penerbitan kini kian tampak ketara dan seimbang. Identiti RISE telah menapak dalam pelbagai media penulisan, termasuk jurnal berindeks (WOS dan Scopus) dalam tier Q1 dan Q2, jurnal tidak berindeks, buku asli, bab dalam buku, kertas polisi, prosiding persidangan hinggalah ke artikel dalam akhbar. Nama-nama seperti Prof. Dr. Amran Hamzah dan Prof. Dr. Ho Chin Siong sudah tidak asing dalam pengeluaran kertas polisi dan sering diiktiraf sebagai penyumbang utama kepada markah MYRA bagi bahagian penulisan kertas polisi. Prof. Sr. Dr. Mazlan Hashim, Prof. Ir. Dr. Sharifah Rafidah Wan Alwi, Prof. Dr. Zainura Zainon Noor, Prof. Ir. Dr. Zainuddin Abdul Manan, Prof. Ts. Dr. Azmi Aris, Prof. Dr. Zulkifli Yusop dan Prof. Madya Dr. Shamsuddin Shahid pula giat mencurahkan bakti dalam penulisan artikel jurnal berimpak tinggi dan antara nama yang tersenarai sebagai penyumbang sitasi tertinggi di UTM. Selain itu, felo-felo pelapis juga telah mula mengorak langkah dan sama-sama bersaing dalam menghasilkan jurnal berimpak tinggi seperti Ir. Ts. Dr. Ho Wai Shin dan Ir. Ts. Dr. Liew Peng Yen yang baharu sahaja menerima gelaran Professor Madya pada awal tahun 2022.

Pengumpulan data KPI 2015 – 2021 menggunakan instrument HiCOE memperlihatkan bukti keunggulan RISE menyumbang dalam penerbitan, penyelidikan, perundingan dan polisi. Setiap tahun berlaku peningkatan dalam bilangan penerbitan jurnal berindeks khususnya Q1/Q2 jurnal. Hasil sumbangan penulisan ini adalah antara kriteria utama penilaian kedudukan yang berjaya menempatkan RISE sebagai Institusi Penyelidikan yang cemerlang di UTM dan juga di peringkat antarabangsa.

## ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) (KLUSTER BERKELOMPOK UTMJB)

### Bangunan Makmal Penyelidikan Universiti Industri (UIRL)

Bangunan Makmal Penyelidikan Universiti Industri (UIRL) dipilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerja (AKKP) 2021 bagi Kategori Kluster Berkelompok di atas komitmen serta usaha yang berterusan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Penglibatan semua pihak dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang mantap dan efektif membolehkan JKPP Bangunan UIRL merancang bagi melaksanakan pelbagai program serta latihan berkaitan KKP seperti program latihan pengungsian bangunan bertemakan tumpahan bahan kimia yang melibatkan pihak Bomba, sesi perkongsian KKP, program HIRARC dan juga program kesihatan yang lain. Penasihat Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (HSEA) yang dilantik telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan bersama-sama dengan Jawatankuasa KKP UIRL melalui idea-idea dan pandangan yang bernas bagi menerapkan kesedaran dan kepentingan KKP.

Selain itu, audit dalaman dan pemeriksaan tempat kerja sendiri yang dilaksanakan juga diberikan tumpuan sebagai peluang penambahbaikan serta pengenalan amalan yang baik oleh organisasi. Kesimpulannya, panel penilai audit AKKP 2021 telah bersetuju supaya Bangunan UIRL dijadikan contoh terbaik dari segi pengurusan KKP dalam mewujudkan tempat kerja yang selamat dan kondusif.





**ANUGERAH KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP)  
(KLUSTER BERKELOMPOK UTMJB)**

**Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan  
dan Sains Kesihatan (SKBSK)**

Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan (SKBSK) terpilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 atas komitmen serta usaha yang dipamerkan oleh seluruh warganya terutama pihak pengurusan SKBSK dalam meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pengurusan dan perancangan yang jelas serta tersusun yang diatur oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan SKBSK dalam program kesedaran dan latihan berterusan telah memberikan impak yang besar kepada seluruh warga SKBSK. Penasihat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (HSEA) yang dilantik juga telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berdedikasi untuk meningkat dan menerapkan budaya kerja selamat di tempat kerja.

Selain itu amalan 5S dan kelestarian yang diamalkan oleh SKBSK juga amat membantu dalam memastikan tahap kebersihan dan kekemasan berada dalam keadaan sangat baik dan kondusif untuk bekerja. Sistem komunikasi yang berkesan diwujudkan melalui laman web OSHE SKBSK bagi menyalurkan pelbagai maklumat serta hebahan kepada warganya.




## ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) (KLUSTER INDUK UTMJB)

### Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP)

Komitmen serta usaha yang berterusan dalam meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di semua peringkat menjadikan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dipilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 bagi kategori Kluster Induk UTM Johor Bahru. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) PTJ yang efektif menyumbang dalam pelaksanaan setiap program KKP yang dirancangkan. Ini dapat dilihat dari semakan dokumen yang telah disediakan. Di samping itu, sistem penyimpanan dan pengurusan rekod yang teratur dan dikemaskini memudahkan maklumat dicapai apabila diperlukan termasuk salinan audit dalaman Pemeriksaan Tempat Kerja yang dibuat ke atas semua PTJ di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) sebanyak tiga (3) bulan sekali. Terdapat banyak peningkatan yang dibuat dalam pelaksanaan pengurusan KKP bermula tahun 2019 sehingga kini.

Malah, Penasihat KKP menunjukkan minat dalam pembudayaan KKP atas inisiatif beliau sendiri bersama Pejabat OSHE di samping mendapat sokongan yang amat baik daripada pihak pengurusan tertinggi PTJ. Selain itu, amalan 5'S dan Kelestarian yang diamalkan oleh Pejabat HEP ini juga amat membantu sehingga menjadikan tahap kebersihan dan kekemasan persekitaran bangunan berada dalam keadaan sangat baik dan dapat mewujudkan suasana yang selesa untuk bekerja.





## ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) (KLUSTER INDUK UTMJB)

### Sekolah Komputeran

Komitmen serta usaha yang berterusan dalam meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di semua peringkat menjadikan Sekolah Komputeran (SC) dipilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 bagi kategori Kluster Induk UTM Johor Bahru. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sekolah yang efektif menyumbang dalam pelaksanaan setiap program KKP yang dirancang. Ini dapat dilihat dari semakan dokumen yang telah disediakan. Di samping itu, sistem penyimpanan dan pengurusan rekod yang teratur dan dikemaskini memudahkan maklumat dicapai apabila diperlukan.

Sekolah Komputeran telah mewujudkan laman sesawang JKPP sendiri berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk dijadikan sebagai medium hebahan serta penyampaian maklumat kepada staf dan pelajar. Selain itu, amalan 5'S dan Kelestarian yang diamalkan oleh Sekolah Komputeran ini juga amat membantu sehingga menjadikan tahap kebersihan dan kekemasan persekitaran bangunan berada dalam keadaan sangat baik dan dapat mewujudkan suasana yang selesa untuk bekerja..





## ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) (KOLEJ KEDIAMAN - UTMJB)

### Kolej Rahman Putra (KRP), UTM Johor Bahru



Kolej Rahman Putra (KRP) terpilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021 Kategori Kolej Kediaman kerana komitmen pengurusan kolej dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diterapkan di tempat kerja dan juga di kediaman mahasiswa. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mempunyai hala tuju yang jelas mengenai fungsi serta telah mengenalpasti perancangan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kolej. Dalam hal ini, banyak penambahbaikan dilaksanakan selaras dengan peningkatan secara berterusan seperti dokumentasi yang tersusun rapi, kursus dan latihan yang dijalankan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kesedaran staf mengenai kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja membolehkan pengurusan kolej menjalankan program dan aktiviti yang berkesan. Oleh itu, atas komitmen dan pencapaian yang tinggi ini, para panel pengaudit telah sebulat suara mencadangkan agar Kolej Rahman Putra dicalonkan menjadi finalis dalam Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 Kategori Kolej Kediaman.

**ANUGERAH KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP)  
(KOLEJ KEDIAMAN - UTMJB)**

**Kolej Perdana (KP)**

Kolej Perdana (KP) terpilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021 Kategori Kolej Kediaman atas komitmen serta usaha yang dipamerkan dalam mengekalkan serta meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kolej kediaman. Pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dijalankan dan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan kolej yang sentiasa bertekad serta beriltizam untuk mewujudkan suatu tempat kerja serta kediaman mahasiswa yang selesa dan kondusif. Selain daripada itu, penglibatan dan penyertaan staf merupakan tunjang kepada kejayaan pelaksanaan program dan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan.


Ini dibuktikan melalui penerapan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai kesedaran dan amalan untuk didedahkan kepada staf dan juga mahasiswanya melalui latihan, kursus, taklimat dan sebagainya.





# ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) (KATEGORI UTMKL)

## Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTMKL terpilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 bagi Kategori UTM Kuala Lumpur kerana telah memenuhi kriteria yang ditetapkan semasa sesi pengauditan AKKP yang diadakan dalam suasana norma baharu secara hibrid pada 28 Mac 2022 hingga 1 April 2022. Dalam berdepan dengan pandemik Covid-19 dan norma baharu, Pejabat TNCPIKL telah mengambil inisiatif dan langkah proaktif bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah audit dalaman keselamatan ke atas semua makmal secara berkala di bawah pengurusan TNCPIKL, pembekalan *Personal Protective Equipment (PPE)* untuk setiap staf dan kursus pengukuhan praktis penggunaan PPE. Selain itu, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) juga telah menyediakan beberapa infografik SOP berkaitan aktiviti-aktiviti makmal dalam suasana norma baharu sebagai panduan kepada semua staf dan pelajar. Rekod-rekod berkaitan keselamatan di TNCPIKL juga disimpan secara atas talian dan pelaporan adalah secara kuantitatif menggunakan platform Google Data Studio.

Ditambah dengan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh pihak pentadbiran, penglibatan dan penyertaan staf juga adalah faktor kejayaan terbesar dalam pelaksanaan program dan aktiviti KKP yang telah dirancang. Atas usaha berterusan dan komitmen padu yang ditunjukkan oleh semua pihak di TNCPIKL, para panel pengaudit telah sebulat suara mencadangkan agar Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTMKL dicalonkan ke Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021.



## ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) (KATEGORI UTMKL)

### Kolej Siswa Jaya (KSJ)

Kolej Siswa Jaya, UTM Kuala Lumpur (KSJ) terpilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 Kategori UTM Kuala Lumpur berdasarkan komitmen, usaha serta inisiatif yang dipamerkan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di kalangan warganya. KSJ merupakan satu-satunya kolej penginapan pelajar di UTM Kuala Lumpur. KSJ telah dicalonkan sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 bagi Kategori UTM Kuala Lumpur kerana telah berjaya memenuhi kriteria yang ditetapkan semasa sesi pengauditan AKKP yang diadakan dalam suasana norma baharu secara hibrid pada 28 Mac 2021 tempohari. Berdepan dengan pandemik Covid-19 sepanjang tahun 2021 telah menjadikan KSJ proaktif dalam mewujudkan persekitaran kerja dan penginapan yang selamat dan sihat bagi semua warga KSJ. Penguatkuasaan *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi kebanyakan operasi diperketatkan. Aktiviti keluar masuk pelajar di Kolej juga dipantau ketat dan pemakaian pelitup muka diwajibkan ke atas semua warga KSJ sepanjang tempoh berada didalam kolej.

Antara inisiatif lain juga, bilik-bilik kuarantin bagi pelajar-pelajar yang dijangkiti Covid-19 disediakan berasingan bagi mengekang penularan wabak. Di samping itu, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) juga telah menyediakan infografik SOP Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sekitar kolej untuk kesejahteraan warga kolej. Semangat kerjasama dan komitmen tinggi yang diberikan oleh semua warga KSJ telah membantu pihak pentadbiran KSJ melaksanakan program-program dan aktiviti KKP dengan jayanya dan para panel pengaudit telah bersetuju untuk mencadangkan agar Kolej Siswa Jaya, UTM Kuala Lumpur (KSJ) dicalonkan ke Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021.



## ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) (ENTITI PENYELIDIKAN)

### Pusat Inovasi Agriteknologi dan Biopemprosesan Termaju (ICA), UTM Pagoh

Finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 bagi Kategori Entiti Penyelidikan ialah Pusat Inovasi Agriteknologi dan Biopemprosesan Termaju (ICA). ICA telah menunjukkan komitmen serta usaha yang berterusan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Penglibatan pihak pengurusan tertinggi dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKKP) ICA UTM Pagoh telah berjaya mengekalkan momentum kecemerlangan melalui idea-idea dan aktiviti-aktiviti yang baik bagi menerapkan kesedaran dan budaya KKP pada seluruh warganya. Secara keseluruhannya, panel penilai audit AKKP 2021 telah bersetuju supaya Pusat Inovasi Agriteknologi dan Biopemprosesan Termaju (ICA), UTM Pagoh dijadikan contoh terbaik bagi Kategori Entiti Penyelidikan dari segi pengurusan KKP bagi menjamin persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan supaya kekal berada pada tahap terbaik..







## ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) (ENTITI PENYELIDIKAN)

### *Institute for Vehicle Systems and Engineering (IVeSE), UTM Johor Bahru*

*Institute for Vehicle and Systems and Engineering (IVeSE), UTM Johor Bahru* dipilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2021 bagi Kategori Entiti Penyelidikan kerana inisiatif dan pencapaian yang ditunjukkan dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). IVeSE mempunyai objektif yang bersasar yang boleh dicapai mengikut aktiviti dan program yang melibatkan pekerjaan bagi keperluan KKP. Penganjuran program serta aktiviti turut diambil kira dalam perancangan dan dilaksanakan untuk memastikan para pekerja, pelajar serta sesiapa yang terlibat mendapat pendidikan dan pendedahan berkaitan KKP secara berkesan.

Di samping itu, sistem pengurusan kecemasan seperti pelaporan dan siasatan kemalangan bagi mengawal kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tersusun turut diwujudkan. Pengurusan IVeSE telah menunjukkan komitmen berterusan selaras dengan Polisi Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTM.





## ANUGERAH KELESTARIAN (SEKOLAH / FAKULTI)

### Fakulti Alam Bina dan Ukur

Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) ditubuhkan pada 1 Julai 2018 di bawah UTM Synergy 4.0. Ia adalah gabungan antara Fakulti Alam Bina (FAB) dan Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah (FGHT). FABU diketuai oleh Dekan, YBhg. Prof. Sr Dr. Kherun Nita Binti Ali. Jawatankuasa Pelestarian (Lestari FABU) telah ditubuhkan pada 2018 di bawah Pejabat Timb. Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan), PM Dr. Zulkepli Majid. Lestari FABU dipengerusikan oleh Timbalan Pendaftar (En. Abdul Jalil Maulani), dengan barisan jawatankuasa utama dianggotai *Green Manager* (LAr. Dr. Zanariah Jasmani), Energy Manager (Dr Muhammad Imzan Hassan), Pengurus Fasilitas (Ts. Dr. Mohd Shahril Abdul Rahman), Pengurus OSHE (PM Sr. Dr. Mohd Saidin Misnan), Pengurus Makmal (Sr Dr. Khairulnizam M. Idris), Pengurus Alam Sekitar dan Landskap (PM LAr. Dr. Sapura Mohamad) dan Pengurus Aktiviti dan Kebajikan Pelajar (Ts Dr. Syamsul Hendra Mahmud). Visi kami di FABU adalah “Menjadi fakulti pilihan dalam pendidikan dan pembangunan profesional bagi alam bina”, dan misi kami adalah “Kami berusaha membangunkan profesional yang bertanggungjawab ke arah membentuk alam bina yang lestari melalui sinergi bersama industri, badan profesional, dan alumni”. Pada 2021, warga FABU (pelajar dan staf) telah melaksanakan 28 program kelestarian melibatkan warga dalam dan luar kampus, termasuk dari luar negara. Selain itu, terdapat 51 projek/geran penyelidikan aktif berkaitan kelestarian pada 2021. Dalam tahun yang sama, kami telah menghasilkan 68 penulisan/penerbitan berunsurkan kelestarian berbentuk jurnal terindeks hingga penulisan kreatif. Warga FABU juga menerima 74 anugerah/pengiktirafan berkaitan kelestarian pada tahun 2021 diperingkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. FABU merupakan pemenang Anugerah Kelestarian UTM untuk tahun 2018 dan 2020 (*Green Leaf Award*) bagi kategori Fakulti/Sekolah.



## ANUGERAH KELESTARIAN (SEKOLAH / FAKULTI)

### Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia- Jepun

Berasas pada tahun 2001, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun telah mencetuskan idea untuk mengadaptasikan pendidikan bergaya Jepun di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Idea ini berhasil dengan penubuhan Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun (MJIIT), sebuah fakulti di UTM yang menerajui pendidikan kejuruteraan berorientasikan Jepun, sejak tahun 2010. Adalah menjadi misi fakulti supaya menyediakan pendidikan kejuruteraan bergaya Jepun yang berkualiti, di samping menerapi keunikan Malaysia ke arah industri dan masyarakat yang mampan. Selain ini, MJIIT berusaha untuk mencapai kecemerlangan akademik dan penyelidikan, dalam bidang kejuruteraan sistem elektronik, kejuruteraan mekanikal kejituan, kejuruteraan kimia dan alam sekitar, pengurusan teknologi, dan kejuruteraan perisian.

Sejak kebelakangan ini, MJIIT telah bekerja keras supaya mengekalkan kemampanan sebagai agenda yang utama dalam akademik dan penyelidikan. Pelbagai usaha telah dicurahkan untuk menerapkan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, melalui strategi penyetempatan, dan lebih mustahak, memiliki sebahagian daripada 17 matlamat dengan menyesuaikan, melaksanakan, dan memantau SDG di peringkat fakulti.







**Kajian Khas Tanah Runtuh Bukit Antarabangsa,  
Hulu Kelang**



## ANUGERAH KELESTARIAN (SEKOLAH / FAKULTI)

### Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan

Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBSK), Fakulti Kejuruteraan ditubuhkan pada 2009 dan terletak di bangunan V01 UTM. Visi SKBSK adalah untuk memastikan UTM dan negara secara keseluruhannya dilengkapi oleh tenaga kerja yang pakar dan teknologi yang mampan dalam bidang kejuruteraan bioperubatan seiring dengan kepesatan serta sektor kesihatan. SKBSK komited dan berusaha sebaik mungkin untuk menerapkan nilai lestari seperti yang telah dianjurkan oleh pihak UTMCS dalam setiap urusan pentadbiran serta pengurusan PTJ SBSK. Hal ini dapat dilihat dalam penganjuran program dan juga aktiviti di SKBSK berkaitan lestari. Unit GREEN SKBSK juga telah mendapat kerjasama serta libatsama yang baik antara staf akademik, staf pentadbiran serta para pelajar bagi menjayakan setiap aktiviti yang dijalankan. SKBSK telah memenangi tempat kedua dalam anugerah MAGFE 2020 dan tempat ketiga anugerah MAGFE 2021. SKBSK juga telah mendapat penarafan 3 *Green Leaf* pada tahun 2020.

Pada tahun 2021, SKBSK telah membuat satu aktiviti keceriaan yang melibatkan ruang terbuka koridor tingkat 3. Naiktaraf ruangan tersebut dibuat secara gotong-royong bersama staf akademik dan staf pentadbiran. Bukan sahaja dapat menceriakan ruangan tersebut, malahan ia telah bertukar menjadi ruang gunasama dan sesuai untuk ruangan fotografi. Pelajar dan staf dapat beristirahat mahupun berbincang secara selesa di ruangan ini. Hiasan dan perabot yang dilengkapi di sini mudah alih juga dapat diguna untuk melengkapi perhiasan ruangan untuk pelbagai majlis lain. Sudut membaca yang selesa juga disediakan di ruangan ini dan dilengkapi bahan bacaan yang didermakan oleh staf SKBSK untuk kegunaan bersama. Ini boleh menjadi contoh satu aktiviti lestari yang kelihatan kecil tapi mampu memberi impak positif serta bermanfaat kepada ramai orang.



## ANUGERAH KELESTARIAN (PEJABAT / JABATAN)

### Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur (BPKL)

“Pelestarian” merupakan intipati komitmen warga BPKL dalam menyokong usaha pihak Pengurusan Universiti bagi pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di dalam kampus sekaligus menyokong salah satu elemen daripada empat (4) nilai teras utama UTM iaitu “*sustainability*”.

Penggerak utama dalam menggembelng usaha pelestarian ini adalah menerusi penubuhan pelbagai jawatankuasa utama seperti Pelestarian, OSHE, Kualiti dan EKSA. Dalam pada itu, penganjuran program-program serta aktiviti *Green Office* juga merupakan manifestasi sejauh mana warga BPKL memanfaatkan sumber sedia ada secara efisien untuk meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga supaya dapat memelihara sumber serta mempertingkatkan kualiti persekitaran sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).



Pendidikan terhadap kesedaran konsep pelestarian pada dasarnya bermula dengan perubahan dalam cara mendidik staf bagi tujuan memastikan penghasilan komuniti serta ruang kerja yang lebih lestari. Perkongsian serta hebahan berkaitan dengan pelestarian sentiasa dilaksanakan dalam usaha untuk memupuk kesedaran di kalangan warga BPKL. Inisiatif-inisiatif seperti program Taman Mini BPKL dan Landskap@BPKL yang berkonsepkan “*Living Lab: Green Office*” telah menjadi pemangkin kepada peningkatan pengetahuan dalam mengamalkan gaya hidup sihat. Hal ini hanya mampu dicapai dengan kewujudan sikap kerjasama yang utuh dikalangan staf BPKL sekaligus turut membantu dalam memperkasakan pelaksanaan pembangunan lestari.

Pengalaman ini merupakan proses pembelajaran yang tidak pernah berhenti dan sentiasa menjadi dorongan kepada usaha-usaha BPKL ke arah sebuah organisasi yang lestari. BPKL turut menjadi contoh tauladan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain di UTMKL khususnya bagi PTJ yang sedang memulakan usaha pengamalan nilai – nilai kelestarian dalam tadbir urus jabatan.



## PENCAPAIAN TERKINI (TEMPOH 3-5 TAHUN)

Antara pencapaian BPKL seperti berikut:

Tahun	Anugerah	Pencapaian
2021	Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP)	5 BINTANG
2021	Anugerah Kualiti Perkhidmatan (AKP)	4 BINTANG
2020	Anugerah Kelestarian Kategori Jabatan / Pejabat UTM	Tempat Kedua
2020	Anugerah Kualiti Perkhidmatan (AKP)	3 BINTANG
2019	Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP)	5 BINTANG
2018	Anugerah Kualiti Perkhidmatan (AKP)	3 BINTANG
2018	Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP)	5 BINTANG
2017	Anugerah Kualiti Perkhidmatan (AKP)	3 BINTANG
Sejak 2017	Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Kearah pensijilan MAMPU

### PENCAPAIAN TERTINGGI

BPKL amat cemerlang bagi Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) dengan mendapat pengiktirafan 5 bintang bagi dua (2) tahun berturut-turut. (kecuali tahun 2020 ditangguhkan berikutan isu covid).

### MOTTO BERKUMPULAN

Bersih, Indah dan Sejahtera

### TAMAN MINI BAHAGIAN PENDAFTAR UTMKL



### KEMPEN PENGUMPULAN BARANGAN BUANGAN PERALATAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE)





## ANUGERAH KELESTARIAN (PEJABAT / JABATAN)

### Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) merupakan jabatan utama yang melaksanakan urusan berkaitan penyelidikan, inovasi, pengkomersilan, perundingan, jaringan industri dan masyarakat. JTNCPI merupakan satu jabatan yang mempunyai struktur yang besar dan telah berjaya memberi impak yang *significant* kepada UTM dan negara terutama dalam hala tuju serta pengurusan penyelidikan secara keseluruhan.

Dengan mempunyai warga staf seramai 581 dan terdiri daripada 3 HICOE, 7 COE, 6 Institut, 27 *Research Centre* dan 5 Entiti Perkhidmatan yang menguruskan 'core business' JTNCPI dan UTM, JTNCPI telah berjaya menghasilkan dan membawa nama UTM ke persada negara dengan beberapa kejayaan besar hasil pengurusan penyelidikan yang merangkumi keseluruhan warga Universiti Teknologi Malaysia.

JTNCPI komited terhadap pengurusan kelestarian yang merupakan salah satu Nilai Teras Utama Universiti. Pengurusan JTNCPI mengambil kira elemen kelestarian dalam pengurusan, pendidikan & inovasi, komuniti dan alam sekitar. Polisi Kelestarian Universiti diambil kira dalam setiap perancangan Jabatan yang menekankan SDG dalam pelaksanaan program dan aktiviti. Sokongan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan juga diberikan sebagai tanda sokongan pihak pengurusan terhadap pengurusan kelestarian.



## MOTTO JTNCPI

“Kerana Tuhan Untuk Manusia” -  
In the Name of God for Mankind



## AKTIVITI SINERGI BERSAMA SEMUA WARGA UNIVERSITI (FAKULTI , COE & PTJ YANG BERKAITAN)



Hasil pencapaian dari program kelestarian turut dimanfaatkan kepada Universiti, komuniti dan industri. Antaranya, geran kepada penyelidik bagi menjalankan kajian inovasi yang berimpak tinggi dan bernilai komersial. Ia juga merupakan galakan dan insentif kepada penyelidik untuk memulakan jaringan dengan agensi, industri dan komuniti. Elemen Alam Sekitar seperti mewujudkan Ruang Hijau, pemeliharaan kawasan terbuka di kawasan persekitaran, penyediaan fasiliti jimat tenaga serta pelan penggunaan aset terpelihara turut dititikberatkan dalam pengurusan kelestarian Jabatan.

Akhir sekali impak utama kewujudan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) selain dari mencapai KPI Universiti dan MyRA, semua warga UTM khususnya Fakulti dan warga JTNCPI juga bersinergi dalam memastikan UTM sentiasa mengekalkan *status 'Research University'*. JTNCPI memberi sepenuh komitmen terhadap Pengurusan Kelestarian dan berjaya mendapat Juara Anugerah Kelestarian UTM (Kategori Jabatan/Pejabat) 3 tahun berturut (2018-2020) dengan mendapat penarafan 5 *Green Leaf* dalam Penilaian Kelestarian Tahun 2020.



## ANUGERAH KELESTARIAN (PEJABAT / JABATAN)

### Jabatan Perpustakaan UTM



Jabatan Perpustakaan UTM diterajui oleh Ketua Pustakawan dimana Perpustakaan Sultanah Zanariah merupakan perpustakaan induk, manakala perpustakaan cawangan adalah Perpustakaan Raja Zarith Sofiah Johor Bahru, Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur, Perpustakaan Menara Razak Kuala Lumpur, Perpustakaan Malaysia-Japan International Institute of Technology Kuala Lumpur, Institute of Bio Product Development, Johor Bahru, Perpustakaan UTM Pagoh dan 10 Perpustakaan Fakulti UTM Johor.

Perpustakaan UTM merupakan antara komponen utama dalam menyokong proses pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan di UTM. Perpustakaan UTM optimis dalam menyokong dan melaksanakan agenda kelestarian Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) menjelang 2030 yang diterajui oleh Pejabat Pelestarian Kampus UTM. Program pendidikan pengguna diteruskan secara atas talian secara norma baharu dalam mendepani pandemik COVID-19 bagi memastikan semua pelajar mendapat bimbingan serta panduan dalam pencarian maklumat bagi keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di universiti. Selain itu, perpustakaan aktif meneruskan perkhidmatan secara atas talian melalui penggunaan sistem aplikasi seperti *Librarian Online Chat* dan *Librarian by Appointment* bagi memastikan keperluan pengguna dipenuhi. Program pembudayaan ilmu seperti bicara karya, *knowledge sharing* dan *read and relax* diteruskan secara atas talian menerusi *Facebook* dan *Youtube* Perpustakaan UTM bagi membolehkan lebih ramai pendengar mendapat manfaat dari ilmu dikongsikan. Galeri Maya UTM telah dibangunkan dan boleh dicapai secara atas talian melalui *UTM Virtual Gallery* dimana pengunjung melayari dan meneroka khazanah warisan koleksi galeri dan artifak sama ada menggunakan telefon pintar atau komputer.


Perpustakaan juga komited melaksanakan aktiviti berkaitan alam sekitar bagi tujuan membudayakan kesedaran kelestarian melalui seperti gotong-royong bulanan, kempen penjimatan tenaga dan air, kempen pengurangan penggunaan *single use plastics*. Aktiviti pengindahan landskap dengan kerjasama Jabatan Harta Bina turut dilaksanakan bagi meningkatkan keindahan pemandangan kepada pengunjung perpustakaan. Staf perpustakaan juga giat menghasilkan penulisan serta pembentangan berkaitan dengan kelestarian di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.



Pencapaian tertinggi oleh Perpustakaan UTM adalah seperti berikut:

- 1) Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) kali ke-14 peringkat UTM tahun 2021 (Tempat ketiga dan penarafan Anugerah Emas)
- 2) Anugerah Kualiti Perkhidmatan 2020
- 3) Anugerah Inovasi Perkhidmatan 2020 (Librarian Online Chat)
- 4) Anugerah Webometrik (PTJ Perkhidmatan) 2020
- 5) Penghargaan (Finalis) Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2020
- 6) Penghargaan Anugerah Kelestarian (Kategori Jabatan/Pejabat) 2020

**Motto Perpustakaan**  
Kecemerlangan Informasi



H-sharing Green Office Perpustakaan UTM 

**FAHAMI SDGs DALAM ERA DIGITAL & DOCUMENTAS**

**TARIKH** 12 Oktober 2021 (Selasa) **MASA** 2:30-4:00ptg


**Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Fadhill bin Md Din**  
Pengarah, UTM Campus Sustainability

**MODERATOR**  
**ZAFARINA GINTI DOL**  
GREEN MANAGER  
JABATAN PERPUSTAKAAN UTM

2:00

LIVE FACEBOOK PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
facebook.com/library.utm library.utm library.utm.my Mata CPD staf dan merit belajar UTM akan disediakan

UTM Library UTM




## ANUGERAH KELESTARIAN (KOLEJ KEDIAMAN)

### Kolej Rahman Putra

Kolej Rahman Putra adalah kolej pertama yang dibina di UTM. Ianya dibina sekitar tahun 1984, dan dikenali dengan nama “Kampung Meranti” sebelum dikenali sebagai ‘Kolej 1’ dan yang terkini dikenali sebagai Kolej Rahman Putra. Bermotokan ‘GODS, WONDER, TREASURE’ Kolej Rahman Putra telah mencapai penarafan 1 Green Leaf bagi Penilaian Kelestarian 2018 dan mendapat anugerah saguhati.

Kolej Rahman Putra telah memaparkan komitmen dan prestasi yang baik dari segi pengurusan yang di ketuai oleh Pengetua Kolej Prof. Madya Dr. Mohd Haizal Bin Jamaluddin, Penasihat Program Kelestarian, Dr. Norhidayah Binti Md Yunus, staf pelaksana di peringkat pentadbiran Kolej Pn. Norzielawaty Binti Zainal Abidin (Hal Ehwal Pelajar) dan dari Unit Perumahan Kolej Kediaman (UPKK), Penolong Pegawai Tadbir, En. Mohd Rasdan Bin Jamian @ Raduan & En. Muhamad Azan Bin Sairaji serta semua staf yang terlibat terutamanya dalam aspek kewujudan polisi dan organisasi kelestarian serta perancangan aktiviti kelestarian bersama pelajar.

Secara keseluruhannya, sebahagian daripada aspek pengurusan kelestarian dari segi aktiviti dan komitmen warga Kolej Rahman Putra telah memenuhi kriteria dalam penilaian kelestarian. Sehubungan itu, Kolej Rahman Putra telah berjaya memperoleh penarafan 4 *Green Leaf* dalam Penilaian Kelestarian 2021 dan muncul sebagai juara Anugerah Kelestarian Citra Karisma 2022 bagi kategori Kolej Kediaman. Kolej Rahman Putra telah berjaya mengekalkan kejuaraan sebanyak 3 tahun berturut sejak tahun 2019, 2020 sehingga tahun 2021. Tahniah kepada Kolej Rahman Putra.





## ANUGERAH KELESTARIAN (KOLEJ KEDIAMAN)

### Kolej Tun Hussein Onn

Kolej Tun Hussein Onn (KTHO) melalui agenda pelestarian kampusnya terus mengorak langkah menyokong agenda global Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) terutama menerusi projek KTHO *From Waste to Wealth Hub*, sebuah projek pertanian berkonsepkan kelestarian dan keusahawanan sosial yang diusahakan bersama warga kolej kediaman tersebut secara konsisten sepanjang tahun.

Selari dengan kelestarian sebagai salah satu nilai teras UTM, di samping menepati hasrat universiti menerusi salah satu keutamaan strategik UTM enVision 2025, iaitu menyediakan pengalaman kehidupan kampus lestari kepada mahasiswa, staf dan komuniti, projek ini dilihat berupaya untuk ditonjolkan sebagai satu contoh makmal hidup yang wajar diaplikasikan di setiap peringkat organisasi terutamanya di UTM. Melalui kerjasama strategik bersama rakan-rakan industri, komuniti setempat, badan-badan kerajaan serta institusi-institusi akademik yang lain, KTHO terus menjadikan aspirasi UTM sebagai “universiti untuk komuniti” melalui penghasilan program-program berimpak tinggi.

Menyedari hakikat bahawa warga kampus merupakan penyumbang utama kepada sisa domestik terutama di dalam bentuk sisa makanan, pelaksanaan inisiatif ini memberi harapan agar ia dapat menyumbang kepada pengurusan sisa kampus yang lebih sistematik, di samping menjurus kepada sekuriti makanan tempatan melalui penghasilan tanaman kontan secara organik, sekaligus dapat dimanfaatkan demi kelestarian alam sekitar. Di samping itu, projek ini dilihat berupaya menonjolkan KTHO dan UTM sebagai pusat rujukan utama kepada program-program latihan yang bertemakan pertanian lestari berkonsepkan *4R* (*reduce, reuse, recycle, recover*) sekali gus menjadi ejen perubahan gaya hidup lestari di kalangan rakyat Malaysia, bagi menyokong matlamat menjadi negara rendah karbon, sebagaimana yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).





## ANUGERAH KELESTARIAN (KOLEJ KEDIAMAN)

### Kolej Perdana

Kolej Perdana merupakan kolej ketujuh ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia dan merupakan kolej yang menggabungkan pelajar bujang dan pelajar berkeluarga. Dengan kapasiti hampir 900 orang, Kolej Perdana memegang tema *Kolej Perdana Towards Sustainability* dalam menyokong inisiatif kelestarian di kolej kediaman. Berkat sokongan staf dan pelajar kolej, segala inisiatif dan perancangan aktiviti dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kolej Perdana menyatakan komitmen terhadap aspirasi kelestarian kampus menerusi polisi kelestarian yang dijadikan rujukan asas kepada segala perancangan dan aktiviti. Pembangunan Makmal Hidup Akuaponik yang menerapkan elemen pertanian bandar merupakan projek perintis kepada pembentukan budaya kelestarian di Kolej Perdana. Ia bukan sahaja dilaksanakan di peringkat kolej tetapi juga menjadi rujukan kepada komuniti setempat seperti Kejiranan Rukun Tetangga (KRT).

Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM) juga menerapkan elemen kelestarian berasaskan kepada *Sustainable Development Goals (SDG)* seperti Kempen Penjimatan Air dan Elektrik, Perkongsian Kereta, Pertandingan Penulisan Esei Bertemakan Kelestarian, Pembentangan kertas kerja dan sebagainya. Ini diharap dapat memberikan kefahaman kepada pelajar mengenai kepentingan mengamalkan cara hidup yang lebih lestari.

Secara keseluruhannya, Kolej Perdana akan terus bergerak maju mendokong aspirasi universiti ke arah sebuah kampus yang lestari dan di dalam waktu yang sama berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai aspek kelestarian di kalangan pelajar, staf, industri dan komuniti.




## ANUGERAH KELESTARIAN (INSTITUT PENYELIDIKAN)

### *Institute of High Voltage and High Current (IVAT)*

*Institute of High Voltage and High Current* (Institut Voltan dan Arus Tinggi, IVAT) ditubuhkan di UTMKL pada tahun 70 an untuk mengisi lompong badan pengujian dan penentukuran voltan tinggi untuk negara. Kini IVAT adalah CoE di UTM. Dengan anugerah yang diterima tahun lepas, IVAT kini didatangi wakil sekolah untuk bekerjasama ke arah projek-projek kelestarian. Sebagai sebuah institusi, kami juga sedar bahawa konsep kelestarian ini adalah isu global yang mana tahap kesedaran umum masih rendah. Anugerah kelestarian yang lepas kami terima dengan penuh kesedaran dan tekad untuk lebih memberi impak dan memberi sokongan penuh kepada langkah-langkah mengurangkan kerosakan pada persekitaran.

Ini adalah kerana umum memang sudah ada kesedaran kini, namun tindakan yang diambil tidak serius. Hanya syarikat dan institusi besar yang mengambil tindakan sedemikian. Jika dibandingkan tahap kesedaran dan tindakan kami yang lepas yang memperuntukkan kewangan yang sedikit, dapat memberi impak yang besar kepada sikap institusi. Keputusan operasi harian kami kini berteraskan kelestarian seperti mengelakkan pembaziran sumber tenaga, air dan makanan dan mengoptimumkan penggunaan bahan bakar. Kami menggalakkan penggunaan berkongsi kenderaan untuk setiap aktiviti luar dan mengitar semula bahan-bahan buang disamping melupuskan sisa bahaya secara selamat dan bertanggungjawab. Teras-teras ini sangat bermakna dari segi kelangsungan hidup dan amat sejajar dengan kehendak mana mana agama.

Dari sudut kelestarian, motto kami ialah mengurangkan kerosakan, memanfaatkan sumber dan mendidik umum akan perlunya konsep kelestarian ini diterapkan pada anak-anak yang sedang membesar kerana merekalah yang akan jadi pemimpin masa depan. Impian tertinggi kami pula ialah berjaya menyemarakkan konsep kelestarian ini dari hasil penyelidikan kami yang boleh menjurus kepada satu kaedah atau sistem yang “pasti tidak gagal” untuk menyedarkan umum akan pentingnya kita meninggalkan tempat dan persekitaran yang aman untuk generasi mendatang. Ianya akan memudahkan mereka buat perkara yang sama untuk kebaikan bumi kita.





# ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT

## Jabatan Pendaftar

Jabatan Pendaftar merupakan jabatan yang memberi perkhidmatan kepada semua staf. Penggunaan sistem dan teknologi ICT sangat kritikal dan amat diperlukan. Justeru itu kerjasama dengan Jabatan Teknologi Maklumat (UTMDigital) telah dilaksanakan dan hasilnya hampir keseluruhan perkhidmatan dan penyampaian di Jabatan Pendaftar telah menggunakan sistem secara atas talian sama ada dari segi permohonan, pengurusan, pembayaran dan keperluan data.

Jabatan Pendaftar dengan kerjasama UTM Digital juga telah berkolaborasi untuk membangunkan beberapa sistem dalam berhadapan pandemik Covid 19 antaranya:-

- 1) Pengemaskinian dan pelaporan maklumat status vaksin Staf UTM (UTM Smart dan Portal MyUTM) ;
- 2) Pengemaskinian Maklumat dan pelaporan Kes Covid Staf dan Pelajar UTM ;
- 3) *Online Chat* di laman web Jabatan Pendaftar (<https://registrar.utm.my>) ; dan
- 4) Sistem Elog bagi pemantauan tugas harian sepanjang waktu pejabat staf UTM

Sistem Sumber Manusia juga merupakan nadi dalam menyimpan rekod staf bermula dari lapor diri sehingga bersara. Selain daripada penambahbaikan pada sistem yang sedia ada, proses naik taraf Sistem Sumber Manusia iaitu MyHR juga telah dilaksanakan bermula pada tahun 2021 agar selari dengan perubahan dan kehendak semasa.

**UTM INISIATIF ICT JABATAN PENDAFTAR SEMASA PANDEMIK COVID 19**

**CHAT ONLINE DI LAMAN WEB JABATAN PENDAFTAR**

Penggunaan Oleh Warga Dalam dan Luar UTM

**IMPAK DAN PERANCANGAN JANGKA PANJANG**

1. Meningkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan.
2. Memantau dan menyelesaikan sebarang pertanyaan dan aduan dari dalam dan luar UTM.
3. Pelaporan statistik secara 'real time'.
4. Meningkatkan kepercayaan 'pelawat/pengunjung'.
5. Aduan/pertanyaan dapat dijawab dan diselesaikan dengan cepat.
6. Meningkatkan kecekapan dalam komunikasi secara 'real time'.

**eLOG**

Penggunaan Oleh Staf UTM

**IMPAK DAN PERANCANGAN JANGKA PANJANG**

1. Pemantauan secara maya bagi sasaran kerja dan output oleh staf. Staf boleh membuat aktiviti kerja yang dilaksanakan semasa Bekerja Dari Rumah (BDR) atau juga semasa melaksanakan kerja harian.
2. Membantu pengguna dalam memastikan segala urusan berkaitan aktiviti tugas harian staf dikekalkan di UTM berkesan lancar dan diurus baik dengan lebih teratur dan efisien.
3. Khas Jabatan atau Penerima boleh memuat dan mengemaskini (update) bagi input yang dimasukkan oleh staf secara berkala serta boleh menjadi input kepada semasa untuk sasaran kerja dan output.

**UTM PERKHIDMATAN MELIBATKAN ICT DI JABATAN PENDAFTAR**

**BI JABATAN PENDAFTAR**

**23 MODUL 104 SKRIN**

- Asas
- Pendidikan
- Perjawatan
- Klinik Fonek
- Igitibeh Herta
- Meningkatkan Perkhidmatan
- Gaya Hidup Sihat
- SPAK
- ELNPT/ELPPT
- Kohort
- Perkhidmatan
- E-Boarding
- Aduan Keselamatan
- Jawatan Giliran
- Penghasilan Jawatan
- Pengangkutan Kerja
- Laporan Persaraan
- CRO
- e-Pelaut
- Penggerakan Staf PKP
- MYRA Staf
- Status Vaksinasi Staf UTM
- Kaji Selidik ISES



Dalam memupuk budaya data analitik, dan keperluan data staf yang mempunyai permintaan yang tinggi, perancangan pembangunan *Dashboard Business Intelligence (BI)* juga dirancang rapi. Ini bagi memudahkan pihak pengurusan tertinggi UTM untuk membuat analisa bagi tujuan perancangan strategik UTM dan membantu proses membuat keputusan.

Pembudayaan ICT juga telah diterapkan di kalangan staf Jabatan Pendaftar terutama apabila penjarakkan sosial perlu dipatuhi. Di antaranya adalah Mesyuarat *Online*, Sesi Pengkayaan Ilmu dan Kursus Secara *Online* yang telah memberi manfaat bukan sahaja kepada staf Jabatan Pendaftar malahan keseluruhan warga UTM.

Jabatan Pendaftar berjaya menjana pendapatan dan juga penjimatan kos sebanyak RM320, 673.74 sepanjang 2021 dengan penggunaan ICT dalam pelaksanaan keseluruhan operasinya.

Sebagai sebuah organisasi berfokuskan strategi (*Strategic Focused Organisation*), Jabatan Pendaftar akan terus memainkan peranannya sebagai salah satu tonggak utama untuk memacu UTM ke arah institusi berasaskan kreativiti, inovatif, *entrepreneurial* dan global.


KAWALAN PERBELANJAAN		2020	2021	Perbezaan
<b>PENJIMATAN KOS KURSUS</b>	1. Bengkel, kursus, latihan secara atas talian 2. Bahan rujukan/nota kursus secara digital	Bil. Kursus Fizikal : 39 Online: 44 Kos: RM205,920.40	Bil. Kursus Fizikal : 7 Online: 53 Kos: RM180,000.00	Penjimatan Kos RM 25,920.40
<b>PENJIMATAN KOS MESYUARAT</b>	1. Mesyuarat, proses temuduga pengambilan & kenaikan pangkat secara atas talian	RM1,316.00	Mesyuarat diadakan secara atas talian. Tiada tempahan jamuan keraian mesyuarat	Penjimatan Kos RM 1,316
<b>PENJIMATAN KOS MAJLIS UTAMA UNIVERSITI</b>	1. Majlis Sanjungan Budi dilaksanakan secara atas talian 2. Majlis Citra Karisma dilaksanakan atas talian	Kelulusan Universiti : RM 265,845.00, Perbelanjaan Sebenar : RM 196,098.80 (Penjimatan Kos sebanyak RM69,746.20)		
<b>JUALAN PRODUK</b>	Jualan produk seperti pelekat kenderaan, kad matrik dapat dilaksanakan walaupun tanpa hadir fizikal. Penjana ekonomi secara online	Kelulusan Universiti : RM 99,583.00, Perbelanjaan Sebenar : RM 71,871.46 (Penjimatan Kos sebanyak RM27,711.54)		
<b>PENJANAAN PENDAPATAN</b>	1. Sistem Iklan Kekosongan Jawatan 2. Sewaan Peralatan ICT	Pelekat Kenderaan Pendapatan: RM16,350  Kad Matrik Pendapatan : RM74,340		
<b>LAIN-LAIN PENJIMATAN</b>	1. Perkhidmatan diberikan secara maya 2. Penyediaan deraf & tandatangan surat / kertas kerja secara digital 3. Buku acara majlis rasmi secara ebook	Pendapatan : RM104,560 Pendapatan : RM730.00		
		<b>JUMLAH PENJIMATAN KOS / KEUNTUNGAN JUALAN / PENJANAAN PENDAPATAN = RM 320,674.14</b>		

## ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT

### Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Frasa di atas jelas menerangkan kepentingan sistem dan digitalisasi sesuai dengan peranan utama Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Teknologi Malaysia yang memfokuskan kepada pembangunan dan kesejahteraan pelajar. Walau bagaimanapun, jabatan ini bukanlah semata-mata melihat kepada pembangunan aktiviti pelajar tetapi juga mengaplikasikan sistem Teknologi Maklumat yang sangat penting untuk mendukung aspirasi Jabatan TNC (HEP) sebagai penyaluran maklumat untuk melicinkan perjalanan operasi menguruskan pembangunan pelajar bagi mendukung aspirasi Universiti sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Bertaraf Dunia. Peranan sistem dan data juga dilihat memacu kepada budaya data driven yang membantu dalam pengurusan ekosistem persekitaran kolej kediaman yang kondusif serta perkhidmatan ke arah penyampaian prestasi tinggi.

Memandangkan hanya mempunyai seorang Duta IT bagi membantu dalam urusan ICT, Jabatan TNC (HEP) telah bergerak secara kreatif dengan melantik rakan IT pelbagai PTJ bagi membantu dalam kerja-kerja pengurusan teknologi maklumat. Unit Multimedia & Publisiti dengan kekuatan seramai lima (5) orang staf pelbagai latar belakang telah mendokong visi dan misi ICT dalam memperkasakan teknologi maklumat. Peranan yang dimainkan oleh lima (5) orang di Unit Multimedia & Publisiti dengan kawal selia Duta IT dari UTM Digital serta bantuan dari 21 ahli jawatankuasa (rakan IT) yang dilantik merentas unit/bahagian dapat memperkukuhkan pelaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi.



*“Towards Digitalization for Student Wellbeing”*


Berdepan dengan pandemik Covid-19 telah membuatkan Jabatan TNC (HEP) merubah landskap pengurusan pelajar dengan membangunkan pelbagai sistem bagi membantu memudahkan urusan pelajar. Walaupun berdepan dengan kekangan masa yang singkat dan tenaga kerja yang sangat minimum, ini tidak menghalang Jabatan untuk berkolaborasi dengan pelbagai pihak bagi membantu membangunkan sistem-sistem utama. Cabaran ini menjadi penguat semangat kepada Jabatan untuk terus memacu ke arah digitalisasi bagi memenuhi keperluan utama pelajar. Antaranya pembangunan Sistem *UTM Student Movement*, Sistem Status Vaksinasi, Talian *Hotline* Khas Covid-19, di mana ia bukan sahaja bagi proses penyaluran maklumat tetapi membantu pihak KPT dan Universiti dalam proses membuat keputusan dan perancangan kemasukan pelajar. Ini tentunya memberi impak yang sangat besar kepada pengurusan dan penjenamaan Universiti.

Untuk perancangan jangka panjang, Jabatan TNC (HEP) akan mengorak langkah untuk memberi variasi kepada platform komunikasi digital sepenuhnya selaras dengan keperluan pelajar generasi masa kini yang suka dengan maklumat di hujung jari selaras dengan matlamat ke arah penyampaian berperatasi tinggi.

**UTM** **STUDENT VACCINATION INFORMATION**

PERINGKAT PENGAJIAN	JUMLAH PELAJAR	TELAH VAKSIN		% VAKSIN	BELUM VAKSIN		BELUM DAFTAR	BELUM KEMASKINI REKOD
		DOS 1	DOS 2		ADA TEMUJANJI	TIADA TEMUJANJI		
DIPLOMA	1,458	9	1,253	86.5%	6	59	4	127
SARJANA MUDA	15,595	62	14,379	92.5%	7	180	80	887
SARJANA	4,045	20	2,291	57.0%	4	110	18	1,602
PHD	4,891	44	2,979	61.5%	3	144	88	1,633
<b>JUMLAH</b>	<b>25,989</b>	<b>135</b>	<b>20,902</b>	<b>80.9%</b>	<b>20</b>	<b>493</b>	<b>190</b>	<b>4,249</b>

	FE	FABU	FS	FSSK	AHIB UTMJB	SPACE UTMJB	FTIR	MJIIT	AHIBS UTMKL	SPACE UTMKL
JUMLAH PELAJAR	11,284	2,680	2,347	3,625	1,570	652	1,001	1,274	644	1,365
TELAH VAKSIN	9,258 82%	2,407 90%	2,251 96%	2,682 74%	1,198 76%	436 67%	555 55%	1,039 82%	328 51%	1,160 85%
BELUM VAKSIN	196 2%	27 1%	19 1%	90 2%	38 2%	58 9%	44 4%	24 2%	9 1%	71 5%
BELUM DAFTAR	88 1%	21 1%	17 1%	21 1%	17 1%	5 1%	10 1%	6 0%	6 1%	4 0%
BELUM KEMASKINI	1,742 15%	225 8%	40 3%	832 23%	317 20%	153 23%	392 39%	205 16%	301 47%	130 10%





# ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT

## Jabatan Perpustakaan UTM

Jabatan Perpustakaan UTM memainkan peranan penting dalam menyimpan dan memelihara *UTM Institutional Knowledge*, yang terdiri daripada hasil intelek komuniti UTM dalam pelbagai bidang pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bermula dari penubuhan universiti sehingga kini. Output intelek yang dihasilkan oleh kakitangan akademik dan bukan akademik, penyelidik dan pelajar adalah berbentuk penerbitan bercetak dan bukan bercetak, penerbitan digital, koleksi *audiovisual* dan multimedia, data penyelidikan dan penerbitan, perkongsian pengetahuan pakar UTM, artifak, manuskrip dan rekod mengenai sejarah universiti. Bagi memastikan ketersediaan koleksi ini untuk generasi akan datang, Jabatan Perpustakaan UTM telah menyediakan inisiatif-inisiatif strategik terutamanya dari segi pembangunan dan penggunaan sistem ICT.

### SISTEM-SISTEM DI JABATAN PERPUSTAKAAN UTM




### Sumbangan inisiatif ICT kepada komuniti dalam dan atau luar UTM

#### Program Khidmat Masyarakat

- Madrasah Tahfiz Al Jauhar, Kota Tinggi**
  - Sinergi bersama Pusat Islam UTM & Persatuan Pustakawan Malaysia- Kumpulan Selatan menyumbangkan 1000 naskah bahan bacaan, wang tunai dan bahan keperluan harian
- Masjid Taman Sri Pulai, Skudai**
  - Memberi khidmat nasihat dan membangunkan sistem perpustakaan bersepadu dari sumber terbuka KOHA
  - Membantu menginput 1,034 bahan
- Masjid Daing Abdul Rahman, Nusajaya**
  - Membangunkan sistem perpustakaan bersepadu dan sumber terbuka KOHA
  - Memproses dan menginput rekod bibliografi bahan sediala
  - 10 November 2021 serahan bahan dan server sistem KOHA
- Bengkel WordPress Galeri @UTMKL**
  - Memberi latihan kepada pihak Malay Agricultural Settlement (M.A.S) Kampong Bharu, KL berkaitan penggunaan UTM Virtual Gallery selaras dengan perjanjian yang dimeterai antara kedua-dua belah pihak
- Projek Kod QR Bahan Special Learning Tool Kit (SLTK)**
  - SLTK merupakan bahan rujukan pengetahuan am untuk menyokong golongan kurang upaya penglihatan
- SK Pendidikan Khas Princess Elizabeth, Johor Bahru**
  - Projek Kod QR Bahan Special Learning Tool Kit (SLTK)
  - SLTK merupakan bahan rujukan pengetahuan am untuk menyokong golongan kurang upaya penglihatan

Sehingga tahun 2021, Jabatan Perpustakaan UTM telah membangunkan dan menguruskan beberapa sistem baharu yang bersesuaian untuk keperluan pengguna dalam meningkatkan mutu perkhidmatan. Kebanyakan sistem baharu yang dibangunkan adalah dengan menggunakan aplikasi sumber terbuka di mana secara tidak langsung ianya dapat dilihat sebagai salah satu langkah penjimatan kos yang berkesan. Antara sistem-sistem utama yang digunakan adalah Library Management System (OCEAN), *Document Management System (DMS)*, *UTM Institutional Repository (UTM-IR)*, *UTM Virtual Gallery*, dan *UTM Research Data Management (UTM RDM)*. Untuk memantapkan lagi perkhidmatan ICT, *Library ICT Report System (IREPS)* telah dibangunkan sebagai sebuah *one stop centre* untuk staf melaporkan kerosakan yang berkaitan dengan perkakasan, perisian, aplikasi, sistem dan rangkaian. Di samping itu, aktiviti penajaan pendapatan Jabatan Perpustakaan UTM melalui tawaran kepakaran pemindahan teknologi dan pengetahuan, pembangunan sistem sumber terbuka KOHA telah turut berjaya dilaksanakan untuk Perpustakaan Dar Al-Hikmah, UIAM.

Pembudayaan ICT di Jabatan Perpustakaan UTM turut diterapkan kepada komuniti luar UTM melalui program khidmat masyarakat di sekolah dan masjid khidmat nasihat dari segi pembangunan sistem pengurusan bahan. Sebagai sebuah organisasi yang sentiasa menyokong universiti dari segi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, dan penerbitan, Jabatan Perpustakaan akan sentiasa memainkan peranan sebagai *UTM Institutional Knowledge* untuk memenuhi keperluan pengguna berdasarkan bidang tujuhan universiti.





## ANUGERAH PENJENAMAAN (KATEGORI PTJ)

### Fakulti Teknologi & Informatik Razak



Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR), Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, telah diasaskan dengan misi menyediakan pendidikan berbilang disiplin dan berfokuskan industri melalui persekitaran pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bertaraf dunia. FTIR telah berkembang kukuh hasil daripada sinergi kejuruteraan, informatik, sains, pengurusan dan reka bentuk dan pengajian polisi. FTIR telah berjaya menarik minat ramai professional melalui 21 program pasca siswazah dan enam (6) program Diploma Eksekutif khusus kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja.

FTIR membuktikan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik dan penyelidikan. Dari segi akademik, terdapat peningkatan jumlah enrolmen pelajar dari dalam dan luar negara sejak tahun 2019 sehingga kini. Pada tahun 2021, program Sarjana Sains (Analitik dan Kepintaran Perniagaan) berada di tangga ke-8 dalam kategori program Data Analitik di peringkat Asia Timur Jauh. *Program Executive Master in Occupational Safety and Health Management* juga merupakan program UTM yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia. Program akademik FTIR turut melangkaui sempadan global seperti Double Master program bersama Meiji University, program pengajian luar kampus di *Safat College of Science and Technology*, Sudan dan program *PhD Remote Supervision* melibatkan universiti di Indonesia



Sehingga Disember 2021, FTIR telah berjaya mendapat jumlah dana kebangsaan, antarabangsa dan industri yang tertinggi di UTM disamping bilangan ketua penyelidik melebihi 90%. Bagi penerbitan pula, FTIR telah mencapai sasaran sebanyak 173% untuk penerbitan artikel Q1/Q2. FTIR memperoleh 95.6% markah pencapaian pelaporan *Research & Innovation Blueprint 2021* yang tertinggi di UTM. Disamping itu, FTIR telah berjaya merangkul piala pusingan dalam Anugerah Kebolehpasaran Graduan UTM serta dianugerahkan sijil penarafan 5 bintang untuk Audit Pengurusan Rekod Jabatan pada 2021. Tagline *#alumnispeak* dan *#utmrazakexperts* digunakan dengan meluas di media sosial bagi tujuan hebahan meraikan warga dan alumni FTIR. Kejayaan FTIR hari ini tidak mungkin dikecapi tanpa sokongan setiap warga FTIR seiring dengan tagline kebanggaan FTIR *#passion4excellence*.



Setinggi-tinggi  
**Tahniah**

diucapkan kepada  
**FAKULTI TEKNOLOGI DAN  
INFORMATIK RAZAK**

kerana berjaya merangkul  
**PIALA PUSINGAN**

Anugerah Kebolehpasaran Graduan UTM  
(Graduan 2020 - Majlis Konvokesyen UTM ke-64)

sempena  
**SEMINAR KEBOLEHPASARAN  
GRADUAN UTM 2021**

5 Star  
QS Overall  
Rating

TOP 40  
World  
Universities  
Ranking

TOP 20  
World  
Universities  
Ranking

www.utm.my

UTM  
Universiti Teknologi  
Malaysia



**#alumnispeak**

**Executive Master in  
Occupational Safety &  
Health Management  
(EMOSH)**

Mohd Nizam Esa  
OSH Head of Department  
Amsteel Mills Sdn Bhd

I have made the right decision to enroll in EMOSH program at UTM. This program has improved and evolved my theoretical and practical knowledge which indeed relates to my current job as an OSH practitioner. As the Department Head of OSH at my company, the subjects taught in EMOSH also indirectly enhance my OSH management skills. For those who want to build skill and competency at a higher level in OSH management, EMOSH is the best program for you

UTM  
Universiti Teknologi  
Malaysia

**ANUGERAH PENJENAMAAN  
(KATEGORI AKADEMIK)**

**Prof. Madya Sr. Ts. Dr. Noorsidi  
Aizuddin Bin Mat Noor**  
Fakulti Alam Bina & Ukur



Prof. Madya Sr Ts. Dr. Noorsidi Aizuddin Bin Mat Noor, merupakan Profesor Madya di Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang kini dipinjamkan ke MaGICX Sdn Bhd (anak syarikat Universiti Teknologi Malaysia) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), yang mana, sebelum ini beliau dilantik sebagai Pengurus Taman Teknovasi UTM. Pengiktirafan kepada saya dalam Anugerah Penjenamaan ini semestinya memberi impak yang sangat besar kepada Universiti Teknologi Malaysia amnya dan saya khasnya terutamanya dalam mengiktiraf aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2021 dalam memasyarakatkan konsep Quintuple Helix bersandarkan kepada UTM enVision 2025. Semestinya, ianya memberi satu inspirasi kepada bakat-bakat muda yang berada di Universiti Teknologi Malaysia dalam membina satu aspirasi kecemerlangan UTM. Penghargaan anugerah- anugerah dari dalam dan luar UTM serta penglibatan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah memberi impak besar terhadap pembangunan profesional sendiri. Mempercayai keyakinan dan kemampuan diri sendiri dengan menghormati tunjang tujuan kehidupan dan cabaran, menjadi prinsip kehidupan harian dalam terus membina kematangan hidup

**ANUGERAH PENJENAMAAN  
(KATEGORI PENGURUSAN  
PROFESSIONAL DAN PELAKSANA)**

**Dr. Zulfikar bin Ahmad**  
Pusat Kaunseling UTM



Dr Zulfikar Ahmad merupakan Pegawai Psikologi Kanan yang kini menjawat jawatan selaku Pengarah Pusat Kaunseling UTM semenjak Februari 2018. Setelah hampir 23 tahun di dalam bidang Psikologi dan Kaunseling termasuk 18 tahun berkhidmat di bumi UTM telah memberi banyak pengalaman dan impak dalam kehidupan secara peribadi mahupun profesional. Beberapa pengiktirafan di peringkat UTM dan JTNC HEP telah diperolehi. Antaranya Anugerah Sinar Permata HEMA, Anugerah Perdana HEMA dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTM. Manakala pengiktirafan dari pihak luar merangkumi jemputan dari pelbagai agensi kerajaan, swasta dan persendirian dalam berkongsi ilmu dan latihan. Keterlibatan dalam pengiktirafan bidang di UTM dibuktikan dengan lantikan ke beberapa *taskforce* utama, ahli panel dan Jawatankuasa di peringkat universiti. Ini termasuk dengan penglibatan perancangan arah tuju UTM bermula PGU I, PGU II, PGU III dan EnVision 2025. Selain dari itu juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kaunseling, Majlis Kaunseling & Kerjaya Universiti Malaysia (MAKUMA) sehingga 2023. Pegangan kerjaya professional saya bertunjangkan “**MEMBANTU SEDAYA MAMPU**” dalam memberikan perkhidmatan terbaik dengan keikhlasan dan kemampuan yang ada.






## ANUGERAH WEBOMETRIK (PTJ AKADEMIK)

### Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, FSSH telah ditubuhkan pada Julai 2018, merupakan fakulti kedua terbesar di UTM, terdiri daripada gabungan lima entiti (Sekolah dan Akademi).

Dalam usaha meluaskan penggunaan teknologi maklumat, FSSH telah menjadikan laman web fakulti sebagai salah satu sumber maklumat, rujukan dan berita untuk dikongsi kepada warga fakulti, pelajar, pelanggan dan masyarakat luar. Laman web FSSH sentiasa dikemaskini dengan maklumat yang terkini, relevan dan lengkap untuk rujukan semua.





Dalam usaha meningkatkan elemen Webometrics, beberapa strategi telah dilakukan di antaranya ialah:

1. Menyediakan laman web yang ringkas namun mempunyai semua maklumat berkaitan staf dan kepakaran bidang, program akademik yang ditawarkan serta perkhidmatan yang disediakan oleh Fakulti.
1. Program yang diatur secara berkala seperti seminar dan pertandingan dimasukkan sebagai subdomain bagi memastikan maklumat adalah jelas, mudah dicapai serta memberi Backlink.
1. Penubuhan JK Digital Branding bagi membantu mempromosikan maklumat terkini di peringkat fakulti dalam web dan media sosial.
1. Penubuhan JK Data dan Sistem bagi membantu mengumpul maklumat mengenai aktiviti staf akademik dan PPP untuk dimuatnaik dalam laman web dan media sosial.
1. Laman web FSSH digunakan sebagai portal maklumat yang boleh dicapai oleh pelajar untuk mendapatkan borang-borang, jadual waktu, jadual peperiksaan, pekeliiling terkini dan berita-berita semasa dalam UTM, fakulti dan sekolah.
1. Laman web FSSH dijadikan portal untuk capaian ke sistem-sistem dalaman yang telah dibangunkan untuk memudahkan pelajar dan staf seperti sistem eProjek dan sistem ePusat Sumber
1. Kemasukan data dan berita dilakukan sendiri oleh empunya data samada dalam bentuk *Post* atau *Page* dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Pengurus IT secara berterusan.
8. Capaian maklumat secara sistematik dan akses yang pantas telah diambilkira sebagai faktor utama dalam mereka bentuk laman web fakulti, hebahan maklumat di media sosial dan sistem maklumat sedia ada.



## ANUGERAH WEBOMETRIK (PTJ AKADEMIK)

### Fakulti Alam Bina & Ukur



Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) mula ditubuhkan pada 1hb Julai 2018. Gabungan ini terdiri daripada Fakulti Alam Bina (FAB) dan Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah (FGHT). Berhadapan dengan era globalisasi dan teknologi maklumat yang canggih, FABU mengadaptasi komunikasi digital secara meluas dan laman web merupakan sebagai salah satu medium komunikasi utama.

Ia bukan sahaja bertindak sebagai perantara dalam penyaluran informasi sebagai perantara dalam menyampaikan maklumat di samping membantu melancarkan lagi tugas dalam fakulti.

FABU menyusun sebilangan dasar dalam mempertingkatkan penarafan webometriks fakulti, antaranya ialah:


1. Mempersiap laman web yang menarik, komprehensif dan mesra pengguna
1. Menyediakan jaringan 'link' setempat dimana pengguna boleh terus mengakses maklumat yang diperlukan dengan sistematik;
1. Mendukung asperasi penyelidikan FABU dengan menyediakan maklumat yang jelas berkenaan dengan pusat penyelidikan dan aktiviti penyelidikan terkini yang sedang giat dijalankan,
1. Laman web ini turut dipautkan bersama dengan aplikasi Facebook rasmi FABU dalam memastikan kualiti komunikasi ditahap cemerlang,

Ia juga dijadikan sebagai sebahagian inisiatif penting dalam mencapai kualiti perkhidmatan yang tertinggi.



## ANUGERAH WEBOMETRIK (PTJ AKADEMIK)

### Fakulti Sains



Fakulti Sains telah menjayakan strategi pembangunan laman web mengikut kriteria utama penilaian iaitu rekabentuk mengikut piawai korporat UTM. Kandungan mengutamakan nilai menarik, dinamik, informatif serta fungsi yang mesra pengguna dan mudah dicapai. Fakulti Sains juga terus komited dalam menjayakan inisiatif peningkatan penarafan webometrik UTM bagi membina imej dan mengukuhkan keternampakan global universiti. Proses penanda aras laman web juga dilakukan dengan Fakulti Sains universiti luar negara. Kandungan laman web pula diperkukuhkan dengan pemaparan kepelbagaian bentuk maklumat dan program dengan keutamaan diberikan melibatkan pengenalan Fakulti, Hal Ehwal Akademik, Penyelidikan, Perhubungan, Pengantarabangsaan dan Perkhidmatan.

Sebagai tambahan, Fakulti juga mengambil kira elemen pelanggan dengan mewujudkan kandungan mudah capai khas bagi pelajar sedia ada, pelajar prospektif yang berminat, pelajar pendidikan berterusan dan transnasional, alumni dan penyelidik. Dalam aspek fungsi, Fakulti Sains mementingkan penyampaian maklumat secara berkesan, tepat dan cepat kepada pelanggan melalui pembangunan laman web yang sistematis dan interaktif. Berikutan penggunaan aktif media sosial, laman web Fakulti juga mempunyai pautan daripada Facebook Fakulti. Pengukuhan pautan luar juga dilaksanakan seperti melalui capaian kepada maklumat seperti "Academic Handbook" yang berada di portal pelajar. Selain itu, menu khas diwujudkan di paparan utama bagi kemaskini program semasa Fakulti

Secara terperinci, laman web fakulti sains memuatkan kandungan:


1. Maklumat penting pengurusan fakulti seperti carta organisasi pentadbir, senarai staf fakulti sains, maklumat setiap jabatan, pekiling UTM dan info-info sumber manusia.

1. Maklumat berkaitan akademik seperti jadual waktu pelajar dan pensyarah, pra-siswazah, pasca siswazah, kelayakan dan kemasukan pelajar dan soal selidik berkaitan akademik pelajar

1. Maklumat penyelidikan seperti senarai kumpulan penyelidik, anugerah- anugerah yang diterima, jurnal, konferens dan geran.

1. Maklumat fasiliti dalam fakulti sains seperti pengurusan makmal, oshe dan unit IT.

1. Maklumat program-program seperti koleksi gambar program pelajar, siri seminar sains dan lawatan-lawatan dari industri dan pelawat dari luar.




#### EVENTS / ANNOUNCEMENTS

NEWS



\*click photos to view more

AWARD & ACHIEVEMENT



ONLINE



#### WHAT'S HAPPENING AT THE FACULTY OF SCIENCE?

337 Undergraduate And 92 Postgraduate Students In Science Were Honoured At UTM's 55th Convocation

Congratulations To All Science Graduates

Sesi Perkongsian Penulisan "Karya Umum dan Fikyen Sains"

View more articles

Antara strategi untuk meningkatkan elemen webometrics.

1. Rekabentuk utama yang kearah mesra pengguna dan menarik

1. Pautan-pautan dari sosial media seperti Facebook dipautkan ke laman web utama.

1. Meletakkan bahan-bahan pembelajaran supaya senang dicapai oleh pelajar.

1. Laman web fakulti sentiasa dikemas kini dengan memuat naik informasi yang baru dan terkini. Disamping itu juga rekabentuk yang lebih dinamik dan menarik menjadi keutamaan pentadbiran fakulti.

Bagi memperkasakan pengurusan laman web Sinergi 4.0, autoriti dan kreadibiliti sumber maklumat diperluaskan kepada Jabatan-Jabatan yang ada di Fakulti. Fakulti Sains juga mewujudkan satu unit IT khas bagi tujuan pengukuhan pengurusan serta menyediakan latihan yang bersesuaian dengan keperluan teknologi semasa.



## ANUGERAH WEBOMETRIK (PTJ BUKAN AKADEMIK)

### Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)

Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) merupakan sebuah pusat yang melaksanakan dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan pengajian pasca-siswazah. SPS terletak di bangunan F54, Kampus UTM Johor Bahru, manakala pejabat SPS Kuala Lumpur di Menara Razak, Kampus UTM Kuala Lumpur.

Selaras dengan peranan SPS sebagai sebuah PTJ pusat yang mengendalikan lebih 8000 pelajar pasca siswazah, penggunaan laman web adalah sangat penting. Laman web SPS (<https://sps.utm.my/>) menjadi sumber rujukan utama kepada pelajar bagi mendapatkan info berkenaan dengan pengumuman, maklumat biasiswa, peraturan akademik, borang, template tesis, prosedur pemeriksaan ketika covid dan tips pembelajaran dikalangan pelajar pasca siswazah. Setiap kategori maklumat ini dijadikan sebagai satu subdomain bagi memastikan maklumat adalah jelas, mudah dicapai serta memberi *Backlink*.

Selain dari laman web rasmi SPS, pihak SPS juga menguruskan laman web untuk program Pesisir dan *Open & Distance Learning (ODL)*. Kedua laman web ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan program ini. Laman web program pesisir (<https://utmpeisir.utm.my/>) menyediakan maklumat berkaitan dengan program pesisir dan jadual yang melibatkan 948 pelajar di 43 pusat pengajian di seluruh negara. Laman web ODL (<https://odl.utm.my/>) pula dibangunkan bagi menyalurkan maklumat berkaitan dengan program ODL dan dihubungkan dengan platform *Learning Management Systems*.




<https://sps.utm.my/>



<https://odl.utm.my/>



<https://utmpeisir.utm.my/>



<https://www.facebook.com/utmmps/>



<https://www.instagram.com/utmmps/>






Menerusi JK Online Branding, pihak SPS aktif memaksimumkan pengurusan pelanggan di laman sosial. Sejak diberikan nafas baru pada April 2019, laman ini telah mempunyai 5376 pengikut dan mempunyai serta mencatatkan 87% *response rate* dalam tempoh 12 jam secara purata bagi setiap pertanyaan. Selain dari itu, SPS juga mempunyai laman Instagram yang berkongsi maklumat untuk pelajar.



Dalam usaha meningkatkan elemen webometrics beberapa strategi telah dilakukan di antaranya ialah:

- i. Pembangunan dan reka bentuk laman web yang ringkas namun dapat menarik perhatian pelawat.
- i. Menyediakan platform maklumat berpusat bagi mendapatkan akses panduan, bahan rujukan dan maklumat sokongan yang tepat.
- i. Penubuhan JK Digital Branding bagi membantu mempromosikan maklumat terkini di peringkat fakulti dalam web dan media sosial
- i. Mengintegrasikan tapak-tapak laman web yang berlainan bagi memudahkan aliran maklumat seperti UTM Smart.
- i. Mengintegrasikan sistem dalaman yang dibangunkan kepada laman web bagi memudahkan akses kepada pelajar dan staf seperti Sistem GSMS, ODL dan MyUTM Portal.
- i. Mengeluarkan maklumat atau berita terkini pada muka hadapan.
- i. Menyediakan kemudahan muat-turun bahan seperti format tesis dan borang-borang digital.
- i. Memantapkan post di media sosial (FB dan IG) untuk meningkatkan trafik ke laman web SPS dan meningkatkan online presence SPS



## ANUGERAH WEBOMETRIK (PTJ BUKAN AKADEMIK)

### Jabatan Pendaftar

Jabatan Pendaftar merupakan antara jabatan utama dalam pengurusan pentadbiran Universiti yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada Universiti bermula dari staf lapor diri sehingga urusan persaraan. Perkhidmatan yang disediakan termasuk perkhidmatan pengurusan staf, pembangunan staf, keselamatan staf sehingga kepada kebajikan staf. Sehubungan itu hebahan maklumat berkaitan isu terkini dan kemudahan perkhidmatan yang disediakan amatlah penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tersebut berkualiti dan berinformasi. Oleh yang demikian, pembangunan Laman Web amat penting agar penyampaian maklumat dan makluman yang berkenaan dapat diakses dimana-mana dan pada bila-bila masa.

The image displays two screenshots of the UTM Jabatan Pendaftar website. The left screenshot shows the homepage with a navigation menu and a grid of service tiles. The right screenshot shows a specific page for reporting a lost or damaged student ID card.

**UTM JABATAN PENDAFTAR**

Utama Info BPO Perkhidmatan Borang Hubungi Kami

### PAPARKAN KAD MATRIK ANDA

Video Permohonan Kad Matrik 6 Julai 2021

Untuk kebenaran memasuki kawasan kampus. Pastikan kad matrik tersedia apabila diminta oleh Pengawal Keselamatan. Staf diminta membuat penggantian kad matrik sekiranya kad telah rosak, hilang atau berlaku perubahan maklumat.

**BAYARAN DIKENAKAN UNTUK PERMOHONAN**

- KAD HILANG : RM 30
- KAD ROSAK & PERUBAHAN MAKLUMAT ATAS KEPERLUAN

**STAF /PELAJAR BARU**

KAD MATRIK AKAN DIBERIKAN SEMASA MELAPOR DIRI / HARI PENDAFTARAN

**PERMOHONAN KAD MATRIK**

SCAN ME

APPLICATION FOR MATRIC CARD

Please complete the Application Form by scanning the QR Code to enable your application to be processed in a more expeditious manner.



Proses pembangunan Laman Web Jabatan Pendaftar telah bermula pada tahun 2000 dan sehingga kini Laman Web Jabatan Pendaftar telah melalui pelbagai perubahan struktur serta penggunaan aplikasi *Content Management System (CMS)*. Ianya bermula dengan penggunaan aturcara klasik laman web, Joomla dan terkini menggunakan WordPress. Seksyen IT dan Data Pejabat Pendaftar, Jabatan Pendaftar memainkan peranan utama bagi menyelaras pembangunan serta penambahbaikan laman web Jabatan Pendaftar. Paparan laman web yang dibangunkan juga memenuhi kehendak pelanggan terkini. Bagi memenuhi keperluan maklumat dan kemudahan pelanggan, Jabatan Pendaftar telah mewujudkan Jawatankuasa IT Buddy web Jabatan Pendaftar yang dianggotai oleh staf-staf dari setiap bahagian di dalam Jabatan Pendaftar. Bagi memperkuat lagi pasukan IT Buddy, ahli yang dipilih dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu pengurusan maklumat web bahagian, penyedia rekabentuk grafik web dan pengurus maklumat inventori peralatan ICT di dalam borang *online* di web. Pengurusan web Jabatan Pendaftar memainkan peranan penting bagi memastikan laman web Jabatan Pendaftar sentiasa dikemaskini supaya dapat menyajikan maklumat yang terkini dan benar. Segala permasalahan yang diterima akan dipandang serius dan tindakan segera akan diambil agar maklumat yang wujud di dalam laman web adalah terkini dan tepat. Pelbagai maklumat seperti urusan perubatan, iklan kerjaya dan naik pangkat, permohonan data *online*, latihan, kaunseling, HRMIS, kad matrik, perisytiharan harta, Citra Karisma, Sanjungan Budi dan banyak lagi telah disediakan bagi memenuhi keperluan pelanggan.



Seksyen IT dan Data Pejabat Pendaftar, Jabatan Pendaftar telah menggunakan theme DIVI sejak tahun 2017 sejajar dengan perkembangan semasa dan mengikut garis panduan pihak Universiti. Sehingga kini, laman web telah melalui empat perubahan besar rupabentuk bagi memantapkan lagi cara penyampaian dan maklumat yang ingin disampaikan. Laman web Jabatan Pendaftar juga telah menjadi finalis bagi Anugerah Teknologi Maklumat (Webometriks) Bukan Akademik pada tahun 2014, 2017 dan 2019.



## ANUGERAH WEBOMETRIK (PTJ BUKAN AKADEMIK)



### Penerbit UTM

Penerbit UTM Press selaku salah sebuah entiti di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor dan Pembangunan (TNCPI) komited dalam mendokong aspirasi Universiti melalui penerbitan modul, buku karya asli, karya penyelidikan dan jurnal berkualiti tinggi.

Seiring dengan hala tuju pelan strategik enVision UTM 2025, Penerbit UTM Press dengan kerjasama *Research Computing* memperkenalkan platform penerbitan jurnal atas talian melalui pautan <https://journals.utm.my>. Sistem pengurusan jurnal atas talian ini mencakupi proses penghantaran artikel, penilaian, penyuntingan, pruf dan penerbitan. Selain membantu mempercepat proses penerbitan, sistem ini juga berfungsi sebagai pangkalan data penulis, penilai, dan editor.

Portal mesra pengguna ini menerima capaian global yang tinggi sehingga peratusan artikel yang diterbitkan oleh penulis dari luar negara melebihi 50%. Akses terbuka kepada terbitan terkini dan terdahulu turut menyumbang kepada penyebaran dan perkongsian ilmu selain peningkatan sitasi ke arah penarafan Universiti Penyelidikan.

Portal ini juga menawarkan single sign-in bagi akses kepada empat jurnal di mana dua diindeks Scopus, iaitu *Jurnal Teknologi* dan *ASEAN Engineering Journal*. Manakala *Malaysian Journal of Civil Engineering* dan *LSP International* pula tersenarai dalam pangkalan data MyCite



## ANUGERAH WEBOMETRIK (KATEGORI INDIVIDU)

### Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Abdullah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan



**PROF. MADYA DR. ABDUL HALIM BIN ABDULLAH**  
BE YOURSELF BE EXCEPTIONAL!

UTIMYHOME  
home

DR. HALIM'S FACEBOOK PAGE

VISITORS

PROFILE

[BAHAGIAN 1] SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN & MATEMATIK (STEM) DI SEBALIK PANDEMIK COVID-19

10th Ann. 2022 by Prof. Dr. Salleh S. Osman

SCIENCE TECHNOLOGY ENGINEERING MATHEMATICS  
**STEM**

PIC SOURCE: <https://www.oxfordhealthcare.com/doi/10.1093/otd/otab014>  
(terjemah-in-ahli-and-medicine)

Seluruh dunia telah digemparkan dengan penularan pandemik yang dikenali sebagai COVID-19 yang ditubuhkan berasal dari Wuhan, China. Ia bermula pada pertengahan bulan Disember 2019. Keganjatan memuncak semasa tahun 2020 dan secara rasminya pada Disember 2019 berlaku kemalangan yang berpancang daripada pandemik ini di wilayah Wuhan, China. Virus ini pada mulanya hanya tersebar di sekitar Wuhan, China dan kawasan-kawasan yang berdekatan semasa sehingga 100 hari telah lalui dengan pantas ke serata dunia dan menimbulkan banyak implikasi negatif kepada seluruh penduduk di seluruh dunia. COVID-19 ini telah ditakrifkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada bulan Mac 2020 akibat kes kemalangan yang kian meningkat secara mendadak dan kas-jangkitan yang semakin berleluasa. Namun begitu, seluruh dunia sebenarnya tidak berdaya dan malah mengadapi pelbagai jenis tanggapan pengurusan yang mengandungi penularan pandemik COVID-19. Akibatnya dengan mengedarkan perintah kawalan pergerakan atau sekatan pergerakan memrintak sempadan negara, negeri dan daerah, penghapusan dasar, penutupan sementara sektor ekonomi dan pendidikan dan banyak lagi. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia ini mempunyai implikasi dengan elemen STEM yang merupakan gabungan kepada sains, sosial, teknologi, kejuruteraan dan matematik. STEM secara amnya bertumpu kepada latihan yang digunakan dalam dasar pendidikan dan pilihan kurikulum selain lagi meningkatkan daya yang dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, senarai online akademik digital ini melibatkan cara yang lebih pengetahuan, kemahiran menyelesaikan masalah seharian dan juga dalam kalangan masyarakat secara global.

8 UTM  
*Citra Karisma*  
Tahuniah  
2018  
ANUGERAH WEBOMETRIK INDIVIDUAL  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2019 Fiklat  
Webometrics Award (Individual)  
Universiti Teknologi Malaysia

8 UTM  
*Citra Karisma*  
Penghargaan  
2021  
ANUGERAH WEBOMETRIK INDIVIDUAL  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2021 Fiklat  
Webometrics Award (Individual)  
Universiti Teknologi Malaysia

I AM UTM  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dr. Abdul Halim Abdullah merupakan professor madya di Jabatan Pendidikan Sains, Matematik dan Multimedia Kreatif di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik) dan Ijazah Sarjana Pendidikan (Matematik) dari UTM serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Matematik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau mula berkhidmat di UTM sejak tahun 2006 dan bergelar Pengurus Penyelidikan dari tahun 2015 sehingga pertengahan tahun 2018. Ketika ini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan UTM. Beliau amat minat menulis bukan sahaja dalam jurnal dan makalah akademik, malah beberapa artikel beliau disiarkan dalam Dewan Siswa, Dewan Masyarakat dan Majalah Sains.

Beliau juga aktif menghasilkan puluhan artikel dalam ruangan komentar/ surat dari pembaca dalam akhbar-akhbar arus perdana. Beliau pernah diberikan Anugerah Penulis Dalam Jurnal Berindeks di Citra Karisma: Majlis Anugerah Kecemerlangan & Penghargaan UTM 2018 selain beberapa kertas kerja persidangan beliau dianugerahkan sebagai kertas persidangan terbaik. Beliau turut menggunakan platform blog di pautan [people.utm.my/halim](http://people.utm.my/halim) untuk berkongsi pandangan beliau mengenai isu-isu semasa, pengalaman berkunjung ke tempat-tempat menarik di luar negara, tips-tips penulisan artikel jurnal dan sebagainya. Sehingga hari ini, blog beliau telah dilawati oleh ribuan pengunjung dari pelbagai negara.



## ANUGERAH WEBOMETRIK (KATEGORI INDIVIDU)

### Dr. Wan Ibrisam Fikry bin Wan Ismail

Fakulti Alam Bina & Ukur

Dr. Wan Ibrisam Fikry Bin Wan Ismail adalah pensyarah kanan di Fakulti Alam Bina dan Ukur. Beliau telah mula berkhidmat di UTM sejak bulan Disember 1995. Beliau kerap kali menulis dalam usaha memperbaiki diri serta massa, baik masyarakat UTM mahupun masyarakat luar. Beliau banyak memberi perkhidmatan kepada masyarakat seperti pernah menjadi Pengetua Kolej Kediaman di Kolej Siswa Desa Skudai, Pengetua Kolej 12 dan Pengetua kolej 16 & 17, Yang Dipertua PIBG Sekolah Menengah Islam Hidayah, menyertai Askar Wataniah sehingga mendapat pangkat Mejar, menyandang jawatan sebagai Pengerusi Badan Kebajikan Fakulti Alam Bina dan Ukur dan memegang jawatan Pengerusi Surau Perjiranan 11, Bandar Dato Onn sehingga kini.

Hasil pengalaman beliau ini dinukilkan sebagai bacaan umum. Dr. Wan Ibrisam Fikry pernah mendapat Anugerah Webometric Individu pada julung-julung kali ia dipertandingkan pada tahun 2015. Beliau juga adalah antara finalis untuk kategori yang sama pada tahun 2017. Ini merupakan antara inisiatif yang beliau mampu lakukan dalam usaha untuk meningkatkan 'ranking' UTM dalam persaingan webometric antara universiti-universiti. Apa yang penting bagi beliau ialah menulis dan terus menulis.



**Wan Ibrisam Fikry Wan Ismail**

BIography ADMINISTRATIVE NOTEWORTHY PROJECTS MY CALENDAR MY PERSONAL BLOG CURRICULUM VITAE

**Profile**

**Biography**

My name is Wan Ibrisam Fikry bin Wan Ismail. I'm married with 9 children. I'm a senior lecturer at Universiti Teknologi Malaysia.

I've received my bachelor degree in Urban & Regional Planning from The University of Southwestern Louisiana (now is known as The University of Louisiana), USA (1986) and my master degree in Regional & Community Planning from Kansas State University, USA (1990). I got finished my PhD in Land Administration & Development from Universiti Teknologi Malaysia (2015).

I've been teaching since 1996. My interests are on the rural & small town planning, land administration & development, rural land policy and rural land or property (enhancement). My latest research was on the issues related to the public land in Malak Agricultural Development Authority (MADA) in the state of Kelah.

**Classes**

I have gained some experiences from various agencies throughout my career. I was a Fellow at Pusat Pengajian Perancangan, Rancangan dan Pembangunan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (1991-1993). I was a Research Officer at Pusat Penyelidikan Tanah dan Urbanisme, Kementerian Tanah, Pulau Pinang (1990). I was also a Temporary Teacher at Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah Kelantan (1992). I managed to be a Site Supervisor at PKN (Tanjung Cempay) (Bekohang Kemuning), Lot 2441, Batu 4 1/2, Jalan Pagar Perdana, Kelang Selatan, Kuala Bharu, Kelantan (1998). I have been a Quality Control at California Fresh Growers, Redbank Park, California (1988). I was a Plant Delivery Man at Mary's Farm, Redbank Park, California (1990). I was also a Draft Control Officer at Double Decker Corporation, P.O. Box 3129, Redbank Park, California (1988).

**Academic Staff Personal Site**

"The best way to have a good idea is to have a lot of ideas"

Facebook | Twitter

**Blogroll**

Documentation  
Facebook  
Facebook  
Google Scholar  
<https://www.facebook.com/wan.ibrisam>



## ANUGERAH WEBOMETRIK (KATEGORI INDIVIDU)

### **Pn. Nizamra binti Masdar** Sekolah Komputeran, Fakulti Kejuruteraan

Puan Nizamra binti Masdar merupakan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) di Bahagian Pengurusan Akademik, Program Pasca Siswazah, Sekolah Komputeran, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mula meminati bidang penulisan setelah mendapat pendedahan daripada perkongsian ilmu usahawan pelaburan simpanan emas (Oradesign & Publicgold), rasa teruja untuk berkongsi manfaat dan kebaikan pelaburan emas kepada rakan-rakan telah menjadikan penulisan di lawan web satu hobi yang menyeronokkan dan memberi impak kepada pencapaian individu sebagai warga UTM

Bermula sebagai hobi, kini telah menjadi pencapaian individu bila mana penulisan dan perkongsian "*sharing is caring*" ini telah berjaya memenangi Anugerah Webometrik di peringkat Sekolah Komputeran serta Fakulti Kejuruteraan bagi tahun 2020.

Di laman web rasmi <https://people.utm.my/nizamray/> selain perkongsian tentang simpanan emas dan aktivi di Pejabat Akademik dan juga Sekolah Komputeran ianya turut disi dengan perkongsian ilmu berkonsep santai dalam bentuk tazkirah, info kesihatan, petua, resepi, doa harian serta aktiviti keluarga.



## ANUGERAH IKON ISES

### **Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar** Sekolah Kejuruteraan Awam Fakulti Kejuruteraan

Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar dilahirkan pada 27 Mei 1962 di Kampung Temerloh, Trong, Taiping, Perak. Beliau merupakan Profesor dalam bidang Kejuruteraan Struktur di Fakulti Kejuruteraan Awam. Beliau memulakan kerjaya di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 13 Jun 1983 sebagai Penolong Pensyarah B di Fakulti Kejuruteraan Awam. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Profesor Gred VK7 pada 2 Jun 2008 dan ke jawatan Profesor gred VK6 pada 22 Jun 2011. Beliau dilantik sebagai Naib Canselor UTM keenam mulai 1 September 2013.

Datuk Wahid merupakan seorang pemimpin yang sangat dihormati oleh warga UTM. Beliau telah menjalankan tugas dan tanggungjawab nya sebagai seorang pemimpin yang berintegriti, tidak menyalahguna kuasa untuk kepentingan peribadi dan tiada pengaruh politik. Beliau seorang yang amat dedikasi dan komited dalam mengurus dan membangunkan Universiti. Beliau juga mempunyai hubungan kemanusiaan yang baik, berkebolehan untuk memujuk, mempengaruhi, mendorong dan membimbing pasukannya untuk berusaha gigih mencapai kejayaan. Beliau mengamalkan servant leadership, kepimpinan melalui teladan, mudah didekati dan adil dalam membuat keputusan.



Kualiti yang dimiliki beliau ini menjadikan beliau seorang pemimpin yang dihormati dan bukan digeruni. Dari segi pentadbiran pula, beliau telah memimpin Universiti ke arah kecemerlangan bagi memastikan visi dan misi Universiti tercapai. Pencapaian ini merupakan sesuatu yang amat dibanggakan terutamanya ketika Universiti berhadapan dengan cabaran kewangan. Beliau terlibat secara langsung dengan usaha penjanaan kewangan Universiti melalui kerjasama industri, endowmen, *philanthropy* dan perbelanjaan berhemah.

Beliau adalah pencetus kepada pelaksanaan nilai teras ISES sejak tahun 2018. Nilai teras ISES dirangka khas untuk membangunkan modal insan yang berkualiti dan berintegriti. Beliau juga sentiasa berpegang kepada etika kerja profesional dan mengambilkira pandangan kolektif daripada ahli pasukannya sebelum keputusan akhir dibuat.

## ANUGERAH TOKOH PENYELIDIK

### **Prof. Ir. Ts. Dr. Sharifah Rafidah binti Wan Alwi**

**Sekolah Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga  
Fakulti Kejuruteraan**



Prof. Ir. Ts. Dr. Sharifah Rafidah bt Wan Alwi ialah seorang penyelidik dan pensyarah di Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, Fakulti Kejuruteraan. Beliau merupakan pakar dalam bidang *Process Integration and Resource Minimisation*.

Beliau memulakan kerjaya penyelidikan pada tahun 2004 dan penerbitan dengan H-index Scopus sebanyak 36. Hasil kerja beliau yang paling menonjol adalah *Study of papaya peel waste as adsorbent for efficient lead (II) removal from wastewater, United Nations Educational, Scientific And Cultural Organization (UNESCO)*. Beliau juga telah menghasilkan *Development Of Online System: Shipping Emissions Accounting (SEA) And Emissions Improvement Measures (EIM) For Port Of Tanjung Pelepas, Johor Port Authority*.

Terkini, Prof. Ir. Ts. Dr. Sharifah Rafidah sedang menjalankan kajian *Maximising Heat Recovery Network Under Variable Operability Conditions, UTM High Impact Research* dan *Risk Assessment on Energy Systems Planning Resilience to Climate Change, FRGS*.

Hasil rekaan dan penyelidikan Prof. Ir. Ts. Dr. Sharifah Rafidah bt Wan Alwi telah memenangi pelbagai pengiktirafan termasuk *ASEAN-US Science Prize for Women 2016 in Energy Sustainability; ASEAN Young Scientist and Technologist Award 2014; Green Talents 2009 award from the Federal Ministry of Research Germany; Top Research Scientists Malaysia 2018; Malaysia Research Star Award 2016, 2018, 2019* dan *Anugerah Saintis Muda Negara 2015*.



## ANUGERAH TOKOH PENERBITAN

### Prof. Dr. Farahwahida binti Mohd Yusof

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

**DR FARAHWAHIDA BINTI MOHD YUSOF** ialah profesor di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan. Beliau yang pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perancang Bahasa (Sambilan) di Dewan Bahasa & Pustaka (DBP), menyertai Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai pensyarah pada tahun 1996. Beliau kini memegang jawatan Pengarah di Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST) dan merupakan panel akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Minat beliau yang mendalam dalam pengajaran dan pembelajaran, telah membolehkannya dianugerahkan sebagai Tokoh Pengajaran UTM dalam Majlis Citra Karisma tahun 2008.

Walaupun demikian, beliau amat meminati bidang penulisan serta penerbitan. Ini dapat dibuktikan melalui penerbitan beliau sejak 1997 hinggalah sekarang. Sehingga kini, beliau telah menghasilkan lima belas buku karya asli dan monograf, banyak artikel dalam jurnal berindeks dan tidak berindeks, bab dalam buku serta terlibat dalam pembentangan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau turut menghasilkan beberapa laporan kajian untuk digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa di peringkat kebangsaan.

Beliau juga merupakan Pengerusi Panel Buku Karya Santingan UTM di samping menganggotai beberapa jawatankuasa lain yang berkait dengan penulisan dan penerbitan di peringkat kebangsaan, universiti dan fakulti.



Selain aktif dalam penilaian artikel-artikel jurnal tidak berindeks, beliau juga kerap dipertanggungjawabkan oleh Penerbit UTM dan penerbit luar UTM untuk menilai dan menyunting manuskrip karya asli serta artikel bab dalam buku.

Pengetahuan, pengalaman serta kemahiran yang dimiliki sentiasa dikongsi bersama dengan rakan-rakan yang berminat dalam bidang penulisan dalam dan luar UTM. Beberapa sesi bimbingan penulisan telah dilakukan bersama angkatan penulis muda yang baru hendak membina nama dalam bidang penulisan hingga berjaya menghantar beberapa manuskrip untuk diterbitkan oleh Penerbit UTM Press. Sepanjang perkhidmatan di UTM, selain daripada memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak empat kali, beliau turut memenangi beberapa hadiah penerbitan. Anugerah Penerbitan yang diterima termasuklah Anugerah Buku Negara 2020/2021 (Kategori Buku Islamik Terbaik) anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara, Anugerah Penerbitan Karya Asli Kategori Buku Karya Asli (FSSH, 2020), Anugerah Utama Karya Asli Buku Sains Sosial Bahasa Melayu sempena Citra Karisma UTM 2008, dan Hadiah Penyertaan Kategori Buku Karya Asli Penerbit UTM, 2002. Anugerah ini pastinya menjadi penyuntik semangat untuk beliau terus berkarya; menghasilkan karya-karya untuk bacaan masyarakat serta melahirkan penulis yang hebat sesuai dengan prinsip kerjayanya "*bersegera berikan yang terbaik, sebab esok belum tentu hadir.*"

## ANUGERAH TOKOH AKADEMIK

### **Prof. Ts.Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim**

**Sekolah Kejuruteraan Elektrik  
Fakulti Kejuruteraan**



Profesor Ruzairi bin Abdul Rahim adalah tokoh yang terkenal di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Beliau merupakan tokoh akademik yang berdedikasi dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan dan banyak menyumbang ke arah pembangunan pendidikan dan penyelidikan negara. Profesor Ruzairi telah memainkan peranan dan memberi sumbangan yang amat signifikan dalam pembangunan penyelidikan di UTM. Memiliki sifat merendah diri dan karismatik, beliau telah berjaya mencatat kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai sudut sebagai ketua keluarga, pemimpin, pentadbir, ahli akademik serta penyelidik yang berjaya.

Profesor Ruzairi dilahirkan pada 31 Januari 1967, dan mendapat pendidikan awal di Muar, Johor. Beliau telah melanjutkan pelajarannya ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Electronic System and Control Eng.) di Sheffield City Polytechnic, United Kingdom (1992). Beliau kemudiannya menerima tawaran melanjutkan pelajaran secara langsung ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah, PhD, (Electronic Instrumentation Eng.) dari Sheffield Hallam University, United Kingdom (1996). Sebelum menamatkan pengajian, beliau berkesempatan menimba pengalaman sebagai Jurutera Elektronik di United Kingdom (1990)

Beliau telah diberikan amanah untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (2006-2009) dan seterusnya sebagai Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, UTM (2009-2016). Sumbangan beliau dalam pentadbiran akademik terus cemerlang apabila dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UTHM pada tahun 2016 hingga 2019 dan sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan sekembalinya ke UTM pada tahun 2021. Dengan pengalaman yang luas dan cemerlang ketika berkhidmat di UTM dan UTHM, beliau telah di lantik sebagai Naib Canselor di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada 9 Mei 2022 sehingga kini.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau telah memberikan banyak sumbangan yang besar dalam dunia pendidikan. Menerusi aktiviti akademik, Profesor Ruzairi telah berjaya menyelia dan melahirkan seramai lebih 80 orang Doktor Falsafah dan Sarjana. Penulisan yang beliau hasilkan kebanyakan berkait rapat dengan bidang kepakaran beliau iaitu “Process Tomography & Sensor Technology”. Beliau telah menerbitkan sejumlah 328 penerbitan jurnal antarabangsa dengan h-Index (SCOPUS) berjumlah 27, 14 buah naskah buku karya asli dan 193 bab dalam buku, 26 monograf atau terjemahan dan sebanyak 128 kertas persidangan di dalam dan luar negara. Selama lebih 20 tahun tokoh ini memperjuangkan inovasi dan penyelidikan dan telah menerima sejumlah 8.2 Juta geran kebangsaan dan 2.5 Juta geran industri. Beberapa harta intelek telah dihasilkan menerusi pembangunan geran penyelidikan ini, antaranya 8 Industri Paten (IP) dan 2 Utiliti Inovasi (UI), 4 reka bentuk perindustrian, 153 untuk Hakcipta terpelihara dan 7 Rekabentuk susun atur litar bersepadu.



Prof. Ruzairi telah dianugerahkan lebih 45 Anugerah. Antara pencapaian terkini dan tertinggi adalah ;

1. Penghargaan Anugerah Penulis Jurnal Berindeks
2. Anugerah Kualiti UTM – Research Management Centre
3. Anugerah Inovasi Naib Canselor - Research Management Centre
4. Anugerah Saintis Cemerlang (MOHE)
5. Malaysia's Research STAR Award 2019, Research and Innovation Excellence in area Technology and Engineering
6. Top Research Scientist Malaysia (TRSM) by Academy Science Malaysia
7. Gold Medal & Special Jury Awards at International Exhibition of Invention, New Techniques and Products, Geneva, Switzerland
8. Research & Innovation Awards: Geneva, SIFF (Korea), BIS (UK), Brussels (Belgium)

Tokoh ini begitu menitikberatkan sikap saling bantu membantu dan bekerjasama kerana ini antara faktor penting dalam menyumbang kepada pencapaian sesebuah organisasi, selain sering berkongsi ilmu, memudahkan apa jua urusan orang lain dan bersedia untuk berubah, beliau juga menerapkan kaedah mentor-mentee dalam kepimpinan kerana ianya boleh mewujudkan kerjasama yang lebih harmoni dikalangan ketua dan kakitangan. Prinsip hidup beliau ketika menjalankan tugas adalah mudah, sebagai ahli akademik perlu bersikap rajin, konsisten, kreatif dan memiliki daya juang yang tinggi terhadap pelbagai cabaran dalam memastikan kejayaan dalam melaksanakan apa jua tugas yang diamanahkan. Pencapaian dan sumbangan yang dicurahkan oleh tokoh ini wajar dijadikan aspirasi dan motivasi kepada semua warga pendidik.




## ANUGERAH KUALITI (AKADEMIK)

### Fakulti Sains

Fakulti Sains komited dalam usaha peningkatan kualiti akademik yang berterusan menerusi kepakaran dalam bidang asas serta aplikasi sains dan matematik, bagi memacu kecemerlangan UTM. Justeru, Fakulti memastikan penyampaian produk dan perkhidmatan akademik adalah berkualiti tinggi dengan menyediakan program dan sistem pengurusan akademik yang unggul. Menjadi polisi Fakulti juga untuk sentiasa memperkasakan pencapaian matlamat pendidikan yang sempurna dan berkesan, dengan memenuhi keperluan pemegang taruh serta beradaptasi dengan ekosistem akademik yang dinamik dan kompetitif.


Fakulti Sains komited dalam usaha peningkatan kualiti akademik yang berterusan menerusi kepakaran dalam bidang asas serta aplikasi sains dan matematik, bagi memacu kecemerlangan UTM. Justeru, Fakulti memastikan penyampaian produk dan perkhidmatan akademik adalah berkualiti tinggi dengan menyediakan program dan sistem pengurusan akademik yang unggul. Menjadi polisi Fakulti juga untuk sentiasa memperkasakan pencapaian matlamat pendidikan yang sempurna dan berkesan, dengan memenuhi keperluan pemegang taruh serta beradaptasi dengan ekosistem akademik yang dinamik dan kompetitif.



## ANUGERAH KUALITI (AKADEMIK)

Fakulti Sains juga memastikan keperluan fungsi asas jaminan kualiti melibatkan rekabentuk dan semakan kurikulum, kaedah pembelajaran dan pengajaran serta kaedah penilaian dan pentaksiran adalah berdasarkan amalan terbaik, dilaksanakan dengan berkesan dan menghasilkan impak yang positif. Fakulti turut menyediakan persekitaran kondusif bagi pertukaran pengetahuan, pandangan dan idea inovatif yang telah menghasilkan program berimpak tinggi seperti **MyRoadmap**, **UVIS**, **UGRP**, **Living Lab**, **Biocompost Lab** dan **Virtual Lab**.

Kesemua usaha yang dilakukan telah berjaya mencapai matlamat bagi membangunkan graduan yang kompeten dan versatil, dengan kebolehpasaran dan kebolehpekerjaan yang tinggi yang berpandukan nilai moral dan etika. Kejayaan ini turut disokong oleh kecemerlangan staf yang melaksanakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan terhadap dan transformatif yang menyumbang terhadap kemajuan ilmu. Seterusnya, Fakulti Sains akan terus menggiatkan jalinan perkongsian pintar bersama industri dan rakan global bagi memenuhi keperluan pendidikan tempatan dan global. Fakulti juga akan memperkasakan usaha penyebaran dan translasi ilmu sains dan matematik supaya manfaatnya dapat mensejahterakan kehidupan.






## ANUGERAH KUALITI (AKADEMIK)

### Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) berpegang kepada tagline '**Mendidik dan Menginsan**' mempunyai visi dan misi untuk mengembang dan memajukan bakat dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan secara holistik. Pencapaian misi dan visi FSSK dilaksanakan melalui inisiatif 5+2 Projek Berimpak Tinggi dalam Perancangan Strategik Fakulti serta melalui program akademik yang inovatif, dinamik dan penyelidikan lestari.

Sesi akademik 2021-22, FSSK menawarkan 12 program Prasiswazah, 22 program Sarjana dan 7 program PhD dengan jumlah pelajar seramai 3648 orang.

FSSK komited untuk sentiasa mengutamakan kualiti akademik dengan memastikan Jaminan Kualiti dan Penambahbaikan Program Akademik adalah sejajar dengan keperluan akreditasi program. Oleh itu, pihak bertanggungjawab bagi pelaksanaan Jaminan Kualiti Dalam Fakulti mengorak langkah untuk menggabungkan jalinan kaedah jaminan kualiti akademik berdasarkan keperluan MQA, AUN-QA serta Sistem Pengurusan Kualiti Fakulti bagi memastikan pemantauan dan penambahbaikan kualiti akademik secara berterusan.




Pengabungjalinan proses jaminan kualiti bagi memastikan proses jaminan kualiti dalam Fakulti



## ANUGERAH KUALITI (AKADEMIK)

Pemantauan terhadap pelaksanaan jaminan kualiti FSSK adalah di sokong dengan pembangunan sistem dalam talian yang mampan. Kewujudan sistem FSSHclick **single sign on** untuk **FSSH Click** melicinkan lagi pelaksanaan dan pematuhan audit kualiti bagi memastikan kelestarian program akademik di FSSK.

Pemantauan kualiti akademik secara berterusan telah berjaya menjadikan graduan FSSK terus menjadi pilihan utama pihak industri dalam kebolehpasaran graduan pada tahun 2021. FSSH beriltizam untuk terus memperkasa Jaminan Kualiti Fakulti untuk terus 'Mendidik dan Menginsan' serta mensejahterakan masyarakat keseluruhannya.



Inisiatif Projek Berimpak Tinggi dalam Perancangan Strategik FSSK



Single sign on untuk FSSH Click bagi mengukuhkan proses pengurusan kualiti Fakulti

## ANUGERAH KUALITI (AKADEMIK)

# Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim

Azman Hashim International Business School (AHIBS) UTM menawarkan program akademik dengan keterlibatan secara langsung kesemua pemegang taruh utama iaitu pelajar, staf, rakan industri, dan komuniti dalam ekosistem universiti.

Sepanjang 2021, AHIBS telah berusaha memperkasakan pemberdayaan mahasiswa dalam menggarap segala pengalaman pembelajaran untuk mereka rasai dan lalui sepanjang tempoh berada di universiti. Bahkan pemerksaan ke atas staf AHIBS melalui aktiviti menginstitusikan *Integrity, Synergy, Excellence*, dan *Sustainability* (ISES) turut dilakukan. Pengurusan eksekutif AHIBS yang diterajui oleh Dekan, Professor Madya Dr Rosmini Omar telah mewujudkan persekitaran "**KEBAHAGIAAN**" untuk mencapai matlamat ini, di mana pelajar dan staf AHIBS berasa diperkasa dan berkembang maju berdasarkan kekuatan mereka. Kebahagiaan dipupuk melalui beberapa sesi "**AHIBS Bonding**", antaranya *AHIBS Bonding Session with Special Students, AHIBS Meet & Mingle, Live Laugh Learn*, dan *Dean Bonding Session with Staff*.

Bonding Session ini diperkukuhkan lagi dengan memberi peluang kepada pelajar berhujah dengan pakar kebangsaan dan global melalui *AHIBS Pitch for Funding, AHIBS Action Research Challenge (AARC) 2021, AHIBS Online Global Classroom* dan *SPEAK-UP*. Untuk staf pula, pengurusan AHIBS telah mengadakan program *AHIBS Research Month, Quality Matters, AACSB Sharing Session* dan *Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim Sharing Session*. Melalui sesi seumpama ini, pelajar dan staf AHIBS dapat bersama mengorak langkah dalam menukar cara pemikiran dan mengubah "**TINGKAH LAKU**" agar menjadi pelajar/staf UTM yang lebih "**CEMERLANG**".



AHIBS telah mewujudkan persekitaran **KEBAHAGIAAN** di samping aktiviti-aktiviti sokongan lain untuk memberikan pengalaman kepada pelajar dan memperkasakan staf ke dalam ekosistem universiti



## ANUGERAH KUALITI (AKADEMIK)

Seterusnya, pandemik COVID-19 yang berlaku sepanjang 2021 jelas tidak mematahkan semangat AHIBS dalam mempromosikan lagi kerjasama dengan pihak industri. AHIBS telah menggabungkan intervensi industri-akademik bertujuan memperkukuhkan kualiti akademik melalui inovasi kolaboratif dengan rakan industri, seterusnya meningkatkan reputasi, kebolehpasaran pelajar, penyelidikan, dan penjana pendapatan, berkonsepkan **“fundraising and friendraising”**.

Platform *AHIBS Advisory Council* (AAC) yang ditubuhkan sebelum ini dan dipengerusikan oleh Tan Sri Azman Hashim telah mula melonjakkan kolaborasi industri dalam penyampaian pendidikan perniagaan AHIBS. Begitu juga dengan:

- 1) penglibatan panel-panel industri di dalam *AARC 2021* dan *Accelerated Leadership Program Series* untuk program MBA AHIBS-Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), dan AHIBS-Kementerian Pertahanan Malaysia;
- 2) penglibatan tokoh-tokoh industri terkenal Malaysia seperti Mejar (Kehormat) Prof. Tan Sri Dato' Paduka Dr. Fng Ah Seng (Pegawai Urusan Epic Valley Holdings Sdn. Bhd.) dan Dr. Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek (Pengerusi MCMC) sebagai Profesor Adjung;
- 3) penglibatan pelbagai institusi tempatan dan global dalam menghasilkan kurikulum berasaskan-industri 4.0; dan
- 4) pelaksanaan webinar *Digital Learning Lab* yang melibatkan perkongsian ilmu dari tokoh-tokoh industri digital tempatan dan antarabangsa. Tidak keterlaluan, intervensi industri-akademik yang dibina ini telah berperanan memperluaskan jangkauan korporat dan geografi AHIBS.





## ANUGERAH KUALITI (AKADEMIK)

Akhir sekali, dalam menyokong dasar universiti memperkasakan ekosistem libat sama komuniti, AHIBS telah melakukan beberapa program berimpak tinggi sepanjang 2021. Antaranya melalui program Ternakan Kelulut Modular Inovasi yang dapat membantu 100 keluarga berpendapatan rendah (B40) sekitar daerah Simpang Renggam. Mereka yang telah terpilih ini dibimbing dengan kaedah penternakan lebah kelulut secara inovatif melalui teknologi “**Bee Modular**” yang dibangunkan penyelidik UTM dengan fokus mendapatkan madu kelulut untuk dikomersialkan.

AHIBS berperanan memberi khidmat latihan ilmu keusahawan, perniagaan, pemasaran, penjenamaan dan penghasilan produk hiliran berkaitan keluaran madu ternakan lebah kelulut agar mereka berupaya menjana pendapatan tambahan yang tinggi. Selain itu, program libat sama komuniti lain yang juga tidak kurang hebatnya seperti Pelancaran Pustaka Komuniti Merapoh telah berjaya mengumpul bahan-bahan bacaan untuk penduduk setempat serta sumbangan bahan keperluan makanan/minuman utup pelajar yang telah terperangkap di universiti sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0, dan juga *Raya Fat Away 2021* yang menyasarkan sumbangan orang ramai untuk menyertai larian amal. Program-program seumpama ini dapat menyokong dan merealisasikan pembangunan mampan dan matlamat kemakmuran bersama di peringkat kebangsaan.

Aktiviti-aktiviti yang dijayakan sepanjang 2021 ini membuktikan komitmen dinamik AHIBS untuk bersama-sama menjayakan Envision UTM 2025 iaitu di dalam memupuk hubungan strategik antara universiti, industri, kerajaan dan komuniti selain daripada memperkasakan pemberdayaan pelajar dan staf.



AHIBS telah memupuk hubungan strategik antara universiti, industri, kerajaan dan

komuniti sepanjang tahun 2021

## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

### Jabatan Bendahari



Jabatan Bendahari merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk menguruskan segala aspek kewangan di Universiti. Bidang pengurusan kewangan yang diuruskan adalah Pengurusan Belanjawan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Aset Alih, Pengurusan Kewangan Pelajar, Pengurusan Stor dan Bekalan, Pengurusan Pembayaran, Pengurusan Emolumen dan Pinjaman, Pengurusan Penerimaan dan Kawalan Kredit, Pengurusan Akaun, Pengurusan Tunai dan Pelaburan serta pelbagai aktiviti kewangan Universiti.

Antara kejayaan Jabatan Bendahari adalah pengekalan pensijilan ISO selama hampir dua dekad yang bermula pada tahun 2000 sehingga versi ISO terkini iaitu 9001:2015 berjaya menyumbang kepada kriteria kewangan yang cemerlang dalam Audit Setara pada 2017 serta melayakkan Universiti menerima pengiktirafan Audit Setara 6 Bintang. Jabatan Bendahari juga menerima pengiktirafan pematuhan 'System Accounting For Government Agencies (SAGA) Compliance' daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada tahun yang sama.

Pengurusan operasi kewangan yang diiktiraf oleh pihak luar ini juga membolehkan Jabatan Bendahari memastikan Universiti menerima Sijil Audit Tanpa Teguran bagi Penyata Kewangan setiap tahun sehingga kini dari Jabatan Audit Negara. Sijil audit bersih ini memberikan impak yang besar kepada Universiti dan reputasinya dalam menjadi contoh Universiti Awam yang mentadbir urus kewangan dengan baik.

Jabatan Bendahari juga sentiasa mendokong idea inovasi dalam penambahbaikan proses kerja dan penyampaian perkhidmatannya. Antara inovasi dan penambahbaikan **UTAMA** yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

- *Permohonan Pengeluaran Pendidikan KWSP secara atas talian (online) melalui portal e-Pengeluaran*
- *Kempen kutipan derma PTJ melalui UTMSMART (Modul Charity):*
- *Perlaksanaan kutipan hasil dari luar negara melalui Flywire*
- *Kutipan derma menggunakan fasiliti Billplz*
- *Kerjasama dengan Kiple untuk pelaksanaan 'cashless environment' di dalam kampus*

Jabatan Bendahari akan terus mengekalkan iltizam dalam menyampaikan perkhidmatan berprestasi tinggi yang berkualiti, mengekalkan semangat berpasukan selaras dengan misi, visi dan matlamat jabatan.



## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

### Jabatan Canseleri



Jabatan Canseleri merupakan jabatan utama yang memainkan peranan dalam perancangan strategik dan pelan hala tuju Universiti bagi menjayakan visi dan misi selari dengan hasrat penubuhan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Jabatan Canseleri juga bertanggungjawab memastikan ekosistem Universiti diselaraskan mengikut amalan standard merujuk kepada misi Universiti bagi menyokong komunikasi berkesan di kalangan pengurusan dan pentadbir bersama pihak berkepentingan di dalam dan di luar komuniti Universiti.

Jabatan Canseleri menempatkan pejabat utama pengurusan Universiti iaitu Pejabat Naib Canselor dan juga pejabat-pejabat strategik yang terdiri daripada pelbagai 'core business' seperti Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat (OSCA), Pusat Kualiti & Pengurusan Risiko UTM (UTMQRiM), Pejabat Pelestarian Kampus (UTMCS), Pusat Islam, UTM International (UTMi), Unit Audit Dalam, Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Integriti dan Pejabat Majlis Profesor. Dengan jumlah staf seramai 202 orang, pejabat-pejabat ini memayungi pusat tanggungjawab lain mengikut fungsi dari aspek pemantauan dan pelaksanaan perancangan Universiti.

Sepanjang tahun 2021, beberapa staf Jabatan Canseleri berjaya memperoleh sijil badan profesional yang diiktiraf seperti Certificate of Mediation dan Professional Certification in Enterprise Risk Manager. Seramai 11 orang staf dari Unit Audit Dalam juga merupakan ahli The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM). Dengan adanya pengiktirafan seperti ini, Jabatan Canseleri dapat memastikan peningkatan kualiti yang berterusan dan keberkesanan pengurusan risiko, agar dapat memberikan keyakinan dan kepuasan kepada pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan.

Ranking merupakan agenda utama dalam pengantarabangsaan dan penjenamaan Universiti. UTMQRiM berjaya memastikan UTM mengekalkan 6 bintang bagi SETARA, 5 bintang bagi MyMohes dan status Swaakreditasi. Pada tahun 2021, UTMi berjaya memastikan UTM meningkat dari kedudukan #217 ke #187 dalam QS World University Rankings dan kedudukan tempat ke-13 dalam QS World University Rankings Top 50 Under 50. Jabatan Canseleri turut menyumbang dalam memastikan kelestarian kewangan Universiti melalui kutipan zakat oleh Pusat Islam UTM yang berjaya memperoleh RM 7.4 juta pada tahun 2021.



## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

### Jabatan Harta Bina



Teras operasi utama Jabatan Harta Bina (JHB) adalah menyediakan fasiliti dan infrastruktur yang kondusif bagi membina pengalaman kehidupan kampus lestari kepada mahasiswa, staf dan komuniti selari dengan teras strategik dan matlamat universiti sepertimana yang terkandung dalam *enVision 2021 - 2025*. Bagi merealisasi aspirasi ini, mulai tahun 2021 JHB telah menggariskan pelan tindakan melalui program dan inisiatif yang telah dirancang untuk meningkatkan kecekapan kualiti perkhidmatan. Lima perkhidmatan utama untuk mencapai operasi teras telah didokumenkan melalui prosedur Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang melibatkan pengurusan projek, pengurusan penyenggaraan fasiliti, pengurusan perkhidmatan, pengurusan perolehan dan bayaran serta pengurusan tenaga.

Dalam tahun 2020, JHB telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti fasiliti dan infrastruktur kampus secara menyeluruh yang melibatkan kerja menaiktaraf ruang bangunan akademik, kolej kediaman dan bangunan sokongan berjumlah RM58 juta disamping menguruskan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan yang berjumlah RM26 juta. JHB juga mengambil inisiatif menggandingkan sumber tenaga dalaman dan luaran dalam melaksanakan pengurusan fasiliti disamping menggunakan kepakaran khidmat profesional staf dalaman untuk menguruskan projek yang dapat menyumbang penjimatan kepada universiti berjumlah RM7 juta.

JHB konsisten dalam menyokong agenda pelestarian kampus dengan mengintegrasikan agenda ini dalam semua operasi. Pelbagai usaha dilaksanakan untuk mengawal bil utiliti. Inisiatif membuat penggantian sistem pendingin hawa berpusat (*centralized airconditioner*) kepada sistem *VRF* dan *split system*, membuat pemasangan sistem automasi bangunan di ruang guna sama, retrofit lampu jimat tenaga, menaiktaraf sistem perpaipan dan lain-lain telah dilaksanakan dalam tahun 2021 dan menghasilkan penjimatan bil elektrik sebanyak RM3.29 juta dan bil air berjumlah RM1.97 juta berbanding bil tahun 2020.

JHB juga berjaya mengurangkan kutipan sampah pepejal sebanyak RM550 ribu melalui pemeraksanaan amalan kitar semula dan meningkatkan pengkomposan. JHB juga terlibat secara langsung dalam penyertaan UTM di dalam *UI Green Metric* dan berjaya memenangi tempat pertama di dalam pertandingan Kalender Rendah-Karbon Iskandar Puteri kategori institusi anjuran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

JHB sangat menekankan kepuasan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti. Pelbagai usaha mendekati pelanggan telah dilaksanakan antaranya mengadakan mesyuarat bersama PTJ yang diadakan setiap tiga bulan. Selain itu Sistem Aduan Kerosakan (ECS) yang mempunyai modul pengurusan penyelenggaraan yang lengkap dan mesra pengguna menjadi saluran utama untuk pelanggan membuat aduan. Atas keprihatinan ini, JHB berjaya mengekalkan indeks kepuasan pelanggan (CSI) terhadap infrastruktur dan fasiliti kepada tahap melebihi 80%. Pelbagai aktiviti kebersamaan telah diadakan untuk memastikan semangat kerja berpasukan di kalangan semua warga JHB berada di tahap yang tinggi. Seajar dengan matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan staf, konsep *work-life balance* diberi penekanan dan usaha ini memberikan impak yang signifikan dengan pencapaian 99% dalam Indeks Kepuasan Staf. Melalui pendekatan dan pelaksanaan inisiatif tersebut JHB secara berterusan, berupaya memperkasakan budaya kerja cemerlang dan budaya kerja berpasukan selaras dengan misi JHB untuk menyediakan fasiliti yang terbaik dan lestari.





## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

### Jabatan Pendaftar



Jabatan Pendaftar sentiasa komited dalam memastikan mutu penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi dengan melaksanakan usaha penambahbaikan berterusan dari pelbagai aspek perkhidmatan. Pemerkasaan teras perkhidmatan menjadi tunjang utama Jabatan Pendaftar merealisasikan misi dan visi jabatan agar sejajar dengan objektif strategik Universiti. Enam bahagian utama telah distruktur kemas bagi memacu kecemerlangan penyampaian perkhidmatan Jabatan Pendaftar yang terdiri daripada Bahagian Sumber Manusia, Pusat Pembangunan Bakat dan Kepimpinan Universiti, Bahagian Pengurusan Organisasi, Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar dan Bahagian Pejabat Pendaftar, Kuala Lumpur.



Pemantapan pengurusan kualiti telah menjadi penggerak kepada usaha berterusan Jabatan Pendaftar ke arah sistem kerja terancang berasaskan keperluan piawaian antarabangsa yang dizahirkan menerusi kejayaan audit pensijilan MS ISO 9001:2015 untuk 17 tahun berturut-turut oleh SIRIM Berhad sejak tahun 2004. Jabatan Pendaftar juga turut membuktikan usaha konsisten dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif kepada pelanggan dan warga kerjanya apabila Jabatan Pendaftar Kampus Skudai komited meneruskan pensijilan Amalan Persekitaran Kualiti (5S) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bermula 2013 hingga kini manakala Bahagian Pejabat Pendaftar, Kuala Lumpur terus beriltizam menuju ke arah pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Pembudayaan inovasi juga giat dijalankan oleh warga Jabatan Pendaftar bagi menghasilkan impak yang dapat dimanfaatkan oleh pelanggan dalam usaha memenuhi ekspetasi mereka. Ini terbukti apabila projek inovasi jabatan menduduki tempat kedua dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat UTM Kali Ke-14 Tahun 2021 dengan projek bertajuk Rondaan Keselamatan Berasaskan Internet of Thing (IoT). Selain itu hasil inovasi Bahagian Keselamatan bersama pasukan penyelidikan akademik, menjadikan UTM sebagai universiti pertama menggunakan teknologi IoT drone dalam mengawal keselamatan kampus. Penggunaan JAGADrone telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.

Melalui inovasi yang dibangunkan, ia telah menarik minat jabatan lain untuk menjadikan Jabatan Pendaftar sebagai penanda aras dalam meningkatkan prestasi jabatan mereka melalui penghasilan inovasi proses kerja dan pengautomasian pejabat. Ini terbukti apabila Bahagian Pejabat Pendaftar, Kuala Lumpur (BPKL) menjadi pakar rujuk dan telah memberi bimbingan khidmat nasihat berkaitan pelupusan rekod kepada 7 PTJ di UTM kampus Kuala Lumpur. Disamping itu, Jabatan Pendaftar juga terlibat aktif dalam program-program kualiti seperti Pelestarian Pejabat (Green Office), Pengurusan 5S, Pengurusan Risiko (Risk Management), Pengurusan Pelanggan serta Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE).

Jabatan Pendaftar akan sentiasa memberikan perkhidmatan berprestasi tinggi kepada seluruh para pelanggan melalui penambahbaikan berterusan sistem penyampaian perkhidmatan. Pelbagai pendekatan holistik telah ditawarkan sepanjang tahun 2021 walaupun dihipit dengan cabaran pengurusan norma baharu kesan pandemik Covid 19. Antara sumbangan terbesar jabatan ini adalah menjadi pihak bertanggungjawab menguruskan kelancaran proses pemberian vaksinasi apabila UTM terpilih sebagai Pusat Pemberian Vaksin Integrasi bermula 19 Julai-31 Oktober 2021. Cabaran norma baharu ini dijadikan pemangkin untuk memastikan perkhidmatan terbaik telah disampaikan kepada pelanggan secara konsisten dan sejajar dengan pendekatan *delighting the customer*.





## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

### Jabatan Perpustakaan UTM

Jabatan Perpustakaan UTM diterajui oleh Ketua Pustakawan dengan kekuatan staf seramai 190 orang sentiasa membudayakan kerja cemerlang sebagai asas kepada peningkatan kualiti dan perkhidmatan seiring dengan moto perpustakaan iaitu **Information Excellence**. Perpustakaan Sultanah Zanariah merupakan perpustakaan induk, manakala perpustakaan cawangan adalah Perpustakaan Raja Zarith Sofiah Johor Baharu, Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur, Perpustakaan Menara Razak Kuala Lumpur, Malaysia-Japan *International Institute of Technology Library* Kuala Lumpur, *Institute of Bio Product Development*, Johor Bahru, Perpustakaan UTM Pagoh dan 10 Perpustakaan Fakulti UTM Johor Bahru.

Bagi mempertingkatkan kecemerlangan penyampaian berprestasi tinggi dan berkualiti, penyampaian perkhidmatan berteraskan maklumat yang tuntas dan menepati keperluan pemegang taruh merupakan bidang teras utama Perpustakaan UTM. Perpustakaan turut mendokong aspirasi universiti dalam mendepani cabaran pendidikan tinggi sejajar dengan strategi yang digariskan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.

UTM *enVision* 2025 mensasarkan pengukuhan Institusi Ilmu Pengetahuan UTM dan pementapan koleksi rujukan digital sebagai sumber terbuka. Pembangunan sistem perpustakaan menggunakan aplikasi sumber terbuka (*open source*) yang mencetuskan 30 inovasi perurusan dan 9 inovasi teknikal.



## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Bagi menyokong aktiviti penyelidikan negara, perpustakaan terlibat dalam Jawatankuasa *Malaysia Open Science Platform* (MOSP) bagi membangunkan *platform* sains terbuka yang membolehkan data penyelidikan dapat dikongsi dan diakses dengan mudah oleh penyelidik dalam negara. Penglibatan Ketua Pustakawan sebagai Ahli Jawatankuasa *Malaysia Open Science Alliance* dan seorang Timbalan Ketua Pustakawan sebagai Ahli Jawatankuasa Infrastruktur MOSP menguatkan peranan Perpustakaan UTM dalam menyokong inisiatif ini termasuk tujuh (7) orang Pustakawan UTM yang telah mendapat pengiktirafan sebagai *Data Steward*.

Perpustakaan juga turut bertanggungjawab terhadap penyediaan data dan mengesahkan kesahihan penerbitan oleh Penyelidik UTM bagi keperluan MyRA dan MYMOHES yang merupakan sebahagian dari keperluan Universiti Penyelidikan serta tujuan akreditasi dari badan profesional yang lain. Perpustakaan UTM sentiasa peka dan bergerak pantas dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik walaupun dalam keadaan norma baharu pandemik COVID-19.

Perubahan cara kerja daripada bersemuka kepada perkhidmatan dalam talian dengan pembangunan inovasi baharu seperti perkhidmatan sokongan penyelidikan melalui aplikasi *Online Chat*, Program pendidikan pengguna secara dalam talian, pengubahsuaian tempoh pemulangan bahan, pembangunan portal maklumat berpusat sumber terbuka, penyediaan *Librarian By Appointment*, maklumat terkini dan sahih bagi COVID-19 iaitu *COVID-19 Page* dan sebagainya.

Perpustakaan juga telah menyediakan akses mudah dan cepat kepada pangkalan data dan kandungan digital maklumat melalui Portal Perpustakaan kepada pengguna. Dalam mendepani kekurangan peruntukan kewangan, Sistem Pengurusan Perpustakaan telah dibangunkan menggunakan aplikasi sumber terbuka menggantikan Sistem Pengurusan Perpustakaan *Proprietary* sedia ada yang memerlukan peruntukan yang besar dalam penyelenggaraan tahunan. Melalui inovasi ini, kos penyelenggaraan tahunan dapat dijimatkan sebanyak RM400,000.00 setahun.

Selain itu, *platform* sepusat (UTMLenses) dibangunkan bagi penyimpanan, pengaksesan semula bahan multimedia universiti yang sebelum ini berada dipelbagai lokasi untuk kemudahan, bahan diindeks supaya dapat diakses dengan mudah dan cepat. Kepakaran Pustakawan UTM diiktiraf oleh pihak luar di mana Pustakawan UTM telah menjadi Perunding bagi pembangunan Sistem Pengurusan Perpustakaan Secara Terbuka (KOHA) kepada Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), SMK Tuanku Abdul Rahman Putra Kuai Johor serta beberapa pihak luar yang lain termasuk *Transfer of Knowledge* kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UAIM) dan Pembangunan sistem Pusat Sumber Masjid Daieng Abdul Rahman Nusa Idaman Nusajaya.





## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Sebagai Institusi Ilmu Pengetahuan, perpustakaan mengambil peranan mengumpul dan mendokumenkan penerbitan universiti yang berimpak demi memelihara khazanah intelektual universiti supaya dapat diakses dan menjadi rujukan generasi akan datang secara berterusan. Beberapa penerbitan mengenai UTM yang telah diterbitkan adalah Sedekad Transformasi UTM Kuala Lumpur (2010-2020) dan UTM: Penyelidikan Berimpak Mensejahtera Masyarakat.

Perpustakaan UTM aktif menganjurkan program pembudayaan ilmu di kalangan warga UTM dan masyarakat sekitar melalui 28 sesi Perkongsian Ilmu, 16 sesi Bicara Karya dan 48 sesi ulasan buku melalui aplikasi Webex. Usaha Memasyarakatkan Universiti dilaksanakan secara bersinergi dengan Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Princess Elizabeth, Johor Bahru bagi projek QR Code bahan *Special Learning Tool Kit* (SLTK), menempatkan UTM *Reading Station* (UTMRS) di Flat Jentayu, Kangkar Pulai Johor, kolaborasi bersama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bagi menjayakan program Bangsa Johor Bahagia (BJB), menyumbang bahan bacaan sebanyak 250 naskhah kepada SK Mawai Kota Tinggi Johor dan 1000 naskhah buku kepada Madrasah Tahfiz Al-Jauhar, Kota Tinggi Johor.

Budaya kualiti menjadi amalan Perpustakaan UTM dengan pensijilan MS ISO 9001:2015 menjadi panduan bagi penambahbaikan berterusan. Beberapa pengiktirafan yang diterima oleh perpustakaan sempena Majlis Citra Karisma 2021 bagi Anugerah Kualiti Perkhidmatan (AKP), Anugerah Inovasi Perkhidmatan (AIP), Anugerah Webometrik (PTJ Perkhidmatan), Penghargaan (Finalis) Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) dan Anugerah Penilaian kelestarian (*Green Leaf*). Anugerah yang diterima oleh perpustakaan boleh dijadikan sebagai pemangkin motivasi perpustakaan untuk sentiasa kekal cemerlang dan gemilang.

## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

### Jabatan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) terdiri daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Bahagian Pengurusan Akademik (AMD), Bahagian Rekrutmen dan Kemasukan Mahasiswa (SRAD), Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Institut Siswazah Tersedia Kehidupan (UTM iLeaGue), Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead) dan SPACE. Semua entiti ini berfungsi untuk memberikan perkhidmatan pengurusan akademik sebagai perkhidmatan teras merangkumi lima (5) teras utama iaitu pembangunan program dan kurikulum, pengurusan akademik pelajar, pengurusan entiti akademik, pengurusan inovasi pembelajaran, dan pengurusan pembelajaran sepanjang hayat. Usaha bagi menyokong visi dan misi Universiti sentiasa dilaksanakan untuk memastikan perancangan strategik Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sejajar dengan perancangan strategik Universiti. Hala tuju Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah dirangka secara komprehensif dengan strategik objektif, inisiatif, program dan sasaran utama yang dijadikan sebagai rujukan dan panduan bagi pelaksanaan program yang telah dirancang dalam Kerangka Strategi UTM enVision 2025 Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bagi tempoh 2022 hingga 2025.

Hala tuju Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) menggariskan lima (5) objektif strategik. Objektif strategik yang pertama memberi tumpuan kepada pengukuhan pembangunan pelajar untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang, berdaya tahan dan tersedia kehidupan. Objektif strategik yang kedua bertujuan untuk memperkasakan hak setiap orang untuk mendapat pendidikan berkualiti di mana kemajuan teknologi telah mengubah landskap pendidikan menjadi lebih fleksibel.


Objektif strategik yang ketiga memberi tumpuan kepada membangunkan pendidik tersedia masa hadapan yang berdaya tahan dan menjunjung nilai teras UTM dalam menangani cabaran masa depan dalam pembelajaran dan pengajaran. Objektif strategik yang keempat meletakkan inovasi pembelajaran dan pengajaran paling utama di UTM. Fokus utama adalah memperkukuhkan sistem penyampaian dalam pembelajaran dan pengajaran melalui inovasi perkhidmatan amalan terbaik. Objektif strategik kelima adalah berkaitan dengan budaya analitik data. Objektif strategik ini dapat membantu melaksanakan strategi dipacu data serta kecekapan merentas proses, teknologi dan manusia yang diperlukan dalam pengurusan akademik serta membuat keputusan.





## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Graf 1: Trend Kemasukan Pelajar Antarabangsa (Tahun 2011 – 2021)



Graf 2: Trend Kemasukan Pelajar Anatarabangsa (Peringkat Pascasiswazah) (Tahun 2011 – 2021)



Selain itu, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Institut Siswazah Tersedia Kehidupan (UTM iLeaGue) dengan kerjasama Pusat Kerjaya UTM (UTMCC) di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) telah berjaya memperolehi pencapaian tertinggi iaitu kedudukan pertama di seluruh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dalam kebolehpasaran graduan (*Graduate Employability*) dengan peningkatan peratus pencapaian kepada 97.9 peratus pada tahun 2021 berbanding 92 peratus pada tahun 2020.

## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Di antara pencapaian dan sumbangan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Bahagian Rekrutmen dan Kemasukan Mahasiswa (SRAD) adalah kejayaan meningkatkan jumlah kemasukan pelajar antarabangsa ke UTM mulai tahun 2016 hingga kini. Bagi menghasilkan kejayaan ini, SRAD telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk aktiviti promosi dan pemasaran secara fokus dan berstrategi serta secara berterusan menambahkan dan membuka peluang kemasukan pelajar. Graf 1 dan Graf 2 menunjukkan tren kemasukan pelajar antarabangsa ke UTM mula meningkat pada tahun 2016 sehingga tahun 2019. Tren kemasukan pelajar ini menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2020 dan 2021 kerana pada ketika itu dunia berdepan cabaran pandemik COVID-19 di mana terdapatnya sekatan kemasukan sempadan negara. Sungguhpun begitu, UTM masih berupaya mengekalkan jumlah kemasukan pelajar antarabangsa yang tinggi dan ianya disumbang menerusi kemasukan pelajar di peringkat pascasiswazah. Ini menunjukkan segala usaha yang dilaksanakan oleh universiti dalam meneruskan kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran dalam tempoh ini berjaya memberi keyakinan kepada calon pelajar untuk memilih UTM.

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) juga telah menghasilkan sebanyak 24 inovasi sepanjang tahun 2021. Di antara inovasi yang memberikan impak yang tinggi dari aspek kepuasan pelanggan, penjimatan kos operasi, pengurusan masa dan peningkatan produktiviti ialah Sistem eDaftar, Sistem iConvo, Power BI, Sistem Subject Matter Expert (SME) dan Digital Learning. Perkembangan pembelajaran digital semakin memberangsangkan sejak penularan pandemik Covid-19 dan pelbagai inisiatif telah dipergiatkan pada tahun 2021 terutama dari segi penawaran kursus melalui kaedah MOOC dan Micro-Credential.






## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

### Jabatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) merupakan Jabatan utama yang melaksanakan urusan berkaitan penyelidikan, inovasi, pengkomersilan, perundingan, jaringan industri dan masyarakat. JTNCPI, merupakan satu jabatan yang mempunyai struktur yang besar dan telah berjaya memberikan impak yang *significant* kepada UTM dan negara terutama dalam hala tuju serta pengurusan Penyelidikan secara keseluruhan. Dengan mempunyai warga staf seramai 581 dan terdiri daripada 3 HICOE, 7 COE, 6 Institut, 27 *Research Centre* dan 5 Entiti Perkhidmatan yang menguruskan '*core business*' JTNCPI dan UTM, JTNCPI telah berjaya menghasilkan dan membawa nama UTM ke persada negara dengan beberapa kejayaan besar hasil pengurusan penyelidikan yang merangkumi keseluruhan warga Universiti Teknologi Malaysia.

Di tahun 2021 di antara projek berimpak yang telah dilaksanakan bagi kelestarian pengurusan penyelidikan, JTNCPI telah berjaya mewujudkan satu seksyen baharu iaitu Seksyen Pemasaran dan Visibiliti yang bertujuan untuk memperkasakan lagi hala tuju serta perancangan dalam memastikan aktiviti Pemasaran dan visibiliti Jabatan dan projek-projek penyelidikan dapat dilaksanakan dengan lebih berimpak. Selain itu, branding 'UTMNexus' yang telah diperkenalkan pada tahun 2020, dimurnikan lagi pada tahun 2021 di mana ianya telah berperanan dalam meningkatkan lagi visibility JTNCPI dan warga penyelidik UTM melalui beberapa aktiviti yang telah dilaksanakan diantara penerbitan Majalah Pertama 'Research' juga telah menggunakan nama 'UTMNexus' sebagai branding utama Penyelidikan di UTM di mana fokus utama penggunaan 'branding' ini adalah untuk meningkatkan keterlihatan penyelidik di UTM.

Akhir sekali impak utama kewujudan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) selain dari mencapai KPI Universiti dan MyRA, semua warga UTM khususnya Fakulti dan warga JTNCPI juga bersinergi dengan memainkan peranan dalam memastikan UTM sentiasa mengekalkan status '*Research University*' dan sekaligus mendapat peruntukkan sebanyak RM24.6 juta setiap tahun dari kerajaan.



# NEXUS

## ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

### Jabatan Perkhidmatan Digital (UTM DIGITAL)

Jabatan Perkhidmatan Digital (UTMDigital) merupakan salah satu *Core Enabler* yang memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan agenda Universiti Digital UTM. UTMDigital berperanan sebagai peneraju dalam memastikan perkhidmatan digital termasuk infostruktur dan infrastruktur ICT yang diberikan kepada semua warga kampus disediakan dengan sebaiknya. Selain itu, UTMDigital berperanan dalam mengukuhkan penyampaian perkhidmatan berpaksikan akademia melalui ekosistem digital berpacuan data.

Peranan UTMDigital dijelaskan lagi melalui fungsi-fungsi utama iaitu: (1) Membangun dan melaksanakan aplikasi baharu dan menaik taraf aplikasi sedia ada yang merangkumi bisnis utama Universiti seperti Pengurusan Akademik, Pengurusan Inovasi dan Penyelidikan, Kebajikan dan Hal Ehwal Pelajar, Pengurusan Modal Insan, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Aset dan Fasiliti, Pengurusan Perkhidmatan dan Hospitaliti, (2) Memastikan infrastruktur ICT sentiasa tersedia dalam menyokong platform aplikasi yang dibangunkan merangkumi: Menaik taraf infrastruktur rangkaian dan komunikasi jaringan Internet, Menaik taraf infrastruktur gudang data (data warehouse) seperti pelayan (server), storan dan tool analitik data (3) Menyokong pelaksanaan 'Digital Lifestyles' melalui pembangunan platform dan inovasi teknologi terkini: Inisiatif Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless), Pemusatan capaian perkhidmatan secara berpusat – UTMSMART, Pelaksanaan P&P melalui Smart Classroom dan Penggunaan Tele Sidang Video – menyokong BDR, Webinar, P&P secara dalam talian







## ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

### Inovasi Pengurusan Jubah Konvokesyen UTM Melalui Teknologi RFID Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan TNC (A&A)

Selaras dengan misi dan visi Jabatan serta Universiti, Bahagian Pengurusan Akademik (AMD), Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) (TNC (A&A)) sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang berprestasi tinggi terutamanya kepada pemegang taruh, pelajar dan graduan.

Seiring dengan peralihan menuju ke era revolusi industri 4.0, yang mana Malaysia telah menyaksikan penggunaan IoT terbesar teknologi *Radio-Frequency Identification* (RFID). Kumpulan SMART-G (*System Management Attire RFID Technology for Graduands*) telah mengenalpasti masalah dalam pengurusan jubah konvokesyen iaitu kesukaran merekod inventori jubah serta pengambilan dan pemulangan jubah oleh para graduan. Oleh yang demikian, kumpulan ini mentransformasikan pengurusan jubah konvokesyen dengan penggunaan teknologi RFID sebagai penyelesaian masalah. Tajuk projek ini adalah Inovasi Pengurusan Jubah Konvokesyen UTM melalui Teknologi RFID.

AMD berkolaborasi bersama UTMDigital untuk pembangunan sistem menggunakan kepakaran dalaman dengan mengintegrasikan 3 sistem bersama iaitu Sistem *iConvo*, *Aplikasi UTMSmart* & Sistem *Convo-on-stage*. Ia merangkumi pembangunan modul inventori jubah secara RFID, pembangunan modul janji temu pengambilan dan pemulangan Jubah di Sistem *iConvo*, pembangunan modul *iConvo* Jubah Konvokesyen pada *Aplikasi UTMSmart* dan akhir sekali mengintegrasikan Jubah RFID pada Sistem *Convo-on-stage*.

**Kumpulan SMART-G**

 <b>Ketua Kumpulan</b> <b>Nazratul Hazirah Rushdan</b> PPT, Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	 <b>Rilawati Rija</b> PTPO Kanan, AMD Peranan: Pengurusan Jubah	 <b>Azilawati Arbaai</b> Pegawai IT Kanan, UTM Digital Peranan: Teknikal (iConvo & Inventori)
 <b>S. Irwan Mohamad</b> PTPO KUP, AMD Peranan: Pengurusan Jubah	 <b>Ahmad Rizo'ain Yusof</b> Pegawai IT Kanan, UTM Digital Peranan: Teknikal (Convo on stage & RFID)	 <b>Mohd Khairi Hassan</b> Pegawai IT, UTM Digital Peranan: Teknikal (iConvo)
 <b>Noraslin Karim</b> PTPO, AMD Peranan: Pengurusan Jubah	 <b>Madradzi Muhamad</b> Pegawai IT Kanan, TNCAA Peranan: Pengurus IT TNCAA	 <b>Azmi Kamis</b> Pegawai IT Kanan, UTM Digital Peranan: Teknikal (UTMSmart)
 <b>Dr. Mohd Adib Sarjari</b> Pensyarah Kanan, Sekolah Kejuruteraan Elektrik Peranan: Penasihat Projek/ Subject Matter Expert IoT		

*"Problem is an opportunity to make a change"*



## ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

Menariknya, RFID yang berada dalam jubah konvokesyen UTM ini mampu bertahan sehingga 3,000 kali cucian secara panas dan tidak akan mudah rosak. Penyelenggaraan yang mudah tanpa bateri memberikan nilai tambah menggunakan sistem ini dalam jangka masa panjang. RFID bagi setiap jubah ini mengandungi keunikan kodnya yang tersendiri dan berbeza-beza antara satu sama lain bagi merekodkan inventori Jubah secara sistematik. RFID pada jubah konvokesyen ini turut berperanan memaparkan nama dan program semasa graduan menerima pengijazahan di atas pentas serta boleh dibaca dalam jarak 1 meter.

Jubah konvokesyen UTM secara RFID ini telah mula digunakan pada Majlis Konvokesyen ke-64 tahun 2021 dan kejayaan sistem ini diteruskan pada Majlis Konvokesyen ke-65 tahun 2022 dengan penambahbaikan berterusan sesuai dengan motto kumpulan **“Problem is an opportunity to make a change”**.



## ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

### Sistem Bersepadu Kemasukan Data Kursus Secara Atas Talian (iCODES) Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)

Semenjak ditubuhkan pada akhir 1974, Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE) telah berkembang menjadi salah satu pusat pakar akademik dan kejuruteraan elektrik di Malaysia. Dalam memastikan perkhidmatan akademik dijalankan dengan cekap dan efisien, kumpulan iCODES SKE telah bergerak secara tidak rasmi membangunkan sistem pengurusan penilaian dan pelaporan prestasi pelajar sejak 2017.

Hasil daripada sistem iCODES yang produktif, pensyarah dapat memberi tumpuan lebih kepada aktiviti pengajaran berbanding urusan dokumentasi pencapaian pelajar yang rumit dan berulang-ulang. Dari masa ke semasa, bilangan kursus yang mendapat faedah daripada sistem iCODES telah bertambah, dan secara rasmi iCODES akhirnya telah dilaksanakan untuk semua kursus di bawah kelolaan SKE pada 2021.

Untuk memastikan inovasi sistem **iCODES** berkualiti tinggi, iCODES telah dipersembahkan di pelbagai pertandingan inovasi sebagai langkah semak imbang. Setakat ini, 2 pingat emas (kNOVASI UKM 2021 & PiCTL UPM 2021), 2 pingat perak (VIC UiTM 2021 & MIIX 2022) dan 1 pingat gangsa (UTM INATEX 2022) telah berjaya dirangkul.





## ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN



Kejayaan yang paling membanggakan adalah apabila iCODES dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan Anugerah NALI UTM 2021. Kesemua pencapaian ini telah mengiktiraf iCODES sebagai sistem yang berkesan dan bermutu dari segi pengajaran dan perkhidmatan. Selain pertandingan, inovasi iCODES juga telah berjaya diterbitkan di dalam 2 kertas kerja persidangan (STLEE 2021 & SEATUC 2022). Tambahan lagi, 2 paten untuk sistem iCODES telah berjaya difailkan di MyIPO (Perbadanan Harta Intelek Malaysia) sebagai mengiktiraf keaslian inovasi iCODES.

Kejayaan menghasilkan iCODES adalah titik tolak daripada prinsip yang dipegang setiap rakan-rakan iCODES yang dipercayai bahawa “kecemerlangan pasti dicapai jika kita bergerak ke hadapan bersama”. Setiap ahli sejak dari mula lagi telah meletakkan komitmen yang tinggi dan memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan iCODES. Sebagaimana iCODES dibangunkan dengan aplikasi kolaborasi Google, kumpulan iCODES telah berjaya membangunkannya dengan semangat kolaborasi yang erat, mengangkat produktiviti warga SKE ke tahap yang lebih tinggi.

## ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

### Sistem Interlibrary Loan (ILL) : Penambahbaikan Proses Kerja Mengurus Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan Jabatan Perpustakaan UTM

Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan memberi penumpuan dan pelaksanaan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan serta kepuasan pelanggan. Usaha kepada proses penambahbaikan berterusan melahirkan inovasi **Sistem Interlibrary Loan (ILL)** yang berjaya memberi perkhidmatan perundingan maklumat dan perkhidmatan pembekalan penerbitan kepada pelanggan dalam membantu mereka mendapatkan maklumat dan bahan Perpustakaan dengan lebih berkesan. Pelaksanaan sistem ini berjaya mempertingkatkan sistem penyampaian berprestasi tinggi Perpustakaan kepada pengguna.

Sistem *Interlibrary Loan (ILL)* dibangunkan sepenuhnya oleh Pustakawan dengan kolaborasi bersama Pegawai Teknologi Maklumat Kanan. Ia mula digunakan secara rasmi pada 3 Mac 2021.

Penggunaan mulai Mac hingga Disember 2021 telah berjaya menguruskan sebanyak 276 permohonan ILL melibatkan permohonan buku dan artikel.

Kajian Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) 2021 melibatkan 150 maklum balas dan testimoni telah menunjukkan keputusan 'berpuashati' terhadap perkhidmatan perkhidmatan ILL. Hasil ini secara tidak langsung berjaya menyumbang kepada peningkatan keseluruhan CSI di mana indeks kepuasan pelanggan Perpustakaan UTM secara keseluruhan berjaya mencapai 98% berbanding 95% pada tahun 2021.






## ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

